6. Pemohon telahpun **mendaftarkan diri** di IPT bagi memulakan sesi pengajian.
7. Pendapatan isi rumah Ibu Bapa/ Penjaga Pemohon berjumlah **RM1,500 ke bawah**.

Nota:

**Matrikulasi/ Kursus Persediaan/ Tahun Asas/ A-Level/ ACCA/ LCCI/ Ijazah Lanjutan/ Kursus Pra-Perkhidmatan/ Kursus Perguruan Ijazah (DPLI/ KPLI)/ Pengajian Jarak Jauh (PJJ)/ Pengajian Luar Kampus (PLK) tidak layak memohon.*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: BANTUAN MANGSA BANJIR

23. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Difahamkan ada bantuan banjir pada awal tahun 2011 belum lagi diterima oleh mangsa-mangsa banjir yang terlibat?
- b) Senaraikan jumlah peruntukkan bencana banjir yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri mengikut setiap daerah.

JAWAPAN:

- a) Setelah disemak dan diteliti oleh Unit Kewangan, Pejabat Daerah/Tanah Klang, tidak ada mangsa-mangsa banjir yang belum menerima bantuan pada tahun 2011 seperti yang dimaklumkan oleh Y.B Tuan Badrul Hisham bin Abdullah. Sebaliknya, terdapat lima (5) orang mangsa bencana kebakaran dan ribut pada tahun 2011 yang belum menerima bantuan di atas sebab-sebab teknikal.

Bantuan tidak dapat disalurkan kerana mangsa tidak dapat dikesan akibat alamat yang didaftarkan tidak lengkap dan tiada nombor telefon untuk dihubungi. Pejabat Tanah/Daerah Klang telah mendapatkan bantuan daripada Ketua Kampung kawasan yang berkenaan untuk menghubungi mangsa-mangsa tetapi malangnya sehingga kini tiada maklum balas. Mangsa-mangsa yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

1. Mangsa kebakaran tahun 2011

(a) Samsiah bt Jonet (571121-71-1964)	RM 100.00
(b) Abd Ghani b. Abdul Gafar (680315-61-5621)	RM 500.00
(c) Mohd Farnizam (850529-06-5527)	RM 200.00

2. Mangsa Ribut Tahun 2011

(a) Mohd. Zaki bin Misrun (521216-08-5661)	RM 200.00
(b) Karim Box b. Mohd Nabi (561210-14-5233)	RM 200.00

JUMLAH	RM 1,200.00
---------------	--------------------

- b) Kerajaan Negeri Selangor melalui Tabung Bencana Khas Negeri Selangor telah memperuntukkan sejumlah RM50,000.00 sebagai amaun pusingan bagi Tabung Bencana setiap daerah. Peruntukan ini yang pada asalnya ditetapkan pada jumlah RM40,000.00 telah dinaikkan kepada RM50,000.00 bagi setiap daerah selaras dengan pindaan terhadap Arahan Amanah, Tabung Bencana Khas Negeri Selangor di bawah Seksyen 9(1), Akta Tatacara Kewangan 1957. Peruntukan Tabung Bencana Daerah boleh diimbuh balik kepada amaun pusingan RM50,000.00 tersebut setelah ia digunakan untuk tujuan bencana di daerah dengan mengemukakan dokumen-dokumen lengkap ke Perbendaharaan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENYENGKARAAN SAMPAH DI SELANGOR

24. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejak PBT di Selangor mengambil alih operasi pengutipan sampah dan pembersihan dari Alam Flora sejak tahu 2012, berapakah penjimatan kos yang dapat dibuat?

JAWAPAN :

- a) Setelah proses pengambilalihan dilaksanakan, semua PBT menyuarakan bahawa terdapat penjimatan terutama daripada segi kos berbanding semasa di bawah kendalian pihak AFSB. Jumlah penjimatan tersebut dapat dilihat seperti di **LAMPIRAN 1**.

LAMPIRAN 1

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN (RM)
1.	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM	22,844,403.60
2.	MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA	15,000,000.00
3.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	2,500,000.00
4.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	6,000,000.00
5.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	1,800,000.00
6.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	6,000,000.00
7.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	12,705,884.62
8.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	3,121,625.76
9.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	6,800,000.00
10.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	1,220,824.75
11.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	TIADA
12.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	2,955,477.40
	JUMLAH PENJIMATAN SETAHUN	80,948,216.13

*** sumber : Semua PBT, Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PROGRAM BELIA

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan kerajaan untuk menarik belia supaya lebih cenderung ke arah bidang agama dan kemasyarakatan?
- b) Adakah peruntukan disediakan untuk DUN melaksanakan program yang dirancang?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui inisiatif YAB Dato' Menteri Besar telah mengadakan satu program khidmat masyarakat ke arah keagamaan iaitu Anak Muda Prihatin Masjid. Program ini adalah untuk memperbaiki kerosakan kemudahan awam masjid seperti tandas, pintu dan sebagainya. Tenaga pelaksana bagi program ini adalah PeBT bersama belia-belia di kawasan tersebut.

Selain daripada itu, Jawatankuasa Tetap Belia juga dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan dan PeBT turut mengadakan program khidmat masyarakat seperti gotong-royong, menanam pokok dan sebagainya. Pada tahun ini, Jawatankuasa ini menetapkan supaya setiap PBT perlu mengadakan Youth In Community sekurang-kurangnya sekali setahun seperti yang telah dilaksanakan pada tahun-tahun yang lepas.

Generasi Idaman Selangor atau dikenali sebagai GemS merupakan program belia yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Tetap Modal Insan bertujuan mendidik sahsiah belia yang terpuji di masa hadapan. GemS ini dilaksanakan mengikut daerah dan program ini diisi dengan pelbagai pengisian. Sebagai contoh pada tahun 2011, GemS diadakan bersempena Ambang Tahun Baru 2012. Pada siangnyanya, pelbagai program sukan, perniagaan dan pameran-pameran diadakan. Manakala pada malamnya, program santai bersama Ustaz Azhar Idrus diadakan seterusnya pada jam 12 malam Skuad Anti Zina menjalankan tanggungjawab agama dalam mengekang masalah sosial di kalangan remaja.

- b) Kebanyakan program ini dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Penggerak Belia Tempatan. Kerajaan Negeri mengalu-alukan penglibatan DUN untuk turut sama dalam program ini berikutan program ini terbuka dan dilaksanakan mengikut Jawatankuasa Tetap.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: INAP DESA

26. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan produk inap di Selangor mengikut daerah?
- b) Apakah strategi dan program kerajaan negeri untuk memastikan produk Inap Desa di Selangor terus berdaya maju?
- c) Bagaimanakah sumbangan produk ini terhadap pelancongan negeri?

JAWAPAN:

- a) Program inap desa ataupun homestay semakin mendapat tempat dikalangan pelancong terutama daripada negara-negara Eropah mahupun dari negara Asia seperti Singapura. Program homestay mempunyai daya tarikan tersendiri terutama dari aspek kebudayaan, warisan serta kedudukan sesebuah homestay.

Kebudayaan merupakan salah satu aspek paling penting dan yang paling utama menjadi daya tarikan utama kepada pelancongan. Keenakan makanan masakan melayu yang pelbagai serta keunikan makan menggunakan tangan serta duduk bersila sentiasa menjadi pilihan pelancong. Pemakaian kain pelikat dan kain batik sentiasa menjadi keutamaan dan akhirnya akan menjadi barangan cenderahati yang bermakna kepada pelancong.

Para pelancongan juga sentiasa didedahkan dengan keunikan tarian mahupun keindahan barangan kraftangan yang turut memberi pengalaman kepada pelancongan untuk mencuba dan merasai pengalaman melakukan aktiviti ini sendiri.

Kedudukan sesebuah homestay juga menjadi kekuatan kepada pemilihan sesebuah homestay oleh pelancongan. Sawah padi saujana mata memandang mahupun keindahan pantai juga menjadikan aktiviti sesebuah homestay berbeza dan unik. Komoditi utama negara seperti kelapa sawit, getah dan koko sentiasa menjadi perhatian para pelancong dan sentiasa menjadi persinggahan bagi para pelancong untuk mendekati secara dekat mahupun menyentuh tumbuhan ini .

Walaupun bagaimanapun pertumbuhan dan perkembangan industri homestay ini dikawal oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Kementerian Pelancongan Malaysia mengeluarkan lesen serta garis panduan serta kriteria yang perlu dipatuhi oleh para pengusaha homestay.

Sehubungan dengan itu di Selangor terdapat 15 buah homestay yang berlesen dan sentiasa menjadi keutamaan kepada Tourism Selangor dalam aktiviti promosi dalam dan luar negara serta menjadikan ianya antara pakej utama bagi kunjungan Negeri Selangor. Berikut adalah homestay tersebut :

- | | | | |
|-----|---------------------------------------|---|-----------------------|
| 1) | Homestay Kampung Sungai Lang Tengah | - | Daerah Kuala Langat |
| 2) | Homestay Kampung Endah | - | Daerah Kuala Langat |
| 3) | Homestay Kampung Batu Laut | - | Daerah Kuala Langat |
| 4) | Homestay Kanchong Darat | - | Daerah Kuala Langat |
| 5) | Homestay Kampung Kundang | - | Daerah Kuala Langat |
| 6) | Homestay Banghunis | - | Daerah Sepang |
| 7) | Homestay Bougainvillea, Sungai Kertas | - | Daerah Gombak |
| 8) | Homestay Sungai Tenggi | - | Daerah Hulu Selangor |
| 9) | Homestay Sungai Sireh | - | Daerah Kuala Selangor |
| 10) | Homestay Batu 23 Sungai Nibong | - | Daerah Sabak Bernam |
| 11) | Homestay Sungai Haji Dorani | - | Daerah Sabak Bernam |
| 12) | Homestay Sepintas | - | Daerah Sabak Bernam |
| 13) | Homestay Air Manis | - | Daerah Sabak Bernam |
| 14) | Homestay Papitusulem | - | Daerah Sabak Bernam |
| 15) | Homestay Kayangan | - | Daerah Sabak Bernam |
- b) Homestay atau Inap Desa adalah merupakan salah program pelancong yang semakin popular. Ianya bukan sahaja terdapat di Negeri Selangor bahkan diseluruh Malaysia antaranya seperti di Negeri Kelantan, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan beberapa negeri yang lain. Bahkan program yang hampir sama turut dilakukan di beberapa negara seperti di Taiwan (Leisure Stay) dan negara barat yang turut dikenali sebagai 'Farm Stay'. Sehubungan dengan itu Tourism Selangor sebagai agensi promosi telah dan akan terus melakukan aktiviti promosi antaranya :
- | | |
|----|---|
| 1) | Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor sentiasa memainkan peranan utama dalam memastikan produk homestay atau inap desa dipromosikan secara meluas samada di dalam mahupun di luar negara . |
| 2) | Tourism Selangor akan menggunakan semua saluran media yang sedia ada mahupun media alternatif serta penggunaan laman web rasmi Tourism Selangor dalam mempromosikan program yang semakin popular di kalangan pelancong dalam dan luar negara ini. |

- 3) Terdapat beberapa siri lawatan media dan agensi pelancongan dari dalam dan luar negara telah dan akan diatur oleh Tourism Selangor bagi memastikan semua maklumat berkaitan aktiviti homestay dapat sampai dengan tepat dan berkesan kepada para pelancong.
 - 4) Tourism Selangor yang mempunyai aktiviti Skuad Kembara Selangor Shines yang menjelajah ke sekolah-sekolah menengah serta IPTA dan IPTS seluruh negeri Selangor serta aktiviti Roadshow Selangor Shines yang membuat promosi keseluruhan negara yang turut mengedarkan risalah pelancongan berkaitan homestay cetakan Tourism Selangor kepada masyarakat umum bagi membolehkan mereka mendapat maklumat dan merancang percutian homestay mereka.
 - 5) Tourism Selangor juga telah dan akan merancang dengan membawa beberapa acara bagi menjadikan homestay sebagai lokasi utama penganjuran acara sebagai contoh Larian Bendang dan beberapa acara yang akan dirancang.
 - 6) Pakej-pakej yang menarik dengan pelbagai aktiviti yang bersesuaian dengan lokasi sesebuah homestay turut giat di bangunkan dan dijual oleh Tourism Selangor kepada pelancong dalam dan luar negara .
- c) Dengan wujudnya program inap desa, telah berjaya menarik perhatian dan menyumbang kepada bilangan kedatangan pelancong ke negeri Selangor. Program inap desa ini juga secara langsung dapat meningkatkan taraf kehidupan dan pendapatan ekonomi Negeri Selangor khususnya kepada penduduk kampung yang terlibat dalam program ini. Selain itu juga, dengan wujudnya program inap desa ini, ia dapat meningkatkan jumlah dan kualiti kemudahan dan infrastruktur kepada kampung yang terlibat. Program ini dapat mengekalkan dan memelihara tentang adat, tradisi dan warisan Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : TAMAN SAINS SELANGOR II

27. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pecahan jumlah syarikat dan pelaburan di Selangor Science Park II pada 2009, 2010, 2011?
- b) Berapa ramai peluang pekerjaan yang diwujudkan di kawasan ini sehingga kini?

JAWAPAN :

a) Pecahan jumlah syarikat dan pelaburan di Selangor Science Park II;-

Bil	Tahun	Nama Syarikat	Keluasan Tapak	Jenis Pembangunan	Jumlah Pelaburan (RM)
1	2008	Q-Cells (M) Sdn. Bhd.	44 ekar	Kilang Pengeluar Panel Solar	RM 1.45 bilion
2	2009	EUPE Corporation Berhad	22.3 ekar	Komersil (Lot-lot Kedai)	504.2 juta (GDV)
3	2011	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	5 ekar	356 SOHO Unit	60 juta (GDV)
4	2012	SEGI University College	27.4 ekar	Kampus Pendidikan, Perumahan	41.1 juta
5	2012	Harvey Norman	10 ekar	Pusat Lojistik & Pengedaran	100 juta

- b) Sebanyak **800 peluang pekerjaan** telah diwujudkan di kawasan ini sehingga kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: MASALAH JENAYAH

28. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah jenis-jenis dan punca-punca jenayah yang berlaku di Negeri Selangor khususnya di Kawasan Dewan Negeri Pelabuhan Klang?
- b) Sila senaraikan dalam statistik secara terperinci bagi sepuluh tahun yang lepas. Apakah usaha dan inisiatif kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan-badan kerajaan yang lain dalam membanteras jenayah?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BEKALAN AIR DI EMPANGAN SELANGOR BERLEBIHAN

29. Menurut sumber Selangorku (25 Mei – 1Jun 2012) ‘Tujuh empangan di Selangor mencatat berlebihan air’.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar:

- a) Mengapakah terdapat khabar angin mengatakan Selangor akan menghadapi kekurangan air dalam masa terdekat?
- b) Apakah implikasi yang akan dihadapi sekiranya diteruskan projek air dari Pahang ke Hulu Langat?
- c) Apakah cadangan untuk menggunakan air banjir yang sering berlaku di Hulu Langat?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan rekod pemantauan pihak Lembaga, Negeri Selangor masih mempunyai sumber air mentah yang mencukupi untuk tujuan bekalan air melalui penggunaan secara optimum dan efisien sumber air empangan. Terdapat tujuh (7) empangan utama di Negeri Selangor yang berfungsi untuk menakung air semasa musim hujan dan diuruskan supaya ia boleh digunakan untuk tujuan bekalan air.

Pemantauan pihak LUAS sehingga 22 Jun 2012 terhadap paras air di tujuh (7) empangan di Negeri Selangor mendapati semuanya dalam keadaan yang baik dan terkawal di mana tiga empangan iaitu Empangan Sungai Langat, Klang Gates dan Semenyih masih mempunyai kapasiti simpanan maksimum 100% dan paras air empangan adalah melebihi paras air tertinggi (*Top Water Level*) dan mengalami limpahan (*spill*). Manakala empat (4) empangan iaitu Sungai Selangor, Sungai Tinggi, Batu dan Tasik Subang mengalami sedikit penurunan kapasiti empangan.

Ini adalah berikutan Monsun Barat Daya yang membawa cuaca kering dan kurang hujan di kawasan tadahan air empangan yang dijangka bermula Mei hingga September. Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan kadar taburan hujan akan meningkat semula mulai bulan September.

- b) Implikasi yang mesti diberikan perhatian dalam pelaksanaan Projek Langat 2 adalah dari segi alam sekitar, masalah social seperti perpindahan orang asli setempat, kemalangan dan kesesakan lalu lintas. Pada masa yang sama, implikasi kewangan juga merupakan salah satu pertimbangan yang perlu diperhalusi kerana ia melibatkan bayaran tarif yang akan dicaj kepada pengguna kelak.
- c) Cadangan bagi menggunakan aliran air banjir (*flood flow*) untuk ditakung ke dalam kolam bekas lombong berhampiran adalah salah satu inisiatif pihak Lembaga dalam meningkatkan kebolehdapatan sumber air serta bertindak dwifungsi di mana bagi mengelakkan banjir di bahagian hilir.

Sehubungan itu, pihak Lembaga sedang dalam peringkat penyediaan bagi pelaksanaan 'Kajian Kolam Bekas Lombong Sebagai Kolam Takungan Aliran Banjir di Lembangan Sungai Selangor' setelah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah LUAS Bil.6/2011 pada 20 Disember 2011 dengan peruntukan daripada Bajet Pembangunan sebanyak RM 800,000.00 bagi tempoh kajian selama enam (6) bulan. Hasil daripada kajian tersebut akan direplikasi ke kawasan lain yang berpotensi tertakluk kepada kesesuaian tapak dan data hidrologi.

Maklumat Tambahan

Kedudukan paras air empangan dan peratus kapasiti takungan air empangan sehingga 22 Jun 2012 adalah seperti berikut:

EMPANGAN	PARAS AIR MAKSIMUM (TWL, m)	KAPASITI TAKUNGAN (juta m ³)	PARAS AIR EMPANGAN (m ODL)	PERATUS KAPASITI TAKUNGAN (%)
			22 JUN 2012	22 JUN 2012
SUNGAI SELANGOR	220	235	218.30	94.53
SUNGAI TINGGI	59.5	114.50	59.04	97.22
KLANG GATES	95.22	32.0	95.86	100
BATU	102.7	30.5	102.73	100
TASIK SUBANG	38.58	3.53	38.34	97.71
SUNGAI LANGAT	220.96	37.5	221.0	100
SEMENYIH	111	61.735	111.1	100

- i) Berdasarkan maklumat Jabatan Meteorologi Malaysia, keadaan Monsun Barat Daya membawa cuaca kering dan penurunan kadar taburan hujan pada bulan Mei hingga September 2012. Sungai turut mengalami aliran rendah (*low flow*) pada ketika ini. Hujan dijangka bawah paras purata di Negeri Selangor bermula Jun hingga Julai 2012, dengan jumlah hujan bulanan di antara 90-120 mm pada Jun 2012 dan 50-100 mm pada Julai 2012.
- ii) Pihak LUAS telah mengeluarkan surat Pemakluman Perubahan Cuaca Kering Akibat Monsun Barat Daya pada 4 Mei 2012 kepada semua pengendali empangan supaya mengambil langkah-langkah kawalan seperti berikut:

Pematuhan prosedur operasi empangan / '*dam rule curve*' bagi mengawal pelepasan air daripada empangan di mana pelepasan air adalah mengikut keperluan optimum di loji dan turut mengambilkira keperluan aliran alam sekitar '*environmental flow*';

- Mengadakan perbincangan bersama pihak Lembaga jika berlakunya konflik dari segi pelepasan air dari empangan seperti yang melibatkan empangan dwifungsi iaitu untuk tujuan bekalan air dan tebatan banjir;
- Menjalankan pemantauan dan bertindak sewajarnya jika simpanan air empangan mencapai isipadu kawalan / '*control volume*' atau 50%; dan
- Menjalankan pemantauan paras air di muka sauk bagi memastikan kuantiti air yang di pam adalah mencukupi dan tidak memberi kesan ke atas operasi pam air mentah hingga mengakibatkan kegagalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PELABURAN ASING

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah nilai pelaburan asing di Negeri Selangor dari Januari 2012 hingga Mei 2012 dan tolong senaraikan mengikut Negara.
- b) Apakah status kedudukan pelaburan asing di Selangor ini jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia ?

JAWAPAN :

- a) Nilai pelaburan asing di Negeri Selangor dari **Januari hingga April 2012 adalah sebanyak RM 1,033,929,923**. Pecahan pelaburan mengikut negara adalah seperti berikut;-

Negara	Bil.	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Asing (RM)
Switzerland	1	61	246,150,000
Germany	4	345	196,952,905
Singapore	5	426	130,187,869
Thailand	2	289	93,658,200
Japan	2	568	63,891,092
China	7	524	53,543,471
India	2	103	17,449,200
Australia	1	82	9,667,506
France	1	34	8,870,000
United Kingdom	1	23	7,600,000
Korea	1	14	3,760,000
Italy	1	29	2,819,339
Netherlands	1	10	2,766,679
Saudi Arabia	1	13	2,021,433
Taiwan	1	0	685,290
New Zealand	1	50	645,799
United States	1	40	519,500
Lain-lain Negara	11	1,815	192,741,640
Jumlah	***	***	1,033,929,923

- b) Status prestasi pelaburan bagi Negeri Selangor berbanding negeri-negeri lain adalah amat memberangsangkan dimana Selangor kekal di tangga kedua dengan nilai pelaburan berjumlah **RM 4,548,537,426** daripada **90** buah projek perkilangan yang diluluskan.

Manakala jumlah pelaburan asing mewakili kira-kira **22.7%** dari keseluruhan jumlah nilai pelaburan yang diterima iaitu sebanyak **RM 1,033,929,923**. **Selangor menduduki tempat ke lima dari segi jumlah nilai pelaburan asing yang diterima.**

Maklumat terperinci seperti jadual berikut;-

Negeri	Jan - April 2012				
	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Johor	58	8,835	542,195,136	1,880,275,319	2,422,470,455
Terengganu	7	311	120,553,930	1,302,669,070	1,423,223,000
Sarawak	9	1,117	302,464,657	1,080,911,912	1,383,376,569
Perak	15	2,472	68,867,651	1,048,263,141	1,117,130,792
Selangor	90	8,836	3,514,607,503	1,033,929,923	4,548,537,426
Penang	27	3,839	287,178,082	686,510,749	973,688,831
Pahang	6	354	120,022,310	253,128,657	373,150,967
Sabah	13	1,378	4,582,985,440	175,381,094	4,758,366,534
Negeri Sembilan	12	915	423,132,049	157,658,085	580,790,134
Kedah	12	766	33,877,641	75,442,858	109,320,499
Melaka	9	419	37,441,757	53,876,920	91,318,677
FT Kuala Lumpur	8	621	107,318,261	36,739,194	144,057,455
Kelantan	2	55	4,056,000	0	4,056,000
Jumlah	268	29,918	10,144,700,416	7,784,786,923	17,929,487,339

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENDIDIKAN TINGGI

31. Merujuk buku “Urus Tadbir Selangor – Dasar, Program, Fakta” berkenaan pendidikan tinggi, m.s 42.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menjayakan Persidangan Akademi Sains dalam Dunia Islam?
- b) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menjayakan Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam?
- c) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menjayakan Simposium Antarabangsa IAB-IAS?

JAWAPAN :

- a) Peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menjayakan Persidangan Akademi Sains dalam Dunia Islam adalah sebanyak RM300,000 pada tahun 2009.
- b) Sebanyak Rm200,000 telah dibelanjakan bagi menjayakan Persidangan Antarabangsa Pendidikan Islam pada tahun 2012 dan sebanyak Rm200,000 pada tahun 2011.
- c) Peruntukan yang telah dibelanjakan bagi Simposium Antarabangsa IAB-IAS pada tahun 2011 menjayakan sebanyak RM100.000.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: BANTUAN KEPADA PETANI DAN NELAYAN

32. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Apakah bantuan yang diberi kepada petani dan nelayan?

JAWAPAN:

a) Bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada petani adalah seperti berikut:

**KADAR PERUNTUKAN DAN KETERANGAN PROJEK PEMBANGUNAN JABATAN
PERTANIAN NEGERI SELANGOR BAGI RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (RMK-10)
TAHUN 2011-2015**

Kod Projek	Nama Projek / Subprojek	Kadar Pembiayaan	Spesifikasi bantuan
01000	Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Makanan	(i) Pembangunan TKPM Baru	
		RM 20,000.00/ha	Pembersihan dan penyediaan tapak (termasuk pengukuran dan pembahagian lot, penyiasatan tanah dan kerja-pemuliharaan tanah), kemudahan jalan (jalan masuk dan jalan ladang), kemudahan perparitan, kemudahan utiliti (elektrik dan air), pejabat ladang, peralatan kejenteraan pertanian, pagar sempadan projek, penyediaan laporan EIA dan peralatan ICT.
		(ii) Penyediaan kemudahan sistem penanaman secara terkawal	
		RM 75,000.00/ha	Struktur pelindung berjaring
		RM 750,000.00/ha	Struktur pelindung hujan beserta kaedah fertigasi
		(iii) Menaiktaraf infrastruktur dan menyediakan kemudahan bagi TKPM sedia ada	

		RM 500.00/ha	infrastruktur di TKPM sediaada seperti jalan ladang, perparitan dan sistem pengairan
		RM 20,000.00/ha	kemudahan seperti stor SALM
		(iv) Baik pulih kesuburan tanah	
		RM 2,000.00/ha	pembelian baja organan dan pembinaan bangsal serta bahan penyediaan kompos
Kod Projek	Nama Projek / Subprojek	Kadar Pembiayaan	Spesifikasi bantuan
02000	Pembangunan Tanaman Makanan		
	01-Projek Tanaman Padi	(i) Pengamalan Pakej Teknologi Padi Terkini	
		RM 1,500.00/ha	jentera penanaman (<i>transplanter</i>)
		(ii) Perladangan Persis	
		RM 30,000.00/ tahun	Mewujudkan model Perladangan Persis dengan memberi penekanan kepada Amalan Pertanian Baik termasuk membangun dan menilai teknologi pengurusan tanaman padi.
		(iii) Pengurusan Perosak Bersepadu	
		RM 300,000.00/ tahun	pengurusan perosak dan penyakit tanaman padi secara bersepadu dengan penumpuan kepada kawasan berlaku wabak (outbrake)
		(iv) Automasi dan mekanisasi	
		RM 400,000.00/ tahun	perolehan mesin, jentera dan peralatan yang dapat mempercepat dan memudahkan operasi ladang. Pembelian mesin-mesin terkini berdasarkan perkembangan teknologi semasa.
		(v) Pembangunan institusi petani	
		RM 370,000.00/ tahun	modal insan dan meningkatkan keupayaan R & D pegawai dan petani dalam sektor tanaman padi melalui latihan amali dan teori oleh pakar. Juga melalui kursus, <i>hands-on</i> , lawatan, seminar dan sesi kerja.

		(vi) Perolehan peralatan saintifik	
		RM 100,000.00/tahun	Peralatan ini membantu aktiviti kutipan data dan pertanian persis melalui penggunaan peralatan seperti <i>Leaf Color Chart</i> , pH meter, <i>Auger</i> dan <i>SPAD Meter with Data Logger</i> atau peralatan terkini berdasarkan perkembangan teknologi semasa
		(vii) Pengurusan Berpusat Padi	
		RM 300,000.00/tahun	Menggalakkan pesawah dalam satu kawasan atau blok untuk bergabung dan berfungsi sebagai satu unit pengeluaran supaya semua aktiviti berkaitan tanaman padi dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. Petani akan diberi insentif berdasarkan kecekapan pengurusan yang mematuhi 10 faktor penentu meningkatkan hasil padi. insentif dalam bentuk dana pengurusan.
	02-Projek Tanaman Buah-Buahan	(i) Pakej Teknologi Buah-buahan Kawasan Baru	
		RM 10,000.00/ha	Fokus tanaman adalah betik, pisang dan tembikai dan belimbing; Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.
		(ii) Pakej Teknologi Buah-buahan Kawasan Sediada	
		RM 8,000.00/ha	Fokus tanaman adalah durian, rambutan, mangga, belimbing, dan manggis. Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman, teknologi pasca tuai dan penggantian klon.
		(iii) Pengujian dan Penyesuaian Teknologi Tanaman Buah-buahan	

		RM 10,000.00/ha	Fokus tanaman adalah betik, pisang, tembikai, durian, rambutan, dan belimbing. Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.
03-Projek Tanaman Industri Sayuran dan Tanaman Ladang	(i) Pakej Teknologi Sayur-Sayuran Komersil Kawasan sediaada.		
	RM 10,000.00/ha	Fokus tanaman adalah sayur-sayuran seperti bendi, tomato, cili, terung, kacang panjang, kacang buncis, sawi, kailan, kobis, kangkung, bayam, labu, timun, petola, peria dan tanaman kontan seperti jagung, keledek, ubi kayu, halia, tebu. Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.	
	(ii) Pakej Teknologi Penanaman Secara Fertigasi		
	RM150,000.00/ha	Fokus tanaman tomato, cili, melon, timun. Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.	
	(iii) Pakej Teknologi Ladang Organik		
	RM 10,000.00/ha	Fokus tanaman adalah seperti bendi, cili, terung, petola, timun, sawi, kailan, kangkung, jagung, keledek, tebu, ubi kayu, padi, ulam-ulaman, pitaya, betik, limau, longan, jambu batu, belimbing, mangga, nangka, nenas, dokong, pisang, manggis, cempedak, rambutan. ii. Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan,	

			saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.
		(iv) Pengujian dan Penyesuaian Teknologi Sayur-sayuran.	
		RM 10,000.00/ projek	Fokus tanaman adalah bendi, tomato, cili, terung, kacang panjang, kacang buncis, sawi, kailan, kobis, flokoli, salad, kangkung, bayam, labu, timun, petola, peria dan tanaman kontan seperti jagung, keledak, ubi kayu, halia, tebu, kacang tanah, sengkuang. Insentif amalan teknologi pertanian merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saluran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi kawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.
	04-Projek Tanaman Kelapa	(i) Penanaman Semula Kelapa	
		RM 12,500.00	Tahun pertama : membiayai aktiviti penebangan, pembersihan kawasan, membina system peparitan, menambak tanah antara 2 parit (cambering), pagar, jalan ladang, input tanaman kelapa, input tanaman integrasi serta kos tenaga.
		RM 2,500.00	Tahun kedua, ketiga dan keempat : benih sulaman (bilangan bergantung kepada bilangan anak pokok yang mati-bagi tahun kedua), baja, racun serangga, racun rumpai, input tanaman integrasi serta tenaga buruh
		(ii) Pemulihan Kawasan Kelapa	
		RM 2,500.00	Tahun pertama : benih kelapa sulaman, baja racun serangga, racun rumpai serta input tanaman integrasi.

		RM 1,500.00	Tahun kedua dan ketiga : benih sulaman (bilangan bergantung kepada bilangan anak pokok yang mati-bagi tahun kedua), baja, racun serangga, racun rumpai serta input tanaman integrasi.
		(iii) Pemerhatian dan Promosi	
			Aktiviti pemerhatian dan promosi sedang dijalankan di Pusat-Pusat Pertanian bertujuan untuk memindahkan teknologi pertanian yang bersesuaian diaplikasikan oleh petani untuk meningkatkan jumlah pengeluaran dan pendapatan petani melalui tanaman selingan kontan, pengawalan perosak/penyakit bersepadu, penggunaan teknik terbaru dan sebagainya. Peruntukkan di bawah Program Pemulihan Kelapa diguna untuk tujuan tersebut. Cadangan sub-projek Tanaman Kelapa Matag di Pusat Pertanian Parit Baru (3ha) dan Pusat Pertanian Jaya Setia (5ha).
Kod Projek	Nama Projek / Subprojek	Kadar Pembiayaan	Spesifikasi bantuan
03000	Pembangunan Tanaman Industri		
	01-Projek Tanaman Nenas	RM 10,000.00/ha	Kawasan baru
		RM 5,500.00/ha	Kawasan sedia ada
	02-Projek Tanaman Umbisi	RM 10,000.00/ha	Kawasan baru
		RM 5,500.00/ha	Kawasan sedia ada
Kod Projek	Nama Projek / Subprojek	Kadar Pembiayaan	Spesifikasi bantuan
4000	Pembangunan Industri Bunga dan Tanaman Hiasan	(i) Perladangan Mapan Bunga Keratan Orkid Secara Komersil	
		RM 20,000.00/ rumah teduhan	Menyediakan dan menaiktaraf kemudahan infrastruktur seperti rumah teduhan bersaiz 10 meter (lebar) X 15 meter (panjang) X 3.5 meter (tinggi)

			termasuk kelengkapan.
		RM 20,000.00/ peserta	Menyediakan bahan Input seperti baja, racun, benih/anak pokok
		RM 10,000.00/ peserta	Menyediakan kemudahan sistem pengairan termasuk pam air dan paip
		(ii) Pengurusan Nurseri Bunga dan Tanaman Hiasan Secara Komersil	
		RM 20,000.00/ rumah teduhan	Menyediakan dan menaiktaraf kemudahan infrastruktur seperti rumah teduhan bersaiz 10 meter (lebar) X 15 meter (panjang) X 3.5 meter (tinggi) termasuk kelengkapan
		RM 10,000.00/ peserta	Menyediakan bahan Input seperti baja, racun, benih/anak pokok
		RM 10,000.00/ peserta	Menyediakan kemudahan sistem pengairan termasuk pam air dan paip
		(iii) Promosi Bunga-bunga Tanaman Hiasan	
		RM 15,000.00/ rumah teduhan	Menyediakan dan menaiktaraf kemudahan infrastruktur seperti rumah teduhan bersaiz 7 meter (lebar) X 12.5 meter (panjang) X 3.5 meter (tinggi) termasuk kelengkapan
		RM 5,000.00/ peserta	Menyediakan bahan Input seperti baja, racun, benih/anak pokok
Kod Projek	Nama Projek / Subprojek	Kadar Pembiayaan	Spesifikasi bantuan
05000	Pembangunan Industri Asas Tani		
	01-Pemporsesan makanan	(i) Peningkatan projek-projek yang sedia ada dan Projek Baru	
		RM10,000.00/ usahawan	Peralatan dan mesin
		RM35,000.00/ usahawan	Pembinaan atau naiktaraf bengkel
	02-Pemprosesan	(i) Peningkatan projek-projek yang sedia ada dan Projek	

	makanan tradisional	Baru	
		RM10,000.00/ usahawan	Peralatan dan mesin
		RM35,000.00/ usahawan	Pembinaan atau naiktaraf bengkel
	03-Pembangunan kraftani	(i) Peningkatan projek-projek yang sedia ada dan Projek Baru	
		RM10,000.00/ usahawan	Peralatan dan mesin
		RM35,000.00/ usahawan	Pembinaan atau naiktaraf bengkel
Kod Projek	Nama Projek / Subprojek	Kadar Pembiayaan	Spesifikasi bantuan
09000	04-Pembangunan Produk Baru	(i) Peningkatan projek-projek yang sedia ada dan Projek Baru	
		RM10,000.00/ usahawan	Peralatan dan mesin
		RM35,000.00/ usahawan	Pembinaan atau naiktaraf bengkel
	05-Memajukan Industri Asas Tani (IAT)- Bukan Makanan	(i) Peningkatan projek-projek yang sedia ada dan Projek Baru	
		RM10,000.00/ usahawan	Peralatan dan mesin
	06-Pembangunan Makmal PKT Daerah	RM20,000.00/ daerah	Naiktaraf sistem pengajaran, mempertingkatkan keselesaan ruang pembelajaran dan penyeleggaraan bagi kemudahan asas makmal.
	07-Pembangunan kemudahan promosi dan pembungkusan	RM10,000.00/ usahawan	Pembungkusan produk
			Pembiayaan 'booth' pameran dan ekspo, rak pameran, yuran penyertaan usahawan, cenderahati dan 'doorgift' diambilkira sebagai ujirasa dan pembangunan promosi produk.

	08-Pembangunan Modal insan petani/pegawai dan perolehan teknologi	RM20,000.00/daerah	Latihan dan lawatan pegawai dan petani
	Program Pembangunan Agropelancongan	RM50,000.00/TKPM	Untuk melengkapkan pelaksanaan projek pertanian komersil yang berdaya maju dan baday saing sebagai sebuah destinasi pelancongan.
		RM 10,000.00/daerah	Usahawan besar
		RM 60,000.00/daerah	Café dan homestay
		RM 10,000.00/daerah	Induk Industri Asas Tani sedia ada
		RM20,000.00/daerah	Induk Industri Asas Tani baru
		RM50,000.00/daerah	Dusun
Kod Projek	Nama Projek / Subprojek	Kadar Pembiayaan	Spesifikasi bantuan
10000	Pembangunan Pertanian Bersepadu		
	01-Industri perladangan bersepadu kawasan tumpuan	RM 50,000.00/projek	Keluasan minima 10ha.
	02-Intergasi tanaman herba dan perhutani	RM 20,000.00/ha	jenis herba yang mendapat permintaan tinggi ialah serai, mas cotek, misai kucing, pegaga, stevia, limau kasturi dan limau purut.
	03-Pembangunan sumber pertanian baru cendawan & pertanian berteknologi tinggi	RM 20,000.00/peserta	pembinaan prasarana sokongan yang berkaitan seperti rumah cendawan, pusat penyediaan media tanaman, makmal penyediaan benih dan pusat pemprosesan makanan berasaskan cendawan

		RM 20,000.00/ projek	Jenis tanaman yang dipilih ialah cili, melon, timun, tomato dan terung. insentif amalan teknologi pertanian yang merangkumi penyediaan kawasan, sistem pengairan, saliran dan perparitan, teknologi pembajaan, teknologi pengawalan perosak tanaman dan teknologi pasca tuai.
	04-Pembangunan sumber bahan mentah bagi industri bioteknologi	RM 40,000.00/ projek	pengeluaran benih tisu kultur yang berkualiti.
		RM 20,000.00/ projek	usahawan pembuatan EM dan IMO dibantu dengan menaiktaraf bengkel-bengkel yang sediada perlu dengan peralatan-peralatan yang bersesuaian.
Kod Projek	Nama Projek / Subprojek	Kadar Pembiayaan	Spesifikasi bantuan
13000	Pengurusan Tanah Bermasalah		
	01-Tanah Gambut	RM 30,000.00/ha	
	02-Tanah Bekas Lombong	RM 25,000.00/ha	
	03-Tanah Berpotensi asid Sulfik	RM 30,000.00/ha	
Kod Projek	Nama Projek / Subprojek	Kadar Pembiayaan	Spesifikasi bantuan
14000	Pengurusan Tanah Terbiar	RM 20,000.00/ha	Pembangunan kawasan dan infrastruktur ladang iaitu pembersihan kawasan dan penyediaan kawasan, sistem pengairan dan saliran, jalan ladang serta insentif amalan teknologi pertanian. Meningkatkan aktiviti pasca tuai iaitu mengukuhkan rantai pemasaran dari segi hasil kepelbagaian produk (IAT), pusat pengumpulan, penggredan dan pemasaran hasil ladang, stor, dan bengkel pemprosesan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PERBELANJAAN PENGUBAHSUAIAN AHLI-AHLI MAJLIS
BANDARAYA PETALING JAYA**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan memberi pecahan terperinci tentang perbelanjaan pengubahsuaian (renovation) pejabat dan pusat khidmat Ahli-ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya bermula tahun 2008 hingga 2012.

JAWAPAN :

- a) Di MBPJ, Pejabat Pusat Ahli Majlis ini bermula pada tahun 2008. Kosnya adalah minima kerana menggunakan pejabat-pejabat dan dewan-dewan yang sedia ada di Petaling Jaya.

Pengubahsuaianya antara RM 10,000 hingga 15,000 ribu yang menjadikan kos keseluruhannya lebih kurang RM 360,000.00. Sehingga ini, tiada lagi ubahsuai yang dilakukan di MBPJ.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: GERAN SELANGORKU

34. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah geran yang masih belum digunakan mengikut kategori masing-masing dan apakah projek-projek yang telah diluluskan?

JAWAPAN:

a)

	Peruntukan	Diluluskan	Baki
1 INFRASTRUKTUR	50,000,000	37,668,182	12,331,818
2 PEMBINAAN INFRASTRUKTUR SUKAN	30,000,000	5,765,748	24,234,252
3 PEMERKASAAN WANITA	30,000,000	1,878,830	28,121,170
4 PENGUKUHAN BUDAYA	3,000,000	1,245,595	1,754,405
5 PEMELIHARAAN & PEMULIHAN ALAM SEKITAR	5,000,000	250,600	4,749,400
6 PENINGKATAN KUALITI HIDUP RAKYAT	5,000,000	45,000	4,955,000
7 JANGKAAN KEHIDUPAN BANDAR	10,000,000	26,450	9,973,550
8 PENGENALAN GAJI MINIMA	10,000,000	65,000	9,935,000
9 PENGUKUHAN DEMOKRASI	5,000,000	477,000	4,523,000
10 SOKONGAN PENDIDIKAN	30,000,000	1,016,600	28,983,400
11 PENINGKATAN KEMAHIRAN PENJAWAT AWAM	5,000,000		5,000,000
12 PENERANGAN MAKLUMAT NEGERI	10,000,000	770,000	9,230,000
13 KEUSAHAWANAN MUDA	30,000,000		30,000,000
14 PENGGERAK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR	22,000,000		22,000,000
15 DARI KEBAJIKAN KEPADA BEKERJA	20,000,000	10,000	19,990,000
16 PEMBASMIAN RASUAH & PENYELEWENGAN	15,000,000		15,000,000
17 DARI PEJABAT KE RAKYAT	20,000,000	3,000,000	17,000,000
JUMLAH KESELURUHAN	300,000,000	52,219,006	247,780,994

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : HOSPITAL SHAH ALAM

35. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- a) Sila kemukakan butiran terperinci mengenai kronologi pembinaan Hospital tersebut dan bilakah ianya akan disiapkan ?
 - b) Sila nyatakan sehingga kini berapakah jumlah keseluruhan kos pembinaan hospital tersebut dan berapakah kos asal semasa tawaran dikeluarkan ?
 - c) Sila huraikan dengan jelas apakah kelemahan yang dikenal pasti sehingga berlaku kelewatan yang sedemikian serius dan berapakah jumlah kapasiti pesakit semasa yang dapat ditampung oleh hospital tersebut apabila siap kelak ?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: SKIM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)

36. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peniaga atau usahawan kecil yang memohon Skim Mikrocredit Miskin Bandar (MiMBAR) mulai Januari 2012 sehingga Jun 2012
- b) Berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan mengikut kawasan Dewan Negeri?

JAWAPAN:

- a) Keseluruhan permohonan yang diterima bagi Program Mikrocredit Miskin Bandar Selangor bagi tahun 2012 iaitu mulai Januari 2012 sehingga Jun 2012 adalah sebanyak 3,165 permohonan yang diterima dari 8 buah Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MPK, MBSA, MBPJ, MPSJ, MPAJ, MPS, MPKJ dan MPSP. Keseluruhan jumlah permohonan sehingga kini adalah sebanyak 11,242 borang permohonan.
- b) Jumlah keseluruhan permohonan yang telah diluluskan bagi MiMBAR Selangor adalah sebanyak 4,442 peniaga kecil bermula dari 3 Mac 2011 sehingga Jun 2012. Keseluruhan permohonan yang berjaya ini dipecahkan mengikut Dewan Undangan Negeri seperti di dalam jadual di bawah:

BIL.	DEWAN UNDANGAN NEGERI	JUMLAH PERMOHONAN BERJAYA SEHINGGA JUN 2012
1	BALAKONG	150
2	BANGI	88
3	BATU CAVES	242
4	BATU TIGA	247
5	BKT ANTARABANGSA	50
6	BUKIT GASING	1
7	BUKIT LANJAN	75
8	CHEMPAKA	105
9	DENGKIL	62
10	DUSUN TUA	44
11	GOMBAK SETIA	217
12	HULU KELANG	110
13	KAJANG	160
14	KG TUNKU	0
15	KINRARA	99
16	KOTA ALAM SHAH	27
17	KOTA ANGGERIK	99
18	KOTA DAMANSARA	248
19	KUANG	148
20	LEMBAH JAYA	215

21	MERU	284
22	PANDAMARAN	17
23	PAYA JARAS	108
24	PELABUHAN KLANG	134
25	RAWANG	131
26	SELAT KLANG	162
27	SEMENTA	208
28	SEMENYIH	0
29	SEPANG	10
30	SERI KEMBANGAN	19
31	SERI SERDANG	143
32	SERI SETIA	55
33	SG PELEK	32
34	SG PINANG	72
35	SRI ANDALAS	171
36	SRI MUDA	155
37	SUBANG JAYA	51
38	TAMAN MEDAN	146
39	TAMAN TEMPLER	110
40	TERATAI	47
JUMLAH		4,442

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM

37. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah kilang haram yang belum dan telah diputihkan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2010-2012?
- b) Apakah polisi kerajaan sekiranya sesuatu kilang haram hendak diputihkan?
- c) Adakah kerajaan menetapkan tempoh masa untuk kempen pemutihan kilang haram serta apakah langkah-langkah kerajaan negeri bagi memantau aktiviti pembinaan kilang haram?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kilang haram yang belum dan telah di putihkan mengikut daerah seperti di **Lampiran A**.
- b) Pihak Berkuasa Negeri telah melaksanakan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di mana kilang-kilang yang terlibat di dalam bancian akan diberi kemudahan (insentif rangsangan). Kemudahan ini diberikan kepada kilang-kilang haram yang dibina sebelum 11 September 2007 adalah seperti berikut :-
 - 1. Antaranya penurunan kuasa kepada Pegawai Daerah untuk kelulusan permohonan tukar syarat yang berada di dalam zon industri. Di luar zon industri perlu dibawa ke Jawatankuasa Induk Penempatan Kilang-Kilang Tanpa Kebenaran.
 - 2. Pengurangan Premium Tambahan. Pemberian potongan sebanyak 50% bagi bayaran dalam tempoh 3 bulan atau 30% bagi bayaran dibuat dalam tempoh 6 bulan atau 10% bagi bayaran dalam tempoh 9 bulan.
 - 3. Diberi juga bayaran premium secara ansuran sebanyak 12 kali bayaran dalam tempoh 18 bulan atau 24 bulan dari tarikh borang 5A atau 7G dikeluarkan bagi permohonan yang baru diluluskan atau mengikut baki tempoh yang ada dalam borang 5A atau 7G yang dikeluarkan bagi permohonan yang telah diluluskan terdahulu.
 - 4. Pengecualian premium khas atau denda yang telah ditetapkan di bawah kaedah 11(6) Kaedah Tanah Selangor 2003.

5. Pelanjutan tempoh pajakan atas syarat guna tanah pertanian bagi tanah bertempoh pajakan kurang 15 tahun atas kegunaan industri dan premium dikenakan berdasarkan nilai tanah semasa dan diberi pengurangan sebanyak 50%.
6. Insentif masih diperoleh sekiranya pemohon dapat membuktikan pihak institusi kewangan gagal memberikan pinjaman dalam tempoh tiga bulan selepas kelulusan daripada Pejabat Tanah Daerah dikeluarkan.

7. Insentif Pihak Berkuasa Tempatan

Pihak Berkuasa Tempatan telah diberi mandat untuk menjalankan penguatkuasaan sekiranya kilang – kilang yang baru didirikan tidak memenuhi syarat-syarat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

- c) Kerajaan Negeri telah menetapkan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran akan berakhir pada 31 Disember 2012. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang dan akta masing-masing ke atas kilang-kilang yang dibina tanpa mengikut garis panduan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

LAMPIRAN A

LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT DAERAH

PERMOHONAN TUKAR SYARAT TANAH DAN MEMINDA SYARAT NYATA TANAH

DAERAH	BIL. LOT	BIL. PERMOHONAN		KEPUTUSAN				DALAM TINDAKAN	PERMIT KHAS SEMENTARA			PREMIUM TAMBAHAN (RM)	
		BIL.	%	LULUS	TOLAK	TANGGUH	BATAL PERMOHONAN		2009	2010	2011	TELAH BAYAR (RM)	BELUM BAYAR (RM)
PETALING	985	749	76.04%	679	5	-	9	79	-	-	-	89,631,765.67	72,979,729.50
KLANG	434	46	10.60%	23	0	2	-	-	125	-	-	2,560,514.00	-
GOMBAK	44		0.00%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
HULU LANGAT	467	152	32.55%	152	-	-	-	-	-	-	-	63,701,034.30	4,378,005.00
KUALA LANGAT	209	87	41.63%	70	14	1	-	2	35	-	-	6,834,687.50	1,375,635.00
SEPANG	44	2	4.55%	1	-	1	-	-	-	-	-	133,256.25	-
HULU SELANGOR	18	3	16.67%	2	1	-	-	-	-	-	-	169,995.00	-
KUALA SELANGOR	34	19	55.88%	12	2	-	-	-	-	-	-	831,004.50	666,575.00
SABAK BERNAM	15	9	60.00%	6		3	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	2,250	1,067	47.42%	945	22	7	9	81	160	0	0	163,862,257.22	79,399,944.50

LAPORAN KEMAJUAN PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

PBT	BILANGAN KILANG	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM)			PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PB)			LESEN SEMENTARA				JUMLAH PEMBAYARAN LESEN SEMENTARA
		LULUS	TOLAK	TANGGUH	LULUS	TOLAK	TANGGUH	2007	2008	2009	2010	
MBSA	451	45	0	0	21	1	0	275	159	160	50	368,482.00
MBPJ	373							361	372	373		80,070.52
MPSJ	305	12	0	0	5	0	0	0	0	0		0.00
MPK	396	74			47			87	113	139		315,077.00
MPKj	590	138	2	1					320	367		276,800.00
MPAJ	226											
MPS	35	4	1									
MPSp	106	48	8	0	15	0	5			55		11,000.00
MDKL	209	11						100	100	8		62,400.00
MDKS	49	7	0	0	4	0	2			16		14,540.00
MDHS	55	5	2	3	6	2	3			31		12,185.00
MDSB	6							6	6	6		14,400.00
JUMLAH	2801	344	13	4	98	3	10	829	1070	1155	50	1,154,954.52

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

38. Memandangkan kerajaan pusat membantah enakmen untuk mengadakan pilihanraya kerajaan tempatan, sepertimana yang diusahakan oleh kerajaan negeri pulau pinang,

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri Selangor untuk mengadakan pemilihan ahli majlis?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : RUMAH TERBENGKALAI

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sehingga kini masih terdapat projek yang masih di tahap lama (tiada *progress*)?
- b) Apakah tindakan kerajaan mengatasi situasi ini?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan kajian yang telah dijalankan terdapat 3 situasi projek yang diklasifikasikan sebagai projek terbengkalai yang terdiri daripada :
 - i. Berdaya maju dan boleh dipulihkan melibatkan sebanyak 67 projek.
 - Senarai projek seperti di Lampiran 1
 - ii. Berdaya maju tetapi memerlukan kajian terperinci yang melibatkan isu perundangan dan masalah teknikal iaitu kegagalan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan daripada agensi berkaitan seperti tukar syarat, pecah sempadan, pindaan pelan, bayaran sumbangan dan sebagainya. Setakat ini terdapat 13 projek telah dikenal pasti berpotensi dipulihkan oleh Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT).
 - Senarai projek seperti di Lampiran 2.
 - iii. Tidak boleh dipulihkan sama sekali adalah disebabkan oleh masalah bangunan yang ditinggalkan terlalu lama iaitu melebihi 10 tahun di mana kekuatan bangunan sedia ada tidak selamat dimajukan semula. Dengan ini, kerja-kerja meroboh semula bangunan tersebut perlu dibuat bagi menggantikan bangunan baru dengan melibatkan kos pemulihan yang tinggi. Secara langsung, kos ini akan ditanggung oleh pembeli terlibat dengan majoriti pembeli tidak berupaya menampung kos tambahan pemulihan projek berkenaan yang melebihi 100% daripada harga belian rumah tersebut. Selain itu, faktor usia pembeli yang semakin meningkat turut menyukarkan kelulusan pemberian pinjaman tambahan daripada bank / pemiaya bagi tujuan tambahan kos tersebut. Terdapat juga sebahagian besar pembeli terlibat telah disenaraihitam oleh bank/pemiaya dan pembeli sukar dikesan. Terdapat juga kes pemajuan pembangunan yang dibuat terletak di kawasan berkecemasan kelas 3 dan 4 yang mana tidak selamat diduduki dan dibenarkan pemajuan diteruskan sehingga kini. Oleh itu, usaha untuk memulihkan projek berkenaan adalah terlalu sukar dipulihkan sama sekali oleh mana-mana pihak.

Sebanyak 7 projek yang dikenal pasti sebagai projek yang tidak boleh dipulihkan sama sekali seperti berikut:

BIL.	PROJEK	PEMAJU	BIL. UNIT	PBT
1.	Projek Perumahan Superview, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak, Selangor	Superview Sdn. Bhd.	23 Unit	MPAJ
2.	Taman Bayu, Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor	Tegoh Timber & Properties Sdn. Bhd	120 Unit	MPS
3.	Taman Jasa Murni Selayang, Mukim Selayang, Daerah Gombak, Selangor	Intelligent Mission Sdn. Bhd	30 Unit	MPS
4.	Projek Perumahan Taman Pusu, Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor	Q-Vista Sdn. Bhd	-	MPS
5.	Projek Pembesaran Kampung, Desa Kerayong Indah, Mukim Jeram, Daerah Kuala Selangor, Selangor	Bumi Circle Sdn. Bhd Probil Sonati Sdn. Bhd	1282 Unit	MDKS
6.	Projek Pembesaran Kampung, Serendah Perdana, Mukim Serendah, Daerah Hulu Selangor, Selangor	Kamsu Sdn. Bhd.	550 Unit	MDHS
7.	Projek Pembesaran Kampung, Desa Beringin, Mukim Kerling, Daerah Hulu Selangor, Selangor	Modulex Sistem (M) Sdn. Bhd	200 Unit	MDHS

- b) Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan proaktif dalam mengatasi situasi projek yang masih di tahap lama (tiada progress) bagi membolehkan projek tersebut dipulihkan semula. Ekoran daripada masalah tersebut, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi / Liquidator, Jawatankuasa Pembeli / Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri akan terus berbincang dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai kos rendah. Jawatankuasa ini telah menjalankan Kajian Kemungkinan (Feasibility Study) bagi mengenal pasti isu dan masalah serta kos pemulihan projek kos rendah tersebut.

Jawatankuasa ini juga telah mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit atau pemaju penyelamat bersama semua jabatan teknikal bagi tujuan mempercepatkan kaedah pemulihan projek dengan mengenakan syarat minimum bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang minimum tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan. Selain itu, Jawatankuasa ini juga akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian (bridging loan) supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pemaju.

Sekiranya terdapat kenaikan kos pemulihan, Jawatankuasa ini akan membuat penilaian semula kos pemulihan projek tersebut bagi mendapatkan butiran terperinci kos tambahan yang perlu ditanggung secara bersama oleh pembeli-pembeli. Walau bagaimanapun, ia perlu mendapat persetujuan sekurang-kurangnya 85% daripada jumlah pembeli bagi tujuan pemulihan. Lanjutan daripada itu, jawatankuasa ini turut mengadakan mesyuarat berkala bagi memantau perkembangan projek tersebut dari masa ke semasa sehingga memperoleh Sijil Layak Menduduki.

Kerajaan Negeri juga sebagai langkah terakhir akan mengambil tindakan pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dan tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah S. 129 KTN bagi memastikan projek tersebut dapat dipulihkan semula. Sebagai contoh, tindakan ini telah dilaksanakan bagi penyelesaian Projek Bukit Botak dan Alam Perdana yang melibatkan pengambilan tanah secara menyeluruh bagi tujuan memulihkan semula projek terbengkalai dan menjamin hak pembeli terlibat.

LAMPIRAN 1

BERDAYA SAING DAN BOLEH DIPULIHKAN

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU	BIL UNIT	PBT
1.	Taman Bukit Kapar , Lot 13567 – 13579, Klang	Menang Mewah Sdn. Bhd.	13 Unit	MPK
2.	2 Blok Pangsapuri Anggerik , Jalan Sg Udang, Klang	FSK Development Sdn. Bhd	155 Unit	MPK
3.	Taman Sri Nelayan , Telok Gong, Klang	Sheikh Mah Development S/B	470 Unit	MPK
4.	Taman Hijrah 2 , Lot 44782 Klang	Lembah Jejak Sdn. Bhd.	21 Unit	MPK
5.	Pangsapuri Yamin Height, Pulau Indah, Klang	Simpulan Cemerlang Sdn. Bhd. (Digulung)	227 Unit	MPK
6.	Taman Dusun , Jalan Dusun, Kapar, Klang	Ikhtiar Corporation Sdn. Bhd.	54 Unit	MPK
7.	Taman Andaman 2 , Telok Gong, Kampung Nelayan, Klang	Andaman Timor Sdn. Bhd.	30 Unit	MPK
8.	Taman Seri Kencana , Jalan Dusun, Meru	Hyrax Property & Development Sdn. Bhd.	35 Unit	MPK
9.	Taman Meru 1 , Jalan Kopi, Meru, Klang	Hyrax Property & Development Sdn. Bhd.	24 Unit	MPK
10.	Taman Meru Ria 2 , Jalan Belimbing, Meru, Klang	Hyrax Property & Development Sdn. Bhd.	38 Unit	MPK
11.	Intania Klang , Rumah Kedai, Pandamaran, Klang	Dermaga Suasana Sdn.Bhd.	16 Unit	MPK
12.	Hotel 24 Tingkat Lot 14954, Persiaran Bukit Raja 2, Klang	PNSB Sdn. Bhd	1	MPK
13.	Taman Sri Nelayan , Telok Gong, Klang	Sheikh Mah Development S/B	470 Unit	MPK
14.	Pangsapuri PK Villa , Jalan Dato' Amar, Daerah Klang	Marl One Development Sdn.Bhd.	44 Unit	MPK
15.	Taman Tradisi Indah , Pulau Indah, Klang	Fifth Marine Development Sdn.Bhd.	50 Unit	MPK
16.	Taman Desa Pelangi , Di Atas Lot 2664 Gm 4769, Mukim Kapar, Daerah Klang	Tetuan Syahira Land Sdn. Bhd.	26 Unit	MPK
17.	Desa Sinar Salak , Lot 1635, Kampung Labu Lanjut, Sepang	Ikatan Darma Sdn. Bhd.	26 Unit	MPSp
18.	Taman Kenanga , Bandar Baru Salak, Dengkil, Sepang	Kumpulan Sepang Utama Sdn.Bhd.	2130 Unit	MPSp
19.	Taman Topaz , Dengkil, Sepang	Perangsang Tin Consolidated Sdn.Bhd.	787 Unit	MPSp
20.	Taman Subang Impian , Subang Jaya HS(D) 98393, Lot 11072)	Coral Land Corporation Sdn.Bhd.	600 Unit	MPSJ
21.	Komplek Perdagangan , Lot 11097, Pusat Bandar USJ 1, Damansara, Petaling	Perumahan Chianion Sdn. Bhd. (Digulung)	1	MPSJ
22.	Serdang Plaza , Seri Kembangan Hs (D) 59880, Pt 3114	Serdang Baru Properties Sdn. Bhd.	1	MPSJ
23.	Alam Mutiara , Jalan Meru, Puncak Alam, Kuala Selangor	Mujur Zaman Development Sdn.Bhd.	924 Unit	MDKS

NO.	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU	BIL. UNIT	PBT
24.	Taman Cahaya 2 , Pekan Batang Berjantai, Kuala Selangor	Rui Development Sdn.Bhd.	151 Unit	MDKS
25.	Taman Seri Wangi , Lot 103, Pekan Tanjong Karang, Kuala Selangor	K.A Resources Sdn.Bhd.	72 Unit	MDKS
26.	Taman Kelisa (Tambahan) , Lot 373 Dan 378, Jeram, Kuala Selangor	Simpulan Cemerlang Sdn.Bhd. (Digulung)	46 Unit	MDKS
27.	Taman Damai II , Fasa 1 Bagan Pasir, Tanjung Karang	Koperasi Seri Kota Bukit Cherakah Sdn. Bhd.	154 Unit	MDKS
28.	Taman Desa Mawar Kg. Sungai Yu. Ujong Permatang, Kuala Selangor	Fokus Perkasa Sdn. Bhd. Lian Feng Construction Sdn. Bhd.	499 Unit	MDKS
29.	Taman Setia Budi , Jalan Kapar, Sg. Buloh Jeram, Kuala Selangor	Pramax Sdn. Bhd.	64 Unit	MDKS
30.	Desa Beruntung , Bukit Beruntung, Ulu Yam, Hulu Selangor	Prospell Development Sdn.Bhd. (Digulung)	913 Unit	MDHS
31.	Lembah Beringin , Jalan Kerling, Sungai Gumut, Hulu Selangor	Lembah Beringin Sdn.Bhd. (Digulung)	902 Unit	MDHS
32.	Erina Height , Jalan Ulu Yam Baharu, Ulu Yam	Coral Vista Sdn. Bhd.	152 Unit	MDHS
33.	Pembesaran Kampung Desa Bukit Bujang , Kampung Ampang Pecah, Ampang Pecah	Rampai Budi Jaya Sdn. Bhd. ARK Development Sdn. Bhd.	270 Unit	MDHS
34.	Pembesaran Kampung Melayu Rasa , Lot 1783, Jalan Ampang Pechah, Rasa	Litar Jaya Sdn. Bhd.	109 Unit	MDHS
35.	Super Taipan , Jalan Bukit Beruntung – Jalan Rasa, Bandar Bukit Beruntung	Perwira Indra Sakti Sdn. Bhd. (Digulung)	148 Unit	MDHS
36.	Tanjung Dua Belas , Tanjung Dua Belas, Kuala Langat	Aghniyak Builders Sdn. Bhd.	70 Unit	MDKL
37.	Taman Desa Sri Jentayu 1 Lot 4324, Telok Panglima Garang, Kuala Langat	Rhid Development Sdn. Bhd.	24 Unit	MDKL
38.	Taman Visi Nusa , Lot 2092, Bukit Changgang, Tanjung 12, Kuala Langat	Visi Nusa Corporation Sdn. Bhd.	25 Unit	MDKL
39.	Taman Sijangkang Perdana Lot 679, Telok Panglima Garang, Kuala Langat	Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung)	70 Unit	MDKL
40.	Telok Panglima Garang , Lot 22, Seksyen 3, Pekan Telok Panglima Garang	C.K. Lee Development Sdn. Bhd.	9 Unit	MDKL
41.	Platinum Damansara , Pangsapuri Perkhidmatan Dan Kedai	Dataran Mantin Sdn. Bhd	1320 Unit	MBPJ
42.	RKR , Mukim Damansara, Daerah Petaling.	Peter Brickwork Sdn. Bhd		MBPJ
43.	Kompleks Perniagaan Mukim Petaling, Daerah Petaling	TD Management Sdn. Bhd (Digulung) Masteron Sdn. Bhd (Pemaju Penyelamat)	313 Unit	MBPJ

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU	BIL UNIT	PBT
44.	Taman Villaria Pjs 5, Petaling Jaya	TD Management Sdn.Bhd. (Digulung)	304 Unit	MBPJ
45.	Kampung Sg. Kayu Ara Sebahagian Tanah Kerajaan CT 51554, Kg. Sg. Ara, Petaling Jaya	Antara Vista Sdn.Bhd.	300 Unit	MBPJ
46.	Bazar & Kedai , Mukim Petaling, Daerah Petaling	Happy Home Development Sdn. Bhd	29 Unit	MPKJ
47.	Taman Padang Tembak , Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	Ample Development Sdn. Bhd	36 Unit	MPKJ
48.	Taman Semenyih Jaya Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	Kausar Corporation Sdn. Bhd (Digulung)	407 Unit	MPKJ
49.	Taman Sri Raya , Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat.	Everise Acres Holdings Sdn. Bhd.	21 Unit	MPKJ
50.	Evergreen Homes , Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Ukiran Mutu Sdn. Bhd	132 Unit	MPKJ
51.	Taman Ilham Perdana Sejoli , Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat.	Ukiran Mutu Sdn. Bhd	132 Unit	MPKJ
52.	Taman Serosa Kajang , Lot 4454 & 1297, Kajang, Hulu Langat	Serosa Resources Sdn.Bhd. (Digulung)	413 Unit	MPKJ
53.	Bandar Puncak Damai Semenyih Ulu Semenyih, Hulu Langat	Duta Nilai Sdn.Bhd. (Digulung)	2600 Unit	MPKJ
54.	Taman Kelisa Ria , Jalan Reko, Kampung Keramat Tangkas, Kajang, Daerah Hulu Selangor	Tj Plaza Sdn.Bhd.	500 Unit	MPKJ
55.	Pangsapuri Villaraya Taman Kajang Villa, Hulu Langat	Vistabell Sdn.Bhd. (Digulung)	660 Unit	MPKJ
56.	Taman Bukit Impian , Sekyen U10 Shah Alam, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling.	Reap & Reach Worldwide Holdings Sdn. Bhd.	121 Unit	MBSA
57.	Pangsapuri Sri Bunga Raya , Jalan Gram U19/16, Seksyen U19, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling.	Atlaw Housing Sdn. Bhd.	153 Unit	MBSA
58.	Pembangunan U10 Heights , Seksyen U10 P.T 3696, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling	Restige Group Sdn. Bhd.	214 Unit	MBSA
59.	Taman Desa Sri Baiduri , Kg. Melayu, Jalan Kebun, Mukim Klang, Daerah Klang	Rhid Development Sdn. Bhd.	14 Unit	MBSA
60.	Alphine Indutrial Park , Bkt. Kemuning, Seksyen 34, Shah Alam	Alphine Industries Sdn. Bhd.	182 Unit	MBSA
61.	Pangsapuri Subang Bestari , Seksyen U4, Shah AlamMukim Sungai Buloh, Daerah Petaling	Juta Permai Sdn. Bhd.	1422 Unit	MBSA
62.	Pangsapuri Rimau Indah , Seksyen 32 Shah Alam.	Bukit Rimau Indah Development Sdn. Bhd.	591 Unit	MBSA
63.	Pangsapuri Casa Gemilang , Sungai Pusu, Gombak	Capital Lane Sdn. Bhd.	300 Unit	MPS
64.	Pembesaran Kampung Kiai Haji Arshad , Mukim Rawang, Daerah Gombak	Aramin Sdn. Bhd.	359 Unit	MPS

BIL	NAMA PROJEK	NAMA PEMAJU	BIL UNIT	PBT
65.	Taman Kencana (Fasa 3) Ampang Jaya, Hulu Langat	Syarikat Jaya Kencana Sdn.Bhd. (Digulung)	48 Unit	MPAJ
66.	Estana Court Condominium Lot 4992, Kampung Pasir Tambahan, Gombak	Promista Development Sdn.Bhd.	426 Unit	MPAJ
67.	Taman Sri Angsana Hilir Pandan Indah, Ampang Jaya	Kabra Holdings Sdn.Bhd. (Digulung)	165 Unit	MPAJ

**BERDAYA MAJU TETAPI PERLUKAN KAJIAN TERPERINCI UNTUK
MEMULIHKAN SEMULA PROJEK TERSEBUT**

BIL	PROJEK	PEMAJU	BIL UNIT	PBT
1.	Pangsapuri Gombak Perdana Villa , Mukim Setapak, Daerah Gombak, Selangor	Aga Development Sdn. Bhd.	222 Unit	MPS
2.	Pangsapuri Perkhidmatan Newagate Avenue , Uep Subang Jaya, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor	Solarglow Sdn. Bhd. Pinggiran Setia Sdn. Bhd. (Receiver) - Pricewaterhouse Coopers Advisory Services Sdn. Bhd.	1,153 Unit	MPSJ
3.	Taman Malim Mas , Mukim Hulu Bernam, Daerah Hulu Selangor, Selangor	Jk-Nba Ventures Sdn. Bhd. (Gidulung) - Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd.	147 Unit	MDHS
4.	Taman Bukit Impian , Seksyen U10, Mukim Bukit Raja, Daerah Petaling, Selangor	Reap & Rich Sdn. Bhd. Rising Rich Sdn. Bhd.	121 Unit	MBSA
5.	Pangsapuri Andorra , Seksyen 25, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor	Newacres Sdn. Bhd. (Digulung) - Hals & Associates	147 Unit	MBSA
6.	Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Bunga Raya , Seksyen U19, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor	Sungai Buloh Center Point Sdn. Bhd. Atlaw Housing Sdn. Bhd. (Digulung) - Mustapharaj Sdn. Bhd.	153 Unit	MBSA
7.	Kedai Pejabat 3 Tingkat , Pekan Subang, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor	Bumiklas Sdn. Bhd. (Digulung) - Ferrior Hodgson Sdn. Bhd.	59 Unit	MBSA
8.	Rumah Pangsa Kos Rendah , Seksyen U5, Mukim Sungai Buloh, Daerah Petaling, Selangor	Unique Creation Sdn. Bhd.	840 Unit	MBSA
9.	Pangsapuri Perkhidmatan Astana Square , Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor	Sedaya Sdn. Bhd. (Digulung) - GTC Corporate Advisory Sdn. Bhd.	176 Unit	MPS
10.	Projek Perumahan Genting Valley , Mukim Batang Kali, Daerah Hulu Selangor, Selangor	Jade San Realty Sdn. Bhd. (Digulung) - HLB Ler Lum	665 Unit	MDHS
11.	Taman Lingkaran Nur 2 , Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat, Selangor	Saktimuna Sdn. Bhd. (Digulung) - Jabatan Insolvency Malaysia	52 Unit	MPKJ
12.	Projek Pembesaran Kampung Baru Kundang , Pusat Bandar Kundang, Mukim Kundang, Daerah Gombak	Pembangunan Serendah Sdn. Bhd.	286 Unit	MPS
13.	Projek Perumahan Taman Sri Raya , Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat,	Kausar Corporation Sdn. Bhd.	407 Unit	MPKJ

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: PERHENTIAN TEKSI

40. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-
- a) Bilakah Majlis Perbandaran Sepang akan menyediakan perhentian teksi di Bandar Baru Salak Tinggi untuk memudahkan para penumpang?
 - b) Apakah rancangan PBT dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh para pemandu teksi dan juga para penumpang?

JAWAPAN:

- a) MPSepang telah menyediakan hentian teksi tersebut bersebelahan di Medan Selera 88. Walaubagaimanapun, pengusaha – pengusaha teksi tidak mahu memasuki perhentian yang disediakan dengan alasan jauh daripada pusat bandar.
- b) Setiap pembangunan bandar baru akan disediakan terminal bas / teksi awam. Sebagai contohnya di Cyberjaya telah disediakan dua (2) tapak untuk tujuan terminal bas / teksi. Di samping itu juga, pembangunan pusat membeli-belah juga disyaratkan menyediakan tempat perhentian bas / teksi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : HOMESTAY

41. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah lokasi program homestay di Selangor sehingga Jun 2012?
- b) Berapa jumlah pelancong yang menginap di homestay Selangor mengikut tahun 2009, 2010, 2011?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk mengembang dan menggalakkan industri ini?

JAWAPAN :

- a) Selangor terdapat 15 buah homestay yang berlesen dan sentiasa menjadi keutamaan kepada Tourism Selangor dalam aktiviti promosi dalam dan luar negara serta menjadikan ianya antara pakej utama bagi kunjungan Negeri Selangor.

Walaupun bagaimanapun pertumbuhan dan perkembangan industri homestay ini dikawal oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Kementerian Pelancongan Malaysia mengeluarkan lesen serta garis panduan serta kriteria yang perlu dipatuhi oleh para pengusaha homestay. Berikut adalah homestay tersebut :

- | | |
|--|-------------------------|
| 1) Homestay Kampung Sungai Lang Tengah | - Daerah Kuala Langat |
| 2) Homestay Kampung Endah | - Daerah Kuala Langat |
| 3) Homestay Kampung Batu Laut | - Daerah Kuala Langat |
| 4) Homestay Kanchong Darat | - Daerah Kuala Langat |
| 5) Homestay Kampung Kundang | - Daerah Kuala Langat |
| 6) Homestay Banghuris | - Daerah Sepang |
| 7) Homestay Bougainvillea, Sungai Kertas | - Daerah Gombak |
| 8) Homestay Sungai Tenggi | - Daerah Hulu Selangor |
| 9) Homestay Sungai Sireh | - Daerah Kuala Selangor |
| 10) Homestay Batu 23 Sungai Nibong | - Daerah Sabak Bernam |

- | | |
|---------------------------------|-----------------------|
| 11) Homestay Sungai Haji Dorani | - Daerah Sabak Bernam |
| 12) Homestay Sepintas | - Daerah Sabak Bernam |
| 13) Homestay Air Manis | - Daerah Sabak Bernam |
| 14) Homestay Papitusulem | - Daerah Sabak Bernam |
| 15) Homestay Seri Kayangan | - Daerah Sabak Bernam |

- b) Homestay merupakan produk pelancongan yang semakin menarik minat pelancong untuk berkunjung. Ramai pelancong menginap di homestay untuk melihat dan merasai sendiri pengalaman di dalam suasana kampung yang penuh dengan kehijauan disamping mengikuti aktiviti yang merupakan rutin, adat dan tradisi penduduknya. Jumlah pelancong yang menginap di homestay Selangor mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pelancong yang Menginap di Homestay	Jumlah Pendapatan
2009	30,971	2,108,787.00
2010	35,853	1,738,109.00
Jan – Ogos 2011	22,161	1,467,813.10

Sumber daripada Tourism Malaysia

- c) Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan yang khusus bagi pembangunan homestay di seluruh negeri Selangor. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri banyak membantu dari aspek promosi. Homestay atau Inap Desa adalah merupakan salah satu program pelancong yang semakin popular. Ianya bukan sahaja terdapat di Negeri Selangor bahkan diseluruh Malaysia antaranya seperti di Negeri Kelantan, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan beberapa negeri yang lain . Bahkan program yang hampir sama turut dilakukan di beberapa negara seperti di Taiwan (Leisure Stay) dan negara barat yang turut dikenali sebagai 'Farm Stay'. Sehubungan dengan itu Tourism Selangor sebagai agensi promosi telah dan akan terus melakukan aktiviti promosi antaranya :
- 1) Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor sentiasa memainkan peranan utama dalam memastikan produk homestay atau inap desa dipromosikan secara meluas samada di dalam mahupun di luar negara.
 - 2) Tourism Selangor akan menggunakan semua saluran media yang sedia ada mahupun media alternatif serta penggunaan laman web rasmi Tourism Selangor dalam mempromosikan program yang semakin popular dikalangan pelancong dalam dan luar negara ini .
 - 3) Terdapat beberapa siri lawatan media dan agensi pelancongan dari dalam dan luar negara telah dan akan diatur oleh Tourism Selangor bagi memastikan semua maklumat berkaitan aktiviti homestay dapat sampai dengan tepat dan berkesan kepada para pelancong.
 - 4) Tourism Selangor yang mempunyai aktiviti Skuad Kembara Selangor Shines yang menjelajah ke sekolah-sekolah menengah serta IPTA dan IPTS seluruh Negeri Selangor serta aktiviti Roadshow Selangor Shines yang membuat promosi keseluruhan negara yang turut mengedarkan risalah pelancongan berkaitan homestay cetakan Tourism Selangor kepada masyarakat umum bagi membolehkan mereka mendapat maklumat dan merancang percutian homestay mereka.
 - 5) Tourism Selangor juga telah dan akan merancang dengan membawa beberapa acara bagi menjadikan homestay sebagai lokasi utama penganjaran acara sebagai contoh Larian Bendang dan beberapa acara yang akan dirancang.
 - 6) Pakej-pakej yang menarik dengan pelbagai aktiviti yang bersesuaian dengan lokasi sesebuah homestay turut giat di bangunkan dan dijual oleh Tourism Selangor kepada pelancong dalam dan luar negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: TANAH PERTANIAN

42. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah tanah pertanian yang diluluskan oleh kerajaan Negeri sepanjang tahun 2009, 2010 dan 2011. Nyatakan jumlah luas ikut kawasan yang diluluskan itu?
- b) Nyatakan Daerah yang paling banyak menerima kelulusan mengenai tanah ini.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PRESTASI SKIMSEL DAN MIMBAR

43. Kedua-dua skim di atas telah beroperasi lebih dari dua tahun.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah yang telah mendapat manfaat dari kedua-dua skim berkenaan.
- b) Berapakah jumlah dana yang telah dikeluarkan untuk kedua-dua skim ini?
- c) Apakah prestasi yang telah dicapai dari kedua-dua skim ini?

JAWAPAN :

- a) Program MiMBAR Selangor menyediakan dua (2) jenis program bantuan iaitu program mikrokredit dan program bantuan niaga. Program mikrokredit bermaksud program yang menyalurkan bantuan pinjaman dalam bentuk mikrokredit yang bertujuan menambah dana perniagaan manakala program bantuan niaga merupakan satu program yang memberi bantuan peralatan, ruang dan peluang perniagaan kepada peniaga kecil bagi membantu menambah hasil jualan dan pendapatan mereka. Justeru, bermula dari 3 Mac 2011 sehingga Jun 2012, MiMBAR Selangor telah memberikan pinjaman mikrokredit tanpa faedah dan caj pengurusan ini kepada seramai 4,442 peniaga kecil di seluruh bandar di Negeri Selangor. Manakala pinjaman berbentuk bantuan niaga yang telah diluluskan pula seramai 40 orang penerima kiosk burger, 49 orang penerima kiosk ice blended, 11 orang kiosk ayam rangup, dan 1 orang penerima kiosk ais krim. Jumlah keseluruhan menunjukkan seramai 101 penerima bantuan niaga. Tawaran baru bagi pakej kombo mikrokredit dan produk mampu pasar dan milik bernilai RM500 seperti susu kambing kolagen dan DHA, jeruk, kopi susu kambing, kopi nenas dan kopi anti stress serta produk kecantikan nuroselle pula ditawarkan kepada seramai 859 orang.

Kumulatif jumlah kemasukan sadiq sehingga kini adalah seramai 5,942 orang. Jadual dibawah menunjukkan kemasukan sadiq mengikut cawangan.

CAWANGAN	Sadiq 2012	Kumulatif Sehingga 31hb Mei 2012
Sabak Bernam	95	1,035
Hulu Selangor	132	846
Kuala Selangor	154	927
Hulu Langat	246	1,028
Kuala Langat	190	878
Sepang	164	616
Gombak	82	142
Petaling	130	215
Klang	190	255
SKIMSEL	1,383	5,942

- b) Sehingga Jun 2012, MiMBAR Selangor telah mengeluarkan dana sebanyak RM9,603,700.00 bagi keperluan semua pemohon berjaya MiMBAR Selangor bagi program mikrokredit dan program bantuan niaga. Daripada jumlah ini, sebanyak RM8,857,700.00 telah dibiayai kepada pemohon program mikrokredit dan bakinya sebanyak RM746,000.00 pula diberikan kepada pemohon program bantuan niaga yang memerlukan bantuan pinjaman dari segi produk dan peralatan bagi tujuan menjana pendapatan sampingan.

Pengeluaran pembiayaan pada bulan Mei 2012, adalah sebanyak RM 2,380,000.00 manakala pencapaian pada tahun ini adalah sebanyak RM 10,101,700.00. Kumulatif pencapaian pengeluaran pembiayaan sehingga 31 Mei, 2012 pula adalah sebanyak RM25,800,344.00.

CAWANGAN	Tahun 2012	Kumulatif Sehingga 31hb Mei 2012
Sabak Bernam	1,716,500.00	6,179,924.00
Hulu Selangor	1,577,800.00	3,950,300.00
Kuala Selangor	1,145,200.00	3,418,130.00
Hulu Langat	1,730,400.00	4,218,100.00
Kuala Langat	1,364,500.00	3,627,319.00
Sepang	1,083,100.00	2,531,871.00
Gombak	343,000.00	418,500.00
Petaling	518,100.00	722,100.00
Klang	618,100.00	734,100.00
SKIMSEL	10,096,700.00	25,800,344.00

- c) Bermula tahun 2012, kelulusan yang diberikan kepada peniaga-peniaga kecil pada setiap minggu mencapai jumlah seramai 250 orang. Ini menunjukkan pada setiap bulan, MiMBAR Selangor akan meluluskan dari 800 hingga 1,000 orang peniaga kecil di kawasan bandar untuk menikmati kelebihan dan peluang yang ditawarkan oleh kerajaan negeri Selangor ini. Ini dapat dilaksanakan kerana MiMBAR Selangor telah mencapai Petunjuk Aras Prestasi (KPI) yang cemerlang melalui proses permohonan dan kelulusan yang lebih cepat iaitu minima dari 14 hari bekerja. MiMBAR Selangor juga menyediakan program latihan yang konsisten setiap minggu untuk peserta-pesertanya setiap minggu yang berbentuk asas perniagaan, pengurusan kewangan, dan strategi pemasaran yang bersesuaian dengan latar belakang perniagaan kecil-kecilan mereka. Selain daripada itu, melalui pemantauan kepada peserta di bawah program ini, peserta yang serius hendak menambahkan pendapatan mereka telah menunjukkan prestasi yang berbeza yang dapat dilihat melalui peningkatan jualan dan keuntungan setiap hari dan tren pembayaran balik yang teratur. Peningkatan ini sekaligus menunjukkan MiMBAR Selangor mencapai objektifnya dan dasar kerajaan negeri Selangor untuk mengeluarkan masyarakatnya dari konsep kebajikan kepada berdikari untuk berpendapatan.

SKIMSEL sentiasa berusaha untuk mengekal bayaran balik 100% bagi operasi di semua cawangan. Sehingga 31hb Mei 2012, kadar bayaran balik SKIMSEL adalah pada 98.40% .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : JOM SHOPPING

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah program Jom Shopping di berhentikan dengan secara tiba-tiba ?
- b) Sila senaraikan PKM yang bermasalah yang menjadi faktor utama kepada penangguhan program Jom Shopping dan apakah bentuk permasalahan yang di timbulkan ?

JAWAPAN :

- a) Program JOM *Shopping* diberhentikan buat sementara waktu bagi memudahkan proses mengemaskini yang sedang dijalankan.
- b) Terdapat dua masalah utama. Pertama, terdapat banyak PKM yang gagal memasukan data peserta yang telah ke program JOM *Shopping* pada masa yang telah ditetapkan, lihat LAMPIRAN B. Bagi PKM yang gagal memasukan maklumat, mereka telah disekat daripada melakukan program JOM Shopping sehingga maklumat dimasukan ke dalam sistem e-Manfaat. Kedua, terdapat PKM yang telah menyalahgunakan lebihan voucher JOM Shopping yang sepatutnya dikembalikan. PKM ini telah diambil tindakan tegas dan petugas yang bertanggungjawab telah dilucutkan daripada jawatan yang dipegang di PKM.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENDIDIKAN

45. Merujuk buku “Urus Tadbir Selangor – Dasar, Program, Fakta” berkenaan pendidikan, m.s 40.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menjalankan Program Smart Learning menurut zon (gabungan 5-6 DUN)?
- b) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menjalankan Program Pecutan Akhir – persediaan akhir sebelum SPM?
- c) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi menjalankan Bengkel SPM Perdana?

JAWAPAN :

- a) Program Smart Learning merupakan program sokongan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) selain mengadakan kelas tuisyen pada hujung minggu. Objektif program ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar mengenai teknik dan cara belajar yang betul. Program Smart Learning dilaksanakan mengikut zon, di mana setiap zon mempunyai lima (5) hingga ke enam (6) Dun. Peruntukan yang dibelanjakan bagi melaksanakan program ini adalah berjumlah RM 75,000.00 dan sebanyak RM 15,000.00 diperuntukkan untuk setiap satu zon.
- b) Program Pecutan Akhir SPM merupakan program sokongan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) setelah pelajar-pelajar mengikuti kelas tuisyen pada hujung minggu dan menghadiri Program Smart Learning. Objektif program ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman kepada pelajar-pelajar mengenai teknik dan cara belajar ketika menghadapi peperiksaan. Program ini akan memberi manfaat kepada pelajar-pelajar terutama apabila tarikh peperiksaan semakin hampir. Program Pecutan Akhir SPM dilaksanakan mengikut zon, di mana setiap zon mempunyai lima (5) hingga ke enam (6) Dun. Peruntukan yang dibelanjakan bagi melaksanakan program ini adalah berjumlah RM 75,000.00 dan sebanyak RM 15,000.00 diperuntukkan untuk setiap satu zon.
- c) Program Bengkel SPM Perdana adalah program yang dirancang khas untuk memberi pengisian kepada pelajar-pelajar cara menjawab / tips-tips

menjawab kertas soalan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Selain itu, program ini juga diselitkan slot motivasi kepada pelajar-pelajar agar lebih berusaha untuk mencapai keputusan yang cemerlang. Program ini dilaksanakan pada bulan terakhir pelajar mengikuti Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) yang kebiasaannya dilaksanakan pada akhir Oktober atau awal November dan melibatkan semua pelajar-pelajar PTRS dari seluruh Negeri Selangor yang telah berdaftar. Pelaksanaan program ini melibatkan kos yang besar iaitu sebanyak RM 140,000.00. Kos ini termasuk kos pengangkutan, makan minum, bayaran penceramah, sewa dewan, sewa sistem siaran dan kos bahan-bahan bengkel untuk kegunaan oleh pelajar-pelajar sepanjang bengkel berlangsung.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: PEMBERIAN LALUAN UNTUK LEBUH RAYA SUKE

46. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah kerajaan Selangor telah menentukan laluan lebuhraya bertingkat SUKE?
- b) Berapakah bangunan yang perlu diroboh untuk laluan tersebut?
- c) Berapakah ekar hutan simpanan perlu dibersihkan untuk laluan SUKE?

JAWAPAN:

- a) Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah memberikan garis panduan kepada syarikat konsesi lebuhraya dalam membantu penentuan jajaran. Cadangan jajaran tersebut akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal bagi mendapatkan maklum balas daripada semua agensi / jabatan teknikal yang berkaitan. Kerajaan Negeri telah meminta agar PBT yang terlibat di dalam pembangunan sesebuah lebuhraya agar dapat mengadakan sesi pendengaran awam bagi memuktamadkan jajaran yang dikemukakan.
- b) Merujuk kepada anggaran berdasarkan rekabentuk awalan, berikut adalah bilangan bangunan yang dijangka akan terlibat:
 - i. 10 rumah kediaman (Taman Bukit Ampang)
 - ii. 3 bangunan kerajaan (Balai Polis Trafik Ampang, Jabatan Perhutanan Tengah dan Balai Penghulu Ampang)
 - iii. 27 bangunan komersil / rumah kedai / blok gerai / stesen minyak

Jajaran SUKE yang melibatkan hutan adalah seluas 81.51 ekar berdasarkan anggaran daripada reka bentuk awalan. Walau bagaimanapun, lebuhraya ini merupakan lebuhraya bertingkat dan tidak memerlukan pembersihan sepenuhnya kawasan hutan tersebut. Kawasan hutan yang terlibat juga akan diganti

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: BANTUAN WANITA

60. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Ada apa program/projek yang boleh memperkasakan wanita?

JAWAPAN:

a) Ungkapan yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor ialah Pemberdayaan Wanita. Sebahagian Program/Projek yang boleh memberdaya wanita adalah seperti berikut:

Bil.	Bidang Fokus Pemberdayaan	Program/Projek
1.	Ekonomi	1. Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR) 2. Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL) 2. Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA) 3. PET SOHO-S 4. Laman Dapur 5. Daya Ekonomi Wanita (berkonsep Koperasi)
2.	Kesihatan	1. Kempen Satu Juta Wanita Selangor Sihat, Skim Kesihatan Wanita Mammogram Selangor (SKW MammoSEL) 2. Program Roadshow kesedaran Kesihatan Reproduksi, Kesihatan Mental & Fizikal
3.	Keluarga	Model Pusat Keluarga dalam Komuniti

4.	Kerjaya dan Pekerjaan	1. Usaha Advokasi dalam memahami dan menghayati nilai sebenar kerjaya dan pekerjaan untuk wanita agar wanita boleh membuat keputusan yang tepat berkaitan kerjayanya 2. Kajian dan advokasi berkaitan sektor informal di mana berlaku berbagai bentuk diskriminasi dan ketidakadilan terhadap wanita dan jalan-jalan penyelesaian
5.	Sukan dan Rekreasi	Advokasi berkaitan nilai sukan dan kesukanan dan penubuhan kelab-kelab sukan di seluruh PWB
6.	Pendidikan dan Latihan	Pembangunan Jati Diri Wanita
7.	Sosial, Budaya dan Agama	Dialog antara agama berkaitan kedudukan, fungsi dan peranan wanita ke arah pemberdayaan Wanita Selangor
8.	Hak, Keselamatan dan Undang-Undang	1. Kempen OSCC (One Stop Crisis Center) / Pusat Krisis Sehenti 2. Usaha-usaha advokasi berkaitan undang-undang sivil dan syariah, Enakmen Gangguan Seksual, Antipemerdagangan Manusia
9.	Politik dan Pembuatan Keputusan	Latihan dan bimbingan dalam celik politik dan usaha-usaha membariskan wanita dalam proses pembuatan keputusan dalam pentadbiran kerajaan negeri, legislatif dan lainnya
10.	Melonjak daya Upaya Wanita Intelektual dan Profesional	Mewujudkan jaringan komprehensif wanita intelektual dan profesional, wacana, wadah-wadah perbincangan ke arah menghasilkan model-model perlaksanaan yang sesuai untuk kepentingan wanita
11	Pengarus Utamaan Gender (<i>Gender</i>)	Advokasi dan model pengarusutamaan gender di peringkat PBT

	<i>Mainstreaming)</i>	
12.	Teknologi, Sains dan Alam Sekitar	Usaha-usaha pendedahan yang dinamik kepada wanita agar menceburi bidang ini dengan lebih kefahaman dan meluas sehingga melahirkan takungan wanita pengkaji, saintis yang boleh meningkatkan kualiti hidup wanita dan keluarga mereka

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : BAJU PROGRAM

47. Kerajaan seringkali membelanjakan wang untuk pegawai-pegawai membeli baju, sama ada baju kemeja T, baju kerja, baju batik atau baju kurung setiap kali mengadakan program.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan perbelanjaan-perbelanjaan ini untuk setiap program setiap tahun bermula tahun 2008.

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2011 - Perbelanjaan Berhemah, pembelian pakaian adalah tidak digalakkan. Walau bagaimanapun, pembelian pakaian korporat telah diperuntukkan sebanyak 2 helai bagi setiap kakitangan yang berkhidmat di negeri Selangor berdasarkan surat arahan daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Sehubungan itu, sebanyak RM80.00 diperuntukkan bagi sehelai pakaian korporat seorang yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak **RM1,508,160.00 (9,426 orang x RM160.00)** bagi pembelian pakaian korporat di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PEMILIKAN TANAH

48. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapa ramai yang sudah menerima geran tanah sejak 2005 mengikut tahun dan daerah?

JAWAPAN:

- a) Jumlah pemohon yang telah menerima geran tanah sejak 2005 hingga 2012 adalah sebanyak 230,001 hak milik dan pecahan mengikut tahun dan daerah seperti dalam jadual berikut :

Jumlah pemohon yang telah menerima geran tanah sejak 2005 hingga 2012

BIL	DAERAH	BILANGAN								JUMLAH HAKMILIK BARU
		TAHUN								
		2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	
1	KLANG	14544	6547	7429	5865	1316	1069	6236	855	43861
2	KUALA LANGAT	322	2109	464	325	442	2006	441	1145	7254
3	KUALA SELANGOR	2306	708	2251	2908	669	5065	2649	2097	18653
4	SABAK BERNAM	696	190	363	195	294	94	535	142	2509
5	ULU LANGAT	19742	12232	6707	5489	5017	4578	5508	1096	60369
6	ULU SELANGOR	899	2351	1214	185	350	85	2341	131	7556
7	PETALING	10490	9180	5690	9448	8252	4843	4682	1507	54092
8	GOMBAK	3745	1331	2177	5050	3046	1160	1317	548	18374
9	SEPANG	4909	1503	4874	777	1948	1677	846	799	17333
	JUMLAH HAKMILIK BARU	57653	36151	31169	30242	21334	20577	24555	8320	230001

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : SEKTOR PERTANIAN

49. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;
- a) Sila perelaskan dengan *detail* mengenai apakah perbezaan dan kelebihan serta kelemahan Benih padi MR 219, MR 220 dan MR 220 CL 1 ?
 - b) Sila nyatakan bilakah Benih Padi MR 219 mula diperkenalkan oleh pihak MARDI kepada petani untuk diusahakan secara meluas ?
 - c) Sila nyatakan apakah jenis penyakit padi yang dikenal pasti menyerang tanaman petani Daerah Sabak Bernam dan Kuala Selangor pada Musim pertama tahun 2012 yang menyebabkan hasil pengeluaran mereka terjejas ?

JAWAPAN:

- a) Perbezaan, kelebihan dan kelemahan padi MR 219, MR 220 dan MR 220 CL 1 adalah:

PADI MR 219

Dihasilkan melalui projek Pembentukan Varieti Untuk Sistem Tanaman Tabur Terus yang dimulakan pada awal tahun 1988. Varieti ini dihasilkan melalui sistem tanaman tabur terus di semua peringkat pemilihan dan penilaian kecuali di peringkat pembiakan generasi F1 dan pembiakan biji benih. Oleh itu varieti ini memenuhi sebahagian besar ciri-ciri yang diperlukan untuk pengeluaran hasil yang tinggi di bawah sistem tanaman tabur terus.

Dihasilkan melalui kacukan antara baka MR 137 dan baka MR 151 yang dilakukan pada musim luar 1991. Baka MR 137 mempunyai ciri-ciri bentuk pokok yang baik, umur matang yang singkat, saiz dan rupa bentuk biji serta cita rasa nasi yang sangat baik. Baka MR 151 pula mempunyai kebaikan pada ciri-ciri masa yang seragam pada tangkai dan ciri senesen daun.

Dari segi kerintangan terhadap musuh dan penyakit, MR 137 rintang terhadap benah perang, MR 151 rintang terhadap Penyakit Merah dan kedua-duanya adalah rintang terhadap Karah dan Hawar Daun Bakteria. Varieti MR 219 didapati mewarisi sebahagian besar ciri-ciri yang baik terdapat baka-baka induk ini.

Kandungan amilosa MR 219 adalah rendah sekitar 21.4%. Ini menyebabkan cita rasa nasinya lembut. Baka MR 219 adalah baka yang berdaun lebar.

PADI MR 220

Varieti padi MR 220 yang juga dikenali sebagai Padi Mas di kalangan petani, mempunyai keturunan yang sama dengan MR219. Setelah melalui proses pemilihan dan penilaian ciri-ciri dan prestasi hasil yang memakan masa sekitar 12 tahun, ia telah menunjukkan beberapa kelebihan yang mewajarkannya disyorkan kepada petani. Varieti ini mempunyai beberapa ciri yang dapat menandingi MR 219.

Varieti MR 220 dihasilkan melalui kacukan antara baka MR 151 dan MR 137. Penanaman generasi kedua (F2) hingga generasi kelapan (F8) dilakukan secara tabur terus dan pemilihan dilakukan berasaskan ciri tangkai sahaja. Pemilihan untuk mendapatkan bentuk pokok yang baik dilakukan pada tiga generasi selanjutnya.

Ciri-Ciri Varieti MR 220 mempunyai umur matang yang sama dengan varieti MR 219 iaitu sekitar 105 hingga 113 hari bergantung pada musim dan sistem penanaman yang diamalkan.

Bentuk pokok MR 220 tidak banyak berbeza daripada varieti MR 219 dengan ketinggian batang antara 76 cm hingga 80 cm. Ia mempunyai daun yang lebar di bahagian pangkal pokok dan daunnya lebar sedikit dengan varieti MR 219. Daun pengasuhnya tegak tetapi boleh melentok sekiranya terlebih baja atau ditanam di kawasan yang terlalu subur.

Tangkai MR 220 adalah sama panjang (23 cm) dengan MR 219. Walau bagaimanapun bilangan biji setangkai bagi MR 220 adalah rendah sedikit daripada MR 219. Perbezaan yang ketara antara MR 220 dengan MR 219 dapat dilihat pada ciri-ciri bijinya. Biji MR 220 lebih besar, panjang, lebar dan berat daripada MR 219. Berbentuk panjang dan bujur, beras MR 220 dikategorikan dalam gred panjang.

Varieti MR 220 mempunyai tahap kerintangan yang sangat baik terhadap tiga perosak utama padi iaitu penyakit karah dan hawar daun bakteria dan sederhana rintang terhadap penyakit merah virus. Tahap kerintangan ini setanding dengan varieti MR 219. Walau bagaimanapun, ia hanya sederhana rentan terhadap hawar seludang seperti MR 219. Untuk hawar seludang, kawalan perlu dilakukan melalui kaedah kimia dan amalan agronomi yang baik.

Kelembutan nasi MR 220 adalah setaraf dengan MR 219 memandangkan kandungan amilosa yang hampir sama bagi kedua-dua varieti ini iaitu sekitar 20% hingga 22% (28% amilosa). Nilai kekonsistenan gel dan juga pepecahan alkali juga memastikan varieti MR 220 dan MR 219 mempunyai citarasa nasi yang lembut.

PADI MR 220 CL1

Varieti ini adalah kacukan dari jenis MR 220. Bertujuan untuk mengawal masalah padiangin dan rumput rumpai yang menjejaskan tanaman padi jika petani mengikut cara pengurusan yang disyorkan.

Walau bagaimanapun benih padi MR CL1 ini bukanlah jenis padi yang boleh ditanam setiap musim sebaliknya hanya boleh digunakan untuk dua musim sahaja dan selepas dua musim petani perlu menggunakan benih padi biasa. Jika petani masih terus menanam padi CL1 atau CL2 pada musim seterusnya berkemungkinan mutasi padi angin berlaku yang mana varieti ini tidak kebal terhadap serangan penyakit.

Tujuan asal benih CL1 dan CL2 bukanlah untuk menghasilkan padi yang banyak sebaliknya untuk mengurangkan padi angin seterusnya membolehkan peningkatan hasil padi berlaku.

Perbezaan Ciri-Ciri Varieti Padi MR 220 Berbanding MR 219

CIRI-CIRI		MR 220	MR 219
Pokok	Umur matang (hari)	105-113	105-111
	Tinggi batang (cm)	76-78	76-78
Tangkai	Panjang tangkai (cm)	23.3	23.2
		76	84
	Bil. biji bernas setangkai	33.3	34.7
	Biji hampa (%)		
Biji padi	Panjang biji (mm)	10.39 $\pm$ 0.19	10.36 $\pm$ 0.32
	Lebar biji (mm)	2.50 $\pm$ 0.08	2.46 $\pm$ 0.12
	Berat 1000 biji (g)	29.15	27.1

Kerintangan	Karah	Rintang	Rintang
	Hawar bakteria	Rintang	Sederhana Rintang
	Benah berang	Sederhana Rentan	Sederhana Rintang
	Penyakit merah	Sederhana Rintang	Sederhana Rintang
Pengilangan	Perolehan beras (%)	76	72
	Beras kepala (%)	83	81
	Panjang beras (mm)	6.95 ± 0.29	6.91 ± 0.23
	Lebar beras (mm)	2.06 ± 0.07	2.10 ± 0.07
Mutu nasi	Kandungan amilosa (%)	22.1	20.1
		50	46
	Kekonsistenan gel	4.3	2.8
	Pepecahan alkali	lembut	lembut
	Tekstur nasi		

- b) Benih Padi MR 219 mula diperkenalkan oleh pihak MARDI kepada petani untuk diusahakan secara meluas pada 9 Januari 2001 yang diistiharkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Telok Malek, Jitra, kedah semasa perasmian dibuat. Varieti padi ini diperkenalkan oleh Datuk Dr. Effendi Norwaw, Dr. Saharan Haji Anang dan pegawai-pegawai penyelidik MARDI yang lain.
- c) Terdapat pelbagai jenis penyakit padi menyerang pada suatu masa pada musim 1/2012 di kawasan tanaman padi di Kuala Selangor dan Sabak Bernam seperti Penyakit Hawar Daun Bakteria(BLB),Penyakit Reput Tangkai,Bintik Perang dan Hawar Seludang

Serangan ini disebabkan keadaan cuaca panas dan sekali sekala lembab yang sesuai perkembangan bakteria dan kulat di sawah. Serangan diperingkat akhir pengisian padi menyebabkan buah padi ringan dan penyusutan hasil sehingga 5-10%.

Petani dinasihatkan menjalankan amalan baik pertanian kebersihan sawah dan batas dari rumpai(perumah penyakit),kebersihan pakaian/apron semasa menyembur, (mengurangkan jangkitan),penyemburan melalui lorong kerja atau tepi batas dengan power sprayer,semburan foliar Silika, pembajaan tinggi K bagi menguatkan pokok dan pembakaran tunggul jerami padi selepas menuai .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: ASET KERAJAAN NEGERI

50. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan aset - aset Kerajaan Negeri yang dicadangkan untuk dicairkan bagi membantu pembiayaan pendidikan di UNISEL dan KUIS?
- b) Apakah nilai aset - aset yang telah dikenal pasti bagi tujuan ini?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan tanah seluas 1002 ekar di Bestari Jaya untuk mendirikan UNISEL. Pada ketika ini, seluas 572 ekar telah dibangunkan bagi pembinaan kampus UNISEL. Kampus kini mengandungi 10 buah bangunan utama, 44 buah bangunan asrama dan bangunan fasiliti yang lain.

Kini terdapat seluas 430 ekar lagi yang belum dibangunkan. Walau bagaimana pun lebih separuh daripada kawasan tersebut ditakungi air dan mengandungi kolam.

Adalah dianggarkan seluas 200 ekar tanah yang boleh dibangunkan dan dengan itu boleh dicairkan bagi membantu pembiayaan pendidikan di UNISEL dan KUIS jika diperlukan.

- b) Nilai aset tanah seluas 200 ekar tersebut dianggarkan bernilai RM 150,000.00 bagi setiap satu ekar dan dengan itu nilai keseluruhan berjumlah RM 30 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PENTERNAKAN

51. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan kawasan yang dikenal pasti dan dizonkan sebagai zon penternakan mengikut pecahan daerah dan apakah perancangan kerajaan negeri bagi mengatasi penternakan dalam kawasan bandar khususnya untuk daerah Gombak?
- b) Apakah peratusan sumbangan bidang penternakan terhadap pasaran tempatan dan luar negara mengikut kategori penternakan bagi tahun 2007-2012?
- c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi memodenkan dan mengembangkan industri penternakan di Negeri Selangor dan bentuk insentif yang disediakan kepada penternak-penternak?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor tidak menetapkan sebarang kawasan sebagai zon penternakan. Walau bagaimana pun, kerajaan Negeri telah mengisytiharkan beberapa kawasan sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Taman Agroteknologi di mana aktiviti yang dijalankan di kawasan ini mestilah berkaitan dengan salah satu aktiviti pertanian, penternakan dan/atau perikanan.

Senarai TKPM / Taman Agroteknologi yang mempunyai komponen ternakan mengikut daerah adalah seperti berikut :

BIL	NAMA	DAERAH	KOMPONEN TERNAKAN
1	TKPM Sepintas	Sabak Bernam	Ternakan Ayam Pedaging
2	Taman Agroteknologi Sg.Panjang	Sabak Bernam	Lembu Pedaging
3	Taman Agroteknologi Bestari Jaya	Kuala Selangor	Ayam Pedaging
4	Taman Agroteknologi Bukit Changgang	Kuala Langat	Kambing Pedaging
5	Taman Agroteknologi Hulu Teris	Sepang	Ayam Pedaging, Lembu Pedaging, Kambing Pedaging
6	TKPM Semenyih	Hulu Langat	Lembu Tenusu

7	TKPM Sg. Nilam	Hulu Selangor	Lembu Pedaging, Lembu Tenusu, Kambing Pedaging, Rusa
8	TKPM Sungai Jang	Hulu Selangor	Ayam Pedaging, Lembu Pedaging
9	TKPM Buluh Telur	Hulu Selangor	Lembu Pedaging
10	TKPM Sg.Tamu	Hulu Selangor	KambingPedaging, Lembu Tenusu

Sebagai tambahan kepada TKPM / Taman Agroteknologi di atas, Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga telah membuka 9 plot baru berkeluasan 10 ekar setiap plot untuk penternakan lembu tenusu. Plot-plot ini dibangunkan lengkap dengan jalan ladang, bekalan elektrik dan air bagi penempatan semula penternak-penternak yang telah mendapat notis tutup ladang dari pihak berkuasa tempatan di daerah Petaling Jaya dan Klang. Penempatan semula ini dilaksanakan di bawah program Translokasi Penternak Lembu Tenusu Negeri Selangor.

Justifikasi-justifikasi utama kenapa Kerajaan Negeri tidak menetapkan zon khusus untuk penternakan adalah :

- 1) Peratus guna tanah untuk sektor ternakan di daerah-daerah adalah kecil berbanding sektor lain seperti perindustrian dan hartanah. Justeru itu, pertumbuhan projek penternakan lebih bercorak "in situ" di mana lebih bergantung kepada kemampuan pengusaha itu sendiri membangunkan projek penternakan secara lestari dengan pembangunan setempat.
- 2) Pejabat Tanah dan Daerah tidak mampu untuk mengkhaskan satu kawasan yang luas sebagai zon penternakan setelah mengambil kira keperluan guna tanah semasa.
- 3) Sebahagian penduduk luar bandar dan pinggir bandar melakukan aktiviti penternakan secara sambilan untuk menambah pendapatan dan pembentukan zon penternakan khusus akan menghalang aktiviti ekonomi sebegini.

Bagi mengatasi masalah penternakan di dalam kawasan bandar khususnya di daerah Gombak, Kerajaan Negeri banyak menggunakan pendekatan penguatkuasaan misalnya pematuhan pelan pembangunan tanah, syarat nyata geran tanah dan undang-undang PBT yang lain. Sebagai langkah pro-aktif, Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga sering mengadakan perbincangan dengan Persatuan Penternak-penternak Ruminan Negeri Selangor berkaitan masalah penternak. Kerajaan Negeri merancang akan membuka lebih banyak lagi kawasan translokasi baru dengan kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah serta

Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi menyelesaikan krisis projek ternakan dengan kawasan penempatan di bandar-bandar.

- b) Negeri Selangor merupakan negeri perindustrian utama negara di mana guna tanah untuk aktiviti pertanian khususnya penternakan sememangnya terhad. Daripada sudut lain, populasi penduduk negeri ini adalah paling tinggi iaitu 5.3 juta orang (Perangkaan 2011). Lantaran itu, Negeri Selangor masih bergantung kepada negeri lain untuk membekalkan hasil haiwan untuk kegunaan rakyat tempatan.

Keterangan lanjut tentang peratus sumbangan bidang ternakan terhadap pasaran tempatan mengikut jenis ternakan adalah seperti jadual di bawah :

**PERATUS SUMBANGAN BIDANG TERNAKAN NEGERI SELANGOR
TERHADAP PASARAN TEMPATAN BAGI TAHUN 2007 - 2012**

TAHUN	PERATUS SUMBANGAN BERBANDING KEPERLUAN SEBENAR					
	DAGING LEMBU	DAGING KAMBING /BEBIRI	DAGING AYAM	DAGING BABI	TELUR AYAM	SUSU
	%	%	%	%	%	%
2007	7.37	3.69	46.15	81.31	59.57	2.10
2008	7.98	4.46	43.89	97.57	62.70	1.92
2009	8.22	4.75	44.42	96.29	59.57	2.38
2010	7.37	3.45	40.03	89.39	64.31	1.31
2011	5.84	2.79	32.75	87.66	53.32	1.23
2012	DATA BELUM DIPEROLEHI					

- c) Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengambil langkah-langkah berikut bagi memodenkan dan mengembangkan industri penternakan.

1) Program Pengembangan Veterinar

Satu kaedah memberi khidmat nasihat dan khidmat konsultasi secara teratur di mana pegawai pengembangan/lapangan jabatan membantu penternak membuat keputusan dalam hampir semua aspek teknikal ke arah pembangunan ladang dan penyelesaian masalah projek.

2) Penternak / Pengusaha Contoh

Pihak jabatan telah memilih sekurang-kurangnya 25 penternak/pengusaha berjaya dari seluruh negeri dalam pelbagai bidang penternakan dan pemprosesan untuk dijadikan model kepada penternak lain. Langkah seterusnya adalah menggalakkan usahasama atau mentor-mentee dengan penternak/pengusaha terpilih ini supaya kejayaan mereka dapat dicontohi penternak/pengusaha/pelabur baru.

3) Sesi Perundingan Dengan Pelanggan

Pihak Jabatan sering mengadakan sesi perundingan dengan Persatuan Penternak Ruminan Negeri Selangor dan Federation of Livestock Association Malaysia. Selain daripada berwacana tentang keperluan penternak dan pengusaha, sesi perundingan ini juga digunakan untuk menyampaikan polisi dan perincian pelaksanaan program kerajaan demi kepentingan bersama. Sesi perundingan juga dilaksanakan dengan pemain-pemain utama industri ternakan seperti pengimport/pengekspor ternakan, syarikat multinasional misalnya Selasih Aman Berhad dan KFC Holdings. Kebanyakan rundingan berkisar ke arah memudahcara pelaksanaan prosedur, status bebas penyakit dan menyelesaikan masalah.

4) Penternakan Secara Kontrak

Dalam bidang penternakan ayam pedaging, para penetrnak digalakkan melaksanakannya secara kontrak dengan syarikat integrator yang diperakui oleh pihak jabatan. Pakej kontrak ini merangkumi bekalan anak ayam, makanan, pasaran terjamin, rekabentuk reban, kaedah penternakan dan aspek kesihatan ternakan. Secara tidak langsung, banyak pemindahan teknologi berlaku antara syarikat dan penternak.

5) Penggalakkan Aktiviti Hiliran

Pihak jabatan sentiasa memperkenalkan dan menggalakkan sebarang aktiviti hiliran dan huluan supaya penternak dapat mengurangkan kos dan menokok hasil seterusnya meningkatkan produktiviti projek secara keseluruhan. Antara sub-aktiviti hiliran yang telah diperkenalkan oleh pihak Jabatan adalah pemprosesan silaj, pemprosesan baja kompos dan pemprosesan produk berasaskan hasilan haiwan seperti kambing panggang, jangat (kulit lembu), burger serta sosej.

6) Sistem Penternakan Lestari dan Mesra Penduduk

Penduduk yang sering berpendapat projek penternakan menimbulkan masalah kacau ganggu bau, lalat dan pencemaran. Persepsi ini boleh menjadi kenyataan sekiranya para penternak tidak mengambil perhatian serius tentang perkara ini. Pihak jabatan telah memperkenalkan beberapa teknologi yang mampu membantu penternak dalam memelihara alam sekitar seperti penggunaan efektif mikrob (EM) bagi merawat kumbahan dan sistem perparitan. Dalam bidang penternakan ayam, pihak jabatan menggalakkan Sistem Reban Tertutup yang mampu mengurangkan gangguan bau dan lalat secara efektif. Bagi ternakan lembu, pihak jabatan memperkenalkan Sistem Penternakan Breedlot sementara untuk kambing adalah Sistem Penternakan Intensif yang dijangka mampu mengurangkan masalah haiwan berkeliaran.

7) Promosi Produk Penternakan

Ramai penternak/pengusaha masih bergelut dalam pemasaran produk masing-masing. Jabatan Perkhidmatan Veterinar sentiasa menggunakan peluang di mana ada untuk mempromosikan produk-produk penternak/pengusaha. Bagi tujuan ini, berpuluh-puluh penternak dijemput membuat promosi dan pemasaran dalam program kerajaan seperti MAHA, Selangor Agrofest, MIHAS dan SDSI. Kerajaan Negeri juga memberi ruang percuma untuk pengusaha mengiklankan produk dalam media terbitannya. Laman sesawang Jabatan Perkhidmatan Veterinar mempunyai direktorat khusus yang menyenaraikan penternak/penternak dan produk keluaran masing-masing.

Bentuk insentif dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada penternak-penternak Negeri Selangor adalah seperti berikut :

1. Skim Pegganda Ruminan (SPERS)

Penternak berpotensi terpilih ditawarkan untuk membeli daripada kerajaan 50 hingga 200 ekor samada lembu tenusu, lembu pedaging, kambing dan bebiri dengan harga diskaun. Bagi mewujudkan keadaan menang-menang (win-win situation), satu perjanjian ditandatangani antara Kerajaan Negeri dan peserta. Peserta perlu menjual semula 50 % anak betina yang lahir kepada kerajaan Negeri bagi diagihkan pula kepada penternak lain kerana objektif utama program ini adalah mewujudkan penternak komersial dan mengembangkan sumber genetik ternakan yang terbaik.

2. Merakyatkan Ekonomi Kepada Penternak (Khusus Kepada Penternak Ruminan, Non Ruminan dan Unggas)

Penternak kecil-kecilan yang berkeupayaan dan berpotensi akan diberi bantuan secara geran dalam bentuk ternakan, peralatan dan bahan binaan dengan nilai sehingga RM10,000 untuk membesarkan projek masing-masing.

3. Bantuan kepada Pengusaha / Usahawan Industri Asas Ternak

Pengusaha yang memproses dan mengeluarkan produk berasaskan hasil haiwan diberi bantuan dalam bentuk peralatan dan menaiktaraf pusat pemprosesan mereka. Nilai bantuan di antara RM20,000 hingga ke RM100,000 bergantung kepada kelulusan Jawatankuasa Penilaian dan Pemilihant. Bantuan ini sebagai insentif kepada pengusaha untuk meningkatkan pengeluaran dan kualiti produk yang dihasilkan.

4. Pembangunan Kompetensi Usahawan

Sebanyak 20 - 50 jenis latihan setahun diberikan kepada 400 hingga 500 orang penternak dan pengusaha. Semua latihan ini diberikan dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan penternak/pengusaha supaya mereka boleh meningkatkan produktiviti projek dan meningkatkan daya saing projek masing-masing.

5. Perkhidmatan Kesihatan Veterinar

Dalam aspek kesihatan veterinar, hampir semua perkhidmatan yang berkaitan diberikan secara percuma. Perkhidmatan ini merangkumi :

- Rawatan di lapangan (ambulatori)
- Suntikan pencegahan penyakit (vaksinasi)
- Pengambilan sampel bagi tujuan mengesan penyakit (survelan)
- Post-Mortem
- Perkhidmatan Makmal

Perkhidmatan lain yang dikenakan bayaran adalah rawatan di klinik. Walau bagaimanapun kadar bayaran yang dikenakan adalah jauh lebih rendah berbanding perkhidmatan serupa yang ditawarkan oleh sektor swasta.

6. Perkhidmatan Pembaikbiakan (Pembiakan)

Perkhidmatan pembiakan juga diberikan percuma sebagai galakkan kepada penternak untuk meningkatkan kualiti dan prestasi haiwan pembiak tempatan. Perkhidmatan ini merangkumi :

- Penyeragaman berahi (Heat synchronisation)
- Peranian beradas (Artificial insemination - AI)
- Pengesanan berahi

Sebahagian penternak juga diberikan peluang untuk melaksanakan pembaikbiakan sendiri di bawah Program AI-DIY. Bagi menjayakan program ini, penternak berkenaan dilatih secara komprehensif sementara semen, tangki simpanan dan peralatan berkaitan AI dibekalkan oleh kerajaan.

7. Bantuan Bagi Pemeliharaan Alam Sekitar

Sejak bermula Rancangan Malaysia Ke 10, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor telah mengeluarkan dan menjual bahan-bahan untuk mengawal alam sekitar iaitu :

- Larutan EM (EMAS) - untuk disebarkan di kawasan kandang ternakan dan parit-parit premis
- Bebola Tanah Liat (Mud Ball) - untuk direndam dalam kolam kumbahan bagi mempercepatkan proses penguraian buangan ternakan
- Bokashi – bagi memproses sisa buangan dapur di mana bahan ini akhirnya boleh dijadikan baja organik.

Semua produk-produk ini dijual dengan harga yang murah kerana ia diproses sendiri oleh Bengkel Efektif Mikrob Jabatan Veterinar di Kuala Langat dan objektif program ini adalah untuk membantu penternak/pengusaha memelihara alam sekitar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PENUKARAN TANAH SEKOLAH AGAMA UNTUK PEMBANGUNAN LAIN

52. Kami menerima aduan bahawa tanah sekolah agama ditukarkan status untuk pembangunan yang lain

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senarai tanah-tanah yang di tukar untuk projek lain.
- b) Apakah alasan-alasan yang telah diberi untuk melakukannya?
- c) Apakah tanah gantiannya dan di mana?

JAWAPAN :

a), b) dan c)

Diperingkat Pejabat Tanah Petaling tiada tanah yang ditukar status dari sekolah agama kepada pembangunan lain. Sekiranya berlaku penukaran status tanah perkara ini perlu dirujuk kepada Majlis Agama Islam Selangor atau Jabatan Agama Islam Selangor. Walaubagaimanapun, Jabatan Agama Islam Selangor telah memaklumkan bahawa tidak terdapat sebarang tanah sekolah agama yang telah ditukarkan status untuk pembangunan lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : TAWAS

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berkenaan dengan kelahiran anak di Negeri Selangor, bolehkah pihak TAWAS bekerjasama dengan hospital bersalin untuk mengedarkan borang TAWAS?
- b) Apakah promosi pihak YAWAS untuk menambahbaikkan sistem *online* yang sedia ada?

JAWAPAN :

- a) Tidak, pihak hospital bersalin kerajaan tidak membenarkan edaran borang di hospital.
- b) Pihak YAWAS telah menambahbaik sistem *online* yang sedia ada dengan menambah aplikasi untuk muat naik (upload) dokumen dan muat turun borang pendaftaran yang telah diisi berbanding sebelum itu dokumen hendaklah di pos kepada YAWAS selepas pendaftaran *online* dibuat, ia secara tidak langsung telah memudahkan pengguna dari segi dokumentasi diuruskan kepada YAWAS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: STATUS GERAN INDIUVIDU TAMAN MURNI SEPANG

54. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan terkini geran individu Taman Murni Sepang?
- b) Berapakah pemilik harta yang telah membayar premium tanah dan berapa pemilik masih belum membayar?
- c) Apakah tindakan terhadap pemilik yang tidak mampu membayar premium tanah?

JAWAPAN:

- a) Geran Individu kepada penduduk Taman Murni Sepang masih dalam tindakan Pejabat Tanah Sepang untuk penyediaan Pelan Ukur (PU) yang akan dikemukakan kepada JUPEN dan mendaftar hak milik oleh Pejabat Pendaftaran Tanah di Shah Alam.
- b) Kesemua 314 permohonan pemberimilikan Taman Murni Sepang telah diluluskan pemberimilikan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, bayaran yang dikenakan setiap seorang adalah seperti berikut:-

Cukai Bagi Tahun Pertama	RM 46.00
Premium	RM100.00
Bayaran Ukur	RM250.00
Tanda Sempadan	RM20.00
Penyediaan dan Pendaftaran Suratan Hak milik Tetap	RM100.00
Penyediaan dan Pendaftaran Suratan Hak milik Sementara	
Bayaran Pelan Atas Suratan Hak milik Tetap (<i>Re-drafting</i>)	RM10.00
Bayaran Notis	RM20.00
Bayaran Pelan Permohonan	RM70.00
Jumlah	RM616.00

Daripada seramai 237 daripada 314 pemohon telah menjelaskan semua bayaran (RM616.00) kepada PTD Sepang. Manakala 77 pemohon masih belum menjelaskan baki bayaran sebanyak RM216 setiap seorang.

- c) Pemohon yang tidak dapat menjelaskan bayaran sepenuhnya hak milik tidak dapat didaftarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : SKIM MESRA USIA EMAS

55. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah dan peratusan warga emas Selangor yang mendapat faedah daripada skim ini?
- b) Masih ramai warga emas yang merungut tidak menerima apa-apa dari skim ini. Apakah terdapat sebarang masalah pelaksanaan?

JAWAPAN :

- a) Sehingga bulan April 2012, seramai 188,464 orang telah berdaftar sebagai Ahli Skim Mesra Usia Emas (SMUE). Daripada jumlah tersebut, seramai 30,399 orang atau 16.13 peratus telah mendapat manfaat daripada skim ini. Manakala 284 orang yang telah meninggal dunia sedang diproses bayaran kepada waris masing-masing.

Daripada 188,464 orang yang berdaftar dengan SMUE, 157,781 orang adalah ahli yang masih hidup dan layak menikmati program nilai tambah iaitu *JOM Shopping*. Sejumlah 60,502 orang atau 37.62 peratus daripada 157,781 orang ahli yang masih hidup ini telah di bawa ke program *JOM Shopping*.

- b) Oleh kerana skim ini adalah merupakan skim khairat kematian, maka hanya waris yang kematian ahli keluarga yang berdaftar sahaja akan diberikan sumbangan wang manfaat RM2500.00 seorang bagi membantu meringankan beban pengurusan jenazah. Sementara bagi program nilai tambah pula (*JOM Shopping*) adalah untuk ahli yang masih hidup dan mereka perlu menunggu giliran dipanggil secara berperingkat

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK: PILIHANRAYA KERAJAAN TEMPATAN

56. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah cabaran-cabaran dan halangan yang dihadapi oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan pilihanraya kerajaan tempatan. Bagaimanakah kerajaan negeri mengatasi masalah tersebut.

JAWAPAN:

- a) Kerajaan mempunyai cadangan untuk mengadakan pilihan raya peringkat PBT. Oleh yang demikian, satu kajian telah pun selesai dilaksanakan. Berdasarkan hasil kajian tersebut Kerajaan Negeri telah pun menghantar surat kepada SPR meminta secara rasmi untuk SPR meneliti dan menjalankan kajian lanjut berlandaskan undang-undang sedia ada bagi memastikan sama ada pilihan raya kerajaan tempatan untuk pemilihan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Selangor boleh dilaksanakan atau pun tidak. Berikut adalah beberapa cabaran serta tugas halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan tugas ini:-
- i. SPR mempunyai kuasa untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan tertakluk ia diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri menurut Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.
 - ii. Akta 473 memberi SPR kuasa untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan.. Walau bagaimanapun, SPR tidak dapat menguatkuasakan Akta 473 kerana subseksyen 15(1) Akta 171 yang memperuntukkan bahawa semua peruntukkan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan dalam Akta 473 telah dimansuhkan dan terhenti kuat kuasanya atau terhenti mempunyai kesan;
 - iii. Berikutan dengan kuat kuasanya subseksyen 15(1) dan pemakaian seksyen 10 Akta 171, adalah jelas bahawa SPR tidak boleh menjalankan pilihan raya bagi memilih Anggota Majlis sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan kerana keanggotaan mereka hendaklah dibuat secara lantikan (by appointment);
 - iv. Walaupun pilihan raya kerajaan tempatan berada di bawah bidang kuasa Negeri, namun berdasarkan Perkara 95 A Perlembagaan Persekutuan, perubahan dasar berhubung dengan apa-apa cadangan untuk

mengadakan semula pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah diputuskan terlebih dahulu oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (National Council for Local Government);

- v. Jika Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (National Council for Local Government) memutuskan bahawa Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan hendaklah dibuat melalui suatu pilihan raya, maka cadangan ini boleh dilaksanakan dengan cara berikut:

5.1 Seksyen 10 dan 15 Akta 171 perlu dipinda dan dikaji semula apa-apa peruntukan sedia ada yang lain berkaitan dengan pelantikan Anggota Majlis;

5.2 Semua cadangan pindaan kepada Akta 171 hendaklah diterima pakai oleh semua Negeri supaya wujud keseragaman dalam pemakaian undang-undang itu; dan

5.3 Peraturan-peraturan bagi menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah diadakan.

- vi. Sehingga segala tindakan diambil berdasarkan cadangan yang dinyatakan di sebelum ini, SPR tidak boleh menguatkuasakan Akta 473 untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan bagi Negeri Selangor.
- vii. Seterusnya, pihak SPR tidak boleh menjalankan kajian dan penyelidikan untuk Kerajaan Negeri Selangor kerana bertentangan dengan fungsi dan kuasa SPR di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Akta Pilihan raya 1958. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada peruntukan sedia ada sehingga ini, keputusan pihak Kerajaan Negeri untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan di bawah Akta 473 tidak boleh dilaksanakan kerana semua peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan telah dimansuhkan dan terhenti berkuat kuasa atau terhenti mempunyai kesan atas pemakaian seksyen 15 Akta 171. Pihak Kerajaan Negeri juga adalah tertakluk kepada seksyen 10 Akta 171 yang menyatakan bahawa pelantikan Anggota Majlis Berkuasa Tempatan hendaklah dibuat secara lantikan (by appointment).
- viii. Jika ia dapat dilaksanakan maka rakyat boleh diberi peluang untuk mengundi calon yang sesuai sebagai Ahli Majlis. Walau bagaimanapun akibat kekangan perundangan ia perlu dikaji semula terutamanya dari aspek kesediaan masyarakat dan keperluan politik semasa agar impak yang positif dapat dinikmati oleh semua pihak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANJIR DI HULU LANGAT DAN AMPANG

57. Banjir tersebut telah menyebabkan banyak kerosakan berlaku.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah rumah yang terlibat?
- b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi meringankan beban mereka?
- c) Berapakah jumlah ganti rugi yang diberikan kepada mangsa-mangsa berkenaan?

JAWAPAN :

- a) Jumlah rumah yang terlibat dalam bencana banjir ialah sebanyak 3,650 buah.
- b) Kerajaan negeri dalam membantu meringankan bebanan mangsa banjir telah memberikan bantuan bencana banjir , Bantuan persekolahan dan bantaun pembaikan semula rumah yang rosak teruk di kawasan Lembah jaya Utara dengan melibatkan sejumlah 8 buah rumah
- c) Jumlah bantuan banjir yang diberikan seperti berikut :-
 - I) Bantuan bencana banjir seramai 3,650 keluarga
 $3,650 \text{ keluarga} \times \text{RM } 1,000.00 = \text{RM } 3,650,000.00$
 - II) Bantuan pembaikan rumah (Lembah Jaya Utara, Ampang)
8 buah rumah dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 110,000.00
 - III) Bantuan persekolahan
Hulu Langat – 1483 pelajar jumlah peruntukan RM 218,900.00
Ampang - 220 pelajar jumlah peruntukan RM 35,800.00
Jumlah RM 254,700.00
Jumlah keseluruhan Bantuan RM 4,014,700.00(Ringgit Malaysia : Empat
Juta Empat Belas Ribu Tujuh Seratus Sahaja)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : MIKRO KREDIT SELANGOR

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:


- a) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan permohonan seseorang yang ingin mendapatkan pinjaman mikrokredit MIMBAR itu di tolak ? Dan adakah pihak MIMBAR sendiri akan memaklumkan sebab penolakan itu selepas proses temuduga dan sebagainya ?
- b) Berapa peratuskah peserta MIMBAR yang dapat menjelaskan pinjaman mikrokredit MIMBAR mengikut jadual dan sila berikan peratus bayaran balik yang efisien menurut kaum.
- c) Apakah tindakan MIMBAR terhadap peserta yang membuat pinjaman namun tidak berusaha untuk membayar balik ?

JAWAPAN :

- a) Bagi setiap permohonan yang tidak berjaya dalam mendapatkan pinjaman mikrokredit tanpa faedah ini adalah disebabkan pemohon bukanlah sasaran iaitu peniaga kecil atau tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang telah ditetapkan. Syarat-syarat kelayakan yang perlu dipatuhi bagi permohonan Program Mikrokredit Miskin Bandar Selangor adalah seperti berikut:
 - i. warganegara Malaysia berusia 21 – 60 tahun
 - ii. rakyat negeri Selangor atau bermastautin lebih 10 tahun (pengesahan dari pihak berwajib)
 - iii. menetap,berniaga dan bekerja di bandar-bandar di negeri Selangor
 - iv. berpendapatan isi rumah kurang dari:
 - a. RM1,500 tanpa anak
 - b. RM2,500 berkahwin dengan anak 3 orang atau kurang
 - c. RM3,000 berkahwin dengan anak melebihi 3 orang
 - v. memiliki aset keseluruhan tidak melebihi RM50,000 dalam segala bentuk
 - vi. mempunyai perniagaan sedia ada dan boleh berkembang
 - vii. pemohon tidak mempunyai hutang yang kritikal dan tidak diisytiharkan sebagai mufliis atau bankrap

Pada setiap kali taklimat atau penerangan, pemohon akan dimaklumkan bahawa tempoh proses permohonan adalah minima dua (2) minggu atau selewat-lewatnya satu (1) bulan. Setiap permohonan yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui sistem pesanan ringkas (SMS) kepada nombor telefon yang didaftarkan pemohon dalam tempoh satu (1) minggu selepas penilaian dibuat melalui jawatankuasa pemilihan. Selain daripada itu, di setiap borang permohonan juga telah dimaklumkan bahawa permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak menerima jawapan balas dalam tempoh satu (1) bulan. Pegawai operasi MiMBAR Selangor juga mengambil inisiatif sedaya upaya datang berjumpa atau menghubungi pemohon untuk memaklumkan sebab ditolak sekiranya terdapat sebarang aduan atau pertanyaan. MiMBAR Selangor juga berkongsi maklumat permohonan yang berjaya, tidak berjaya dan status bayaran balik peserta ini dengan semua Pusat Khidmat DUN setiap bulan. Data ini akan diberikan dan dikemaskini bagi memastikan setiap Pusat Khidmat DUN dan ADUN mengetahui jumlah permohonan dan tren bayaran balik peniaga-peniaga di kawasanya.

- a) Seperti yang sedia maklum, penduduk yang tinggal di bandar menjalani kehidupan harian yang berbeza dengan yang tinggal di kawasan luar bandar. Tekanan hidup di bandar lebih tinggi berbanding hidup di luar bandar. Peratusan peserta yang membuat bayaran balik mengikut jadual adalah sebanyak 51.92%, yang selebihnya masih membuat bayaran balik dengan membuat rayuan untuk dipanjangkan sedikit tempoh disebabkan oleh masalah yang timbul. Rayuan-rayuan seperti ini perlu dibantu bagi meringankan beban peniaga-peniaga kecil ini untuk memberikan mereka sokongan dan bantuan bagi mereka merasakan masih ada lagi tempat untuk mengadu dan bersandar dalam meneruskan pancaroba hidup di bandar. Antara alasan yang diberi adalah perniagaan mengalami masalah, terjadinya bencana seperti kebakaran, ribut dan banjir atau mengalami kecelakaan. Carta pembayaran balik seperti jadual di bawah:



- b) MiMBAR Selangor telah mengambil pelbagai langkah untuk meringankan beban peserta untuk membuat bayaran balik pinjaman yang diberikan. Berikut merupakan tindakan yang akan dikenakan bergantung kepada situasi peminjam :
- i. Peserta boleh membayar ansuran pinjaman kepada pegawai kawasan yang bertugas atau datang ke pejabat MiMBAR Selangor
 - ii. Peserta boleh berbincang mengenai penambahan tempoh bayaran balik pinjaman atau pengurangan ansuran pinjaman
 - iii. MiMBAR Selangor akan menarik balik peralatan beserta bahan mentah yang diberi sebagai modal awal sekiranya peserta gagal memulakan operasi perniagaan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh penerimaan peralatan tersebut sekiranya tiada alasan yang munasabah
 - iv. Surat peringatan awal akan dihantar kepada peserta yang mempunyai tunggakan untuk menjelaskan pembayaran tertunggak
 - v. Sekiranya tunggakan melebihi tiga (3) bulan, pegawai operasi unit khas akan melakukan siasatan khas dan kutipan dengan berjumpa bersama pegawai pihak berkuasa tempatan sekiranya perlu
 - vi. Sekiranya peminjam masih gagal menjelaskan bayaran tertunggak, MiMBAR Selangor akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menyita barang-barang perniagaan peserta yang jumlahnya sama dengan jumlah pinjaman yang gagal dilunaskan oleh peserta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENYELESAIAN KILANG HARAM

59. Merujuk buku “Urus Tadbir Selangor – Dasar, Program, Fakta” berkenaan penyelesaian kilang haram, m.s 37.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pertaburan menurut daerah sejumlah 1,296 kilang yang telah diluluskan permohonan untuk menukar syarat tanah secara sah?
- b) Apakah pecahan menurut jenis perkilangan atau industri yang melibatkan pengutipan premium tambahan sejumlah kira-kira RM112 juta oleh Kerajaan Negeri?
- c) Apakah pertaburan menurut PBT bayaran lesen sementara yang berjaya dikutip dengan jumlah RM1.2 juta?

JAWAPAN :

- a) Setelah semakan dan pengemaskinian data dibuat, sebanyak 945 permohonan telah diluluskan dan taburan mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Pejabat Tanah dan Galian Selangor tidak mempunyai data yang menunjukkan jenis perkilangan atau industri. Data yang dilaporkan adalah mengenai bilangan kilang haram dan pecahan premium tambahan yang dikutip mengikut daerah seperti di **Lampiran A**.
- c) Taburan bayaran Lesen Sementara PBT adalah seperti di **Lampiran B**.

LAMPIRAN A

LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT DAERAH

PERMOHONAN TUKAR SYARAT TANAH DAN MEMINDA SYARAT NYATA TANAH

DAERAH	BIL. LOT	BIL. PERMOHONAN		KEPUTUSAN				DALAM TINDAKAN	PERMIT KHAS SEMENTARA			PREMIUM TAMBAHAN (RM)	
		BIL.	%	LULUS	TOLAK	TANGGUH	BATAL PERMOHONAN		2009	2010	2011	TELAH BAYAR (RM)	BELUM BAYAR (RM)
PETALING	985	749	76.04%	679	5	-	9	79	-	-	-	89,631,765.67	72,979,729.50
KLANG	434	46	10.60%	23	0	2	-	-	125	-	-	2,560,514.00	-
GOMBAK	44		0.00%	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
HULU LANGAT	467	152	32.55%	152	-	-	-	-	-	-	-	63,701,034.30	4,378,005.00
KUALA LANGAT	209	87	41.63%	70	14	1	-	2	35	-	-	6,834,687.50	1,375,635.00
SEPANG	44	2	4.55%	1	-	1	-	-	-	-	-	133,256.25	-
HULU SELANGOR	18	3	16.67%	2	1	-	-	-	-	-	-	169,995.00	-
KUALA SELANGOR	34	19	55.88%	12	2	-	-	-	-	-	-	831,004.50	666,575.00
SABAK BERNAM	15	9	60.00%	6		3	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	2,250	1,067	47.42%	945	22	7	9	81	160	0	0	163,862,257.22	79,399,944.50

LAPORAN KEMAJUAN PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

PBT	BILANGAN KILANG	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM)			PERMOHONAN PELAN BANGUNAN (PB)			LESEN SEMENTARA				JUMLAH PEMBAYARAN LESEN SEMENTARA
		LULUS	TOLAK	TANGGUH	LULUS	TOLAK	TANGGUH	2007	2008	2009	2010	
MBSA	451	45	0	0	21	1	0	275	159	160	50	368,482.00
MBPJ	373							361	372	373		80,070.52
MPSJ	305	12	0	0	5	0	0	0	0	0		0.00
MPK	396	74			47			87	113	139		315,077.00
MPKj	590	138	2	1					320	367		276,800.00
MPAJ	226											
MPS	35	4	1									
MPSp	106	48	8	0	15	0	5			55		11,000.00
MDKL	209	11						100	100	8		62,400.00
MDKS	49	7	0	0	4	0	2			16		14,540.00
MDHS	55	5	2	3	6	2	3			31		12,185.00
MDSB	6							6	6	6		14,400.00
JUMLAH	2801	344	13	4	98	3	10	829	1070	1155	50	1,154,954.52

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: BANTUAN WANITA

60. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

a) Ada apa program/projek yang boleh memperkasakan wanita?

JAWAPAN:

a) Ungkapan yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor ialah Pemberdayaan Wanita. Sebahagian Program/Projek yang boleh memberdaya wanita adalah seperti berikut:

Bil.	Bidang Fokus Pemberdayaan	Program/Projek
1.	Ekonomi	1. Skim Mikrokredit Miskin Bandar (MIMBAR) 2. Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL) 2. Skim Mikrokredit Wanita Ladang (WALA) 3. PET SOHO-S 4. Laman Dapur 5. Daya Ekonomi Wanita (berkonsep Koperasi)
2.	Kesihatan	1. Kempen Satu Juta Wanita Selangor Sihat, Skim Kesihatan Wanita Mammogram Selangor (SKW MammoSEL) 2. Program Roadshow kesedaran Kesihatan Reproduktif, Kesihatan Mental & Fizikal
3.	Keluarga	Model Pusat Keluarga dalam Komuniti

4.	Kerjaya dan Pekerjaan	1. Usaha Advokasi dalam memahami dan menghayati nilai sebenar kerjaya dan pekerjaan untuk wanita agar wanita boleh membuat keputusan yang tepat berkaitan kerjayanya 2. Kajian dan advokasi berkaitan sektor informal di mana berlaku berbagai bentuk diskriminasi dan ketidakadilan terhadap wanita dan jalan-jalan penyelesaian
5.	Sukan dan Rekreasi	Advokasi berkaitan nilai sukan dan kesukanan dan penubuhan kelab-kelab sukan di seluruh PWB
6.	Pendidikan dan Latihan	Pembangunan Jati Diri Wanita
7.	Sosial, Budaya dan Agama	Dialog antara agama berkaitan kedudukan, fungsi dan peranan wanita ke arah pemberdayaan Wanita Selangor
8.	Hak, Keselamatan dan Undang-Undang	1. Kempen OSCC (One Stop Crisis Center) / Pusat Krisis Sehenti 2. Usaha-usaha advokasi berkaitan undang-undang sivil dan syariah, Enakmen Gangguan Seksual, Antipemerdagangan Manusia
9.	Politik dan Pembuatan Keputusan	Latihan dan bimbingan dalam celik politik dan usaha-usaha membariskan wanita dalam proses pembuatan keputusan dalam pentadbiran kerajaan negeri, legislatif dan lainnya
10.	Melonjak daya Upaya Wanita Intelektual dan Profesional	Mewujudkan jaringan komprehensif wanita intelektual dan profesional, wacana, wadah-wadah perbincangan ke arah menghasilkan model-model perlaksanaan yang sesuai untuk kepentingan wanita
11	Pengarus Utamaan Gender (<i>Gender</i>)	Advokasi dan model pengarusutamaan gender di peringkat PBT

	<i>Mainstreaming)</i>	
12.	Teknologi, Sains dan Alam Sekitar	Usaha-usaha pendedahan yang dinamik kepada wanita agar menceburi bidang ini dengan lebih kefahaman dan meluas sehingga melahirkan takungan wanita pengkaji, saintis yang boleh meningkatkan kualiti hidup wanita dan keluarga mereka

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM KERAJAAN DI HOTEL

61. Kerajaan negeri serta agensi-agensinya sering mengadakan jamuan makan, kenduri, keraian, mesyuarat, taklimat dan program di hotel.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan semua perbelanjaan, nama hotel, program dan jabatan-jabatan yang terlibat bermula tahun 2008 sehingga sekarang.

JAWAPAN :

- a) Perbelanjaan bagi jamuan makan, kenduri, keraian, mesyuarat, taklimat dan program di hotel diperuntukan kepada semua Jabatan berdasarkan keperluan semasa bagi tujuan peningkatan mutu perkhidmatan dan penyampaian Kerajaan Negeri. Walaubagaimanapun, penggunaan peruntukan tersebut adalah tertakluk kepada peraturan dan dasar sedia ada yang berkuatkuasa. Antara Pekeliling yang perlu dipatuhi oleh Jabatan / agensi di Negeri selangor adalah seperti berikut:-
- i. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2005
(Peraturan Mengenai Kadar-Kadar Dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah Dan Fasilitator Sambilan);
 - ii. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005
(Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Semasa Berkursus Kecuali Kursus Pra-Perkhidmatan);
 - iii. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005
(Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Menjalankan Tugas Rasmi Tidak Termasuk Anggota Tentera Dan Anggota Polis);
 - iv. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 19 Tahun 2012
(Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus Dan Latihan); **dan**
 - v. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 2012
(Perbelanjaan Berhemah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: SYARAT PENERIMA HADIAH MASUK IPT

62. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Pelajar yang tinggal di Petaling Jaya tidak layak menerima hadiah masuk universiti sebab lahir di Pusat Perubatan Universiti Malaya yang merupakan hospital terdekat. Mengapa syarat pemastautin yang diguna pakai untuk SMUE tidak digunakan untuk syarat layak terima hadiah masuk IPT?

JAWAPAN:

- a) Syarat yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi skim Hadiah Anak Masuk Universiti pada tahun 2008 hanya kepada pemohon/ ibu/ bapa mestilah kelahiran Negeri Selangor dan tidak mengambil kira isu kelahiran di sempadan mahupun isu permastautinan.

Walaubagaimanapun, bermula 1 Jun 2012 isu permastautinan telah dimasukkan sebagai syarat tambahan yang baru. Syarat permastautinan ini diberi kelonggaran yang mana tempoh permastautinan mencapai 11 tahun atau lebih sahaja yang layak untuk diberikan hadiah ini selagi syarat-syarat lain dipenuhi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : DISKAUN 25% CUKAI PINTU PANGSAPURI KOS RENDAH

63. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan Pangsapuri kos rendah di seluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah ?
- b) Sila huraikan secara terperinci apakah kriteria yang ditetapkan untuk para penghuni pangsapuri kos rendah supaya layak menikmati diskaun 25% cukai pintu ?
- c) Sila nyatakan secara *detail* berapakah anggaran jumlah hasil cukai pintu khususnya untuk pangsapuri kos rendah sebelum diskaun dan selepas diskaun 25% ? bagi seluruh Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada rekod Unit Pesuruhjaya Bangunan di semua kawasan pihak berkuasa tempatan, jumlah kawasan dan bilangan unit bagi pangsapuri kos rendah di negeri Selangor seperti berikut:

BIL.	NAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN	JUMLAH KAWASAN PEMAJUAN	BILANGAN UNIT
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	109	16,008
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	410	36,620
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	124	32,232
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	179	31,470
5.	Majlis Perbandaran Klang	120	17,242
6.	Majlis Perbandaran Selayang	57	18,350
7.	Majlis Perbandaran Kajang	259	38,296
8.	MajlisPerbandaran Sepang	8	2,765
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor	17	1,863
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	6	1,996
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	24	4,956
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	0	0
JUMLAH KESELURUHAN		1,313	201,798

- b) Kriteria pemilik pangsapuri kos rendah yang layak untuk menikmati diskaun pengurangan cukai taksiran adalah seperti berikut:
- i- Pemilik yang mendiami petak (unit rumah) di pangsapuri tersebut.
 - ii- Pengesahan kelayakan pemilik (status pemastautin) daripada ahli jawatankuasa pengurusan bersama [*joint management committee* (JMC)] atau ahli majlis perbadanan pengurusan [*management corporation* (MC)].
 - iii- Tiada tunggakan cukai taksiran pada petak berkaitan.
- c) Kerajaan Negeri sedang mendapatkan maklumat daripada semua Pihak Berkuasa Tempatan untuk mendapat gambaran yang lebih terperinci mengenai jumlah sebenar hasil cukai taksiran yang akan terlibat sebelum dan selepas diskaun 25%. Walau bagaimanapun, anggaran kasar jumlah hasil cukai taksiran bagi pangsapuri kos rendah sebelum dan selepas diskaun 25% mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Selangor seperti berikut:

BIL.	NAMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN	PANGSAPURI KOS RENDAH	
		ANGGARAN KASAR JUMLAH HASIL CUKAI TAKSIRAN (RM)	ANGGARAN KASAR JUMLAH HASIL CUKAI TAKSIRAN SELEPAS DISKAUN 25% (RM)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2,287,520.10	1,715,640.08
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2,260,674.00	1,695,505.50
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	4,447,701.80	3,335,776.35
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	6,800,651.00	5,100,488.25
5.	Majlis Perbandaran Klang	2,063,060.40	1,547,295.30
6.	Majlis Perbandaran Selayang	2,967,963.68	2,225,972.76
7.	Majlis Perbandaran Kajang	241,214.16	180,910.62
8.	Majlis Perbandaran Sepang	258,488.30	193,866.23
9.	Majlis Daerah Hulu Selangor	1,483,389.65	1,112,542.20
10.	Majlis Daerah Kuala Langat	1,050,979.00	788,234.30
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	58,397.40	43,798.05
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Tiada pangsapuri kos rendah	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK: LORI KOMPAKTOR

64. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan untuk membeli lori kompaktor?
- b) Berapakah jumlah lori kompaktor yang telah diagihkan mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman YB, pembelian 50 buah lori pemampat sampah untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak melibatkan wang Kerajaan Negeri. Pembelian tersebut dibuat melalui syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, Kumpulan Darul Ehsan Berhad (**KDEB**) dengan mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan.

Di dalam proses pembelian tersebut, KDEB telah menjalankan proses *Request for Proposal* iaitu Pelawaan Memberi Cadangan ada November 2011 di mana tidak kurang daripada 17 buah syarikat pembekal kompaktor telah dipelawa untuk mengemukakan cadangan untuk membekalkan 50 buah kompaktor.

Di antara cadangan yang telah dikemukakan termasuk cadangan daripada syarikat-syarikat seperti Scania (Malaysia) Sdn. Bhd. dan Tan Chong Industrial Equipment Sdn. Bhd. Terdapat juga syarikat-syarikat yang lebih kecil seperti Bumi GT Sdn. Bhd. dan Syarikat Pembekalan dan Perkhidmatan Lezan yang telah mengemukakan cadangan untuk membekalkan 50 buah kompaktor tersebut.

Sejumlah 13 buah syarikat telah mengemukakan cadangan untuk membekal kompaktor tersebut. Harga yang dikemukakan menjulat dari RM252,500 hingga RM396,000 untuk sebuah kompaktor.

- b) Pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (**MBSA**) memaklumkan bahawa 28 buah kompaktor yang diterima daripada Kerajaan Negeri telah diagihkan kepada semua PBT yang berikut dan bakinya telah diberikan penyewaan kepada kontraktor yang dilantik :-

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Kompaktor (Unit)
1.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	1
2.	Majlis Perbandaran Selayang	2
3.	Majlis Perbandaran Klang	6
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	5
5.	Majlis Perbandaran Sepang	2
6.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2
7.	Majlis Daerah Hulu Selangor	4
	JUMLAH	22

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y. B PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : KEMISKINAN

65. Bertanya kepada Y. A. B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan bersepadu kerajaan negeri bagi mengurangkan perbezaan pendapatan antara golongan miskin dan kaya di Negeri Selangor?
- b) Senaraikan kadar kemiskinan mengikut pecahan daerah daripada tahun 2008-2012.

JAWAPAN:

- a). Kerajaan Negeri melalui Jawatan Kuasa Tetap (Stanco) kemiskinan telah menggariskan tiga fungsi utama dalam menangani kemiskinan di Negeri Selangor, iaitu dengan menyediakan:

- i. Bantuan Perumahan
- ii. Bantuan Pendidikan
- iii. Bantuan Peluang Pekerjaan

i. Bantuan Perumahan

Melalui **Program Kerajaan Prihatin**, Rumah Program Rakyat Termiskin (PPRT) telah dibina dengan kos maksima sebanyak RM30,000.00 sementara itu bantuan baik pulih juga diwujudkan bagi membantu golongan sasaran mendapat kemudahan tempat tinggal yang lebih selesa.

ii Bantuan Pendidikan

Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan **Program Kemahiran Teknikal** dengan kerjasama kolej Internasional INPENS di Kuala Selangor dimana peluang melanjutkan pengajian dalam bidang kemahiran ini dibuka kepada seluruh pelajar miskin di Negeri Selangor untuk menyambung pengajian ke peringkat tertinggi dan ini diharap dapat mengelakkan jurang pendidikan dan masalah keciciran di kalangan pelajar terutama sekali pelajar luar bandar.

ii. Bantuan Peluang Pekerjaan

Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor yang diwujudkan pula adalah bagi membantu golongan sasar berdikari dan menambahbaik perusahaan atau bidang tertentu yang telah diusahakan bagi menambah pendapatan sedia ada. Program ini diselaraskan dengan memberi bantuan berbentuk peralatan dan mesin kepada pemohon yang layak diberi bantuan.

- b) Kemiskinan membawa maksud, jumlah pendapatan bulanan sesebuah isi rumah yang berada di bawah tahap Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu indikator yang membolehkan sesebuah keluarga tersebut memiliki dan memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan, yang membolehkan setiap ahli keluarga berfungsi di dalam masyarakat. Sementara peratusan rakyat dibawah garis kemiskinan di Negeri Selangor (1,503,629 - jumlah penduduk yang dikategorikan sebagai miskin iaitu pendapatan kurang dari RM1500.00) dibahagi dengan jumlah populasi di Negeri Selangor iaitu 5,070,000 menjadikan sejumlah 30.18%.

Negeri Selangor merupakan antara negeri yang mempunyai pertumbuhan populasi yang sangat tinggi dimana pertumbuhan tersebut didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang pesat. Selain itu pertumbuhan tersebut berlaku antara lain adalah disebabkan oleh perpindahan rakyat negeri lain ke Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu mengikut data terkini, terdapat sebanyak 274,937 jumlah warga miskin di Negeri Selangor berdasarkan kepada paras garis kemiskinan (PGK) 2007 iaitu pada kadar RM731.00 sebulan. Jumlah tersebut menyumbang kepada 5.3% dari jumlah populasi rakyat Negeri Selangor. Bagaimanapun kadar garis kemiskinan telah ditingkatkan menjadi RM1500.00.

Berdasarkan kepada bancian yang dijalankan pada tahun 2007 terdapat seramai 1,530,629 penduduk Negeri Selangor yang berpendapatan bawah RM 1500 iaitu menjurus kepada 30% populasi rakyat Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri melalui Bajet 2009 telah menggariskan lima (5) strategi khusus bagi memastikan kestabilan ekonomi Negeri Selangor seterusnya menangani masalah kemiskinan. Antara strategi tersebut ialah :

Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES)

Antara program MES yang telah dilaksanakan termasuklah program Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS), Bekalan Air Percuma, Hadiah Anak Masuk Universiti, Bantuan Warga Usia Emas, Pusat Khidmat Kisi Sehati (OSCC) dan Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang.

Selain dari itu beberapa program MES yang akan dilaksanakan secara berfasa khusus untuk golongan berpendapatan rendah termasuklah Caruman Takaful bagi OKU/Anak Yatim, Bantuan Kepada Peniaga Muda, Bimbingan Perniagaan Kepada Belia, Bantuan Anak ke Nurseri RM75 sebulan/orang, Bantuan Anak Pra Sekolah RM50 sebulan/orang, Bantuan Mendirikan Rumah Tangga, Elaun Ibu Tunggal, Elaun Khas Suri Rumah dan Bantuan memiliki Kediaman.

Menerusi program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dijangka dapat mengurangkan beban rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan miskin.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : HAK MILIK TANAH MASYARAKAT ORANG ASAL

66. Masyarakat Orang Asal masih menunggu hak milik tanah.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak Kg Orang Asal sudah menerima hak milik tanah?
- b) Apakah masalah yang dihadapi?
- c) Apakah tindak lanjut untuk mempercepatkan proses milikan tanah?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : I.P.T - DALAM HADIAH MASUK IPT

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bolehkah syarat-syarat kelayakan menerima hadiah tersebut di longgarkan mengikut kesesuaian pendapatan dan tanggungan (umpamanya tanggungan anak yang ramai dan pendapatan gaji yang kurang)?
- b) Bolehkah diterima ibu bapa yang menetap di sempadan dan anak yang dilahirkan di sempadan wilayah persekutuan diterima-bolehkah dilonggarkan syarat-syarat tersebut?

JAWAPAN :

- a) Syarat Hadiah Anak Masuk Universiti pada masa kini tidak memberikan sebarang kelonggaran kepada syarat pendapatan dan tidak mengambil kira jumlah tanggungan sedia ada. Kelonggaran syarat tersebut boleh dilaksanakan sekiranya dibentangkan sekali lagi di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk dipertimbangkan kelonggaran tersebut.
- b) Salah satu syarat kelayakan permohonan HPIPT ialah salah seorang sama ada pemohon / ibu / bapa adalah kelayakan yang telah ditetapkan dalam syarat. Walau bagaimanapun, bermula 1 Jun 2012, syarat tambahan telah dimasukkan ke dalam syarat sedia ada yang mana sekiranya pemohon / ibu / bapa bukan kelahiran Negeri Selangor tetapi telah menetap di Negeri Selangor selama 11 tahun atau lebih layak memohon.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK: TAPAK PERKUBURAN CINA TG. SEPAT

68. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status permohonan pembesaran Tapak Perkuburan Cina Tg. Sepang di Daerah Sepang oleh jawatankuasa Pertubuhan Perkuburan Cina Tg. Sepat?
- b) Adakah kerajaan negeri sedia meluluskan permohonan atau tidak?
- c) Jika tidak, kenapa?

JAWAPAN:

- a) Permohonan pembesaran Tapak Perkuburan Cina Tg. Sepang oleh Jawatankuasa Pertubuhan Perkuburan Cina Tg. Sepat masih dalam tindakan untuk diwartakan. Draf warta telah disediakan oleh Pejabat Tanah Sepang dan telah dikemukakan kepada Pejabat Tanah dan Galian Selangor pada 2.5.2012.
- b) Permohonan untuk mewartakan tapak kubur ini telah diluluskan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada 27.09.2008. Kelewatan mewartakan tapak ini kerana menunggu Pelan PA dari Jabatan Ukur dan Pemetaan di mana Pelan PA telah dikeluarkan dan diterima oleh Pejabat Tanah Sepang pada 17.04.2012. Maklumat tapak tersebut adalah :-
 - Lot 114882 (PA 203426), Mukim Sepang
 - Luas 32602 mp (8 ekar)
 - Pelan PA diterima pada 17.04.2012 daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)

69. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa peratus anak-anak kelahiran Selangor telah mendaftar skim TAWAS ini pada tahun 2010, 2011, 2012?
- b) Berapakah peruntukan kerajaan kepada Tawas sehingga Jun 2012 ?
- c) Adakah Tawas melakukan aktiviti pelaburan? Jika ada,
 - i. Siapakah yang menguruskan pelaburan Tawas?
 - ii. Apakah pecahan pelaburan mengikut industri dan syarikat?
 - iii. Berapakah pulangan yang telah diterima pada tahun 2010 dan 2011?

JAWAPAN :

- a) YAWAS tidak mempunyai sebarang maklumat berkenaan anak-anak kelahiran Selangor kerana tidak pernah mendapat data tersebut daripada Jabatan Pendaftaran Negara Negeri Selangor.
- b) Sehingga Jun 2012 peruntukkan daripada kerajaan adalah sebanyak RM8.5 Juta.
- c) Tiada berkaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK: KOS PERBELANJAAN PROGRAM DAN LAWATAN LUAR NEGARA
YAB DATO' MENTERI BESAR DAN AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2010 HINGGA 2011**

70. Bertanya Kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila senaraikan secara terperinci kos perbelanjaan, program yang dihadiri serta hasil lawatan luar negeri secara satu per satu yang melibatkan YAB Menteri Besar Selangor, dan Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor sejak Februari 2010 hingga Disember, 2011

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah **RM 2,763,771.44** bagi tujuan program yang dihadiri serta hasil lawatan luar negeri yang melibatkan 37 STANDCO di Negeri Selangor bagi Februaari 2010 hingga Disember 2011. Perincian perbelanjaan tersebut adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A**PETUNJUK BAGI SENARAI LAWATAN AHLI-AHLI EXCO KE LUAR NEGARA BAGI TAHUN 2008-2011**

BIL	NAMA EXCO	BIL. KELUAR NEGARA	J/KUASA TETAP	PETUNJUK
1	Y.A.B Tan Sri Dato Abdul Khalid Bin Ibrahim	4	Pembangunan Tanah , Kewangan, Majlis Tindakan Ekonomi Negeri	
2	Y.B Teresa Kok Suh Sim	9	Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan	
3	Y.B Dato' Dr. Hassan Bin Mohamed Ali	2	Hal Ehwal Islam, Adat-Adat Melayu	
4	Y.B Dr. Yaakob Bin Sapari	8	Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan	
5	Y.B Rodziah Binti Ismail	7	Kebajikan, kebudayaan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Pesara	
6	Y.B Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandam	8	Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin	
7	Y.B Dr. Halimah Binti Ali	3	Pendidikan Tinggi, Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan	

8	Y.B IR. Iskandar Bin Abdul Samad	4	Perumahan dan Pengurusan Bangunan dan Setingan	
9	Y.B Ronnie Liu Tian Khiew	6	Kerajaan Tempatan dan Kajian dan Penyelidikan	
10	Y.B Wong Keat Ping@Elizabeth Wong	6	Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar	
11	Y.B Ean Yong Hian Wah		Pembangunan Kampung Baru dan Penyelesaian Kilang Haram	
	Bil keseluruhan EXCO ke luar negara	57		
	Jumlah keseluruhan EXCO ke luar negara (RM)	RM 2,763,771.44		

LAMPIRAN A

**MAKLUMAT BERHUBUNG LAWATAN DI DALAM DAN LUAR NEGARA OLEH AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN
NEGERI SELANGOR (EXCO) BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2011**

JAWATANKUASA TETAP PELANCONGAN						
BIL	NAMA LAWATAN / PROGRAM	EXCO DAN PEGAWAI TERLIBAT	DESTINASI & TEMPOH	KOS YANG TERLIBAT (RM)	PEMBIAYAAN KOS TERLIBAT	HASIL / FAEDAH
1.	Lawatan Kerja Rasmi	Y.B. Puan Elizabeth Wong	Melbourne, Australia 28 Feb – 4 Mac 2010	21,050.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor
3.	Lawatan Kerja Rasmi	Y.B. Puan Elizabeth Wong	Bangkok, Thailand 20 Ogos 2010	3,289.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor
4.	Lawatan Kerja Rasmi	Y.B. Puan Elizabeth Wong	Hangzhou/ Shanghai, China 23 – 26 April 2011	4,070.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor
5.	Lawatan Kerja Rasmi	Y.B. Puan Elizabeth Wong	Brunei 27 – 28 Julai 2011	3,632.00	Jawatankuasa Tetap Pelancongan	Promosi pelancongan Negeri Selangor

JAWATANKUASA TETAP ALAM SEKITAR

6.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010 Convention, New Delhi pada 5 – 9 Januari 2010	i. Y.B. Puan Elizabeth Wong ii. Yeo Eng Kang	Shanghai, China 2-7 Julai 2010	31,280.00	Peruntukan semasa	i. Menghadiri 'Towards A Low-Cartoon City: Environment Protection and Urban Responsibility'. ii. Jamuan serta dialog bersama MAYCHAM (Malaysian Chamber of Commerce).
----	---	---	-----------------------------------	-----------	-------------------	---

JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN

7.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010 Convention	i. Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Pembantu Exco) ii. Hiew Kim Boon (Setiausaha Sulit)	Shanghai, China 3-8 Oktober 2010	37,791.00	Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru	Menghadiri 'Harmonious City and Livable Life'
8.	Lawatan Teknikal ke Balikpapan, Indonesia Bagi Penyediaan Undang-Undang Kecil Burung Walet Dan Garis Panduan Industri Burung Walet negeri Selangor	Y.B. Tuan Ronnie Liu bersama seramai 26 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai-pegawai di Pihak Berkuasa Tempatan	Balikpapan, Indonesia 3 – 6 Mac 2010	39,297.00	Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan	Penambahbaikan terhadap Undang-Undang Kecil dan Garis Panduan Burung Walet yang telah dirangka.

9.	Lawatan Kerja Ke Shanghai, Hangzhou Dan Xiamen, Republik Rakyat China	Y.B. Tuan Ronnie Liu bersama seramai 25 orang peserta yang terdiri dari Pegawai-Pegawai di Pihak Berkuasa Tempatan	Shanghai, Hangzhou dan Xiamen, China 3 – 10 Oktober 2010	87,775.00	i. RM25,500.00 - Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan ii. RM62,275.00- Peruntukan B01 – Menteri Besar & SUK	Menambahbaik keadaan sedia ada PBT. Antara penemuan dan cadangan yang dikemukakan oleh Y.B. Ronnie Liu: i. Mewujudkan Selangor Urban Planning Exhibition Hall; ii. Menaiktaraf Taman sedia ada di PBT yang berkemampuan; dan iii. Menubuhkan Unit Perhubungan Antarabangsa.
JAWATANKUASA TETAP KAJIAN DAN PENYELIDIKAN						
10.	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program Pravasi Bharatiya Divas Convention	i. Y.B. Tuan Ronnie Liu ii. Y.B. Tuan Xavier Jayakumar	New Delhi, India 5 – 9 Januari 2010	16,487.00	Peruntukan Portfolio Kajian Dan Penyelidikan	MMKN Ke41/2011 meluluskan penyertaan Kerajaan Negeri Selangor dalam program ini.

JAWATANKUASA TETAP PERUMAHAN, PENGURUSAN BANGUNAN & SETINGGAN

11.	Persidangan Pembangunan Komuniti "Inspiring Communities, Building Community From The Inside Out"	i. Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad ii. Y.B. Dr. Hj. Yaakob bin Sapari	Eastbank Centre Shepparton, Australia 5 September 2011	28,181.00	P-01- Pembangunan Ekonomi Kampung Tradisi	Mengkaji pembangunan komuniti di Australia.
12.	Lawatan Teknikal Tentang Konsep Rumah Mampu Milik	i. Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad ii. Y.B. Pegawai kewangan Negeri	Ontario, Canada 20 Mei 2011	49,936.00	Perbendaharaan	i. Mengkaji konsep dan sistem perumahan di Kanada. ii. Mengadakan Seminar Rumah Mampu Milik di SACC pada 5 Julai 2011
13.	Expo 2010, Shanghai, China	i. Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad dan EXCO Negeri Selangor	Shanghai, China 5 Oktober 2010	23,070.00	Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan	Mengkaji cara hidup dan perkembangan pembangunan di China
14.	Pembentang Kertas Kerja pada Seminar 'Affordable Housing Project – <i>Creating Better Living</i>	i. Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad ii. Pengarah Eksekutif LPHS	Singapura 1 Ogos 2010	37,047.00	Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan	Memperkenalkan konsep perumahan di Malaysia terutamanya Negeri Selangor

	<i>Standards for Social Improvement and Economic Growth in Malaysia'.</i>					
JAWATANKUASA TETAP PEMODENAN PERTANIAN, PENGURUSAN SUMBER ALAM & PEMBANGUNAN USAHAWAN						
15.	Expo 2010, Shanghai, China (Better City, Better Life)	i. Y.B Dr. Yaakob bin Sapari ii. En. Zukirmin bin Ahmad, Pegawai Khas EXCO iii. En. Mohd Redwan bin Alias, Pegawai Dasar EXCO iv. En. Shamsul Sharil Badliza, Timbalan Pengarah, UPEN	Shanghai, China 14 – 19 Mei 2011	45,718.00	Jawatankuasa Tetap Pemodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam & Pembangunan Usahawan	Menyertai International Expo Shanghai 2011 di China.
15.	Lawatan Ke Shanghai dan Hangzhou, China	China 3 – 8 Oktober 2010	21,928.00
16.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	China 10 – 15 Oktober 2010	40,409.27
17.	Lawatan Teknikal ke Seoul, Korea	Korea 30 Oktober – 6 November 2010	146,101.20
	2011		
18.	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program <i>Pravasi Bharatiya Divas Convention 2011</i>	5 - 10 Januari 2011	27,589.00
19.	Lawatan Kerja Kerajaan Negeri Selangor ke Jakarta,	10 - 12 Februari 2011	35,947.55

	Indonesia.		
20.	Trade Misson to Shanghai, Ningbo and Chengdu	28 Feb. – 5 Mac, 2011.	45,672.00
21.	Visit to Shanghai, China	17 -19 Julai, 2011	10,028.30
22.	Lawatan Promosi Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor Ke Melbourne dan Sydney, Australia	24 - 30 Julai 2011	304,790.24
23.	Lawatan Kerja YAB Dato' Menteri Besar Selangor Ke Wilayah Gazvin Dan Isfahan, The Islamic Republic Of Iran	26 Oktober – 2 November 2011	32,848.00
24.	Lawatan Teknikal ke Germany	11 - 17 September 2011	317,977.35
25.	Lawatan Kerja Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor Ke Ibu Pejabat Syarikat Jepun	21 - 25 November 2011	317,977.35
	2012		
26.	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program <i>Pravasi Bharatiya Divas Convention 2012 Jaipur, Rajasthan, India</i>	5 - 10 Januari 2012	26,047.00
27.	Lawatan Kerja Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor Ke Jepun	22 - 26 April 2012	72,871.00
28.		Jumlah Kos Lawatan	RM 2,402,566.29

- b) Hasil daripada misi-misi pelaburan yang telah diadakan Negeri Selangor telah berjaya menarik pelaburan sebanyak **RM 1,218.7 bilion** dan sebahagian besarnya telah dilaksanakan.
- c) Nisbah kos yang dibelanjakan berbanding pulangan pelaburan jika ditinjau dari segi konsep "*value for money*" adalah seperti berikut;-

Dari segi kos sebanyak **RM 2,402,566.29** yang telah dibelanjakan, Negeri Selangor telah berjaya menjana pelaburan berjumlah **RM 1,218.7 bilion**.

Dari segi "*value for money*" bagi setiap ringgit yang telah dibelanjakan, telah berjaya menjana pelaburan sebanyak **RM 507.25**

value for money = **RM 1.00 : RM 507.25**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK: PENYELENGGARAAN LANDSKAP

93. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah kerap MPAJ mengirim dan membaja pokok dan bunga yang ditanam?
- b) Sila nyatakan jadual penyelenggaraan dan penanaman di bawah MPAJ pada tahun 2011.
- c) Kos yang terlibat untuk setiap penyelenggaraan.

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PENYELENGGARAAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak telah kerajaan Selangor belanja pada tahun 2011 untuk membaikpulih lif, bumbung dan bangunan rumah pangsa kos rendah di seluruh Selangor? Berikan pecahan mengikut rumah pangsa dan peruntukan dan tujuan kegunaan peruntukan?
- b) Adakah kerajaan menerima aduan daripada penduduk-penduduk, JMB-JMB terhadap kontraktor yang tidak cekap dan bertanggungjawab seperti dalam kes Rumah Pangsa Sri Aman, Petaling Jaya dan apakah cara penyelesaiannya?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri melalui Skim CERIA (*Caring Government for Residents' Improvement Aid*) telah membelanjakan sejumlah RM2.3 juta bagi membaikpulih harta bersama 17 kawasan pangsapuri kos rendah pada tahun 2011 (Fasa I). Senarai lengkap kerja baikpulih yang terlibat adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Ya, Kerajaan Negeri maklum akan aduan-aduan pihak penduduk mahupun JMB berhubung prestasi projek baikpulih Skim CERIA. Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama pihak Pesuruhjaya Bangunan (*Commissioner Of Building – COB*) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) sentiasa turun padang dan melaporkan perkembangan projek-projek tersebut melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pengurusan yang bermesyuarat secara berkala.

Khusus untuk aduan kualiti kerja di Pangsapuri Sri Aman, LPHS telah turun menyiasat dan mendapati pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) selaku pengeluar Sijil Layak Menggunakan Lif (*Certificate of Fitness*) telahpun turun membuat siasatan pada 21 Jun 2012 dan secara dasarnya telah memperakui keselamatan lif yang telah dibaikpulih. Walaubagaimanapun, pihak PKNS sebagai Pengurus Projek Skim CERIA telah diarahkan oleh LPHS untuk memperbaiki kerja-kerja kemas pada lif tersebut dengan segera.

SENARAI KAWASAN YANG DIBAIKPULIH DI BAWAH SKIM CERIA

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
1.	Pangsapuri Flora Damansara A dan B	MBPJ	4 unit lif	2011	223,440.00
2.	Pangsapuri Desa Perangsang Blok A & B	MBPJ	2 unit lif	2011	108,475.50
3.	Apartmen Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	2 unit lif	2011	8,144.85
4.	Flat Taman Medan 32, (blok A-E) Taman Medan Baru	MBPJ	Salur air hujan gutter 5 blok	2011	262,500.00
5.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	2 unit lif	2011	45,078.60
6.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	3 unit lif	2011	138,442.50
7.	Flat Sri Cemara, Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur (4 blok 360 unit)	MBPJ	Mengecat	2012	190,577.47
8.	Apartmen Harmoni, Damansara Damai, Petaling Jaya	MBPJ	Menurap jalan	2012	118,495.00
9.	Flat Desa Mentari Blok 2	MBPJ	Baikpulih 2 unit lif	2012	52,816.98
10.	Flat Desa Mentari Blok 3	MBPJ	Baikpulih 2 unit lif	2012	54,471.98
11.	Taman Medan, Blok D & F	MBPJ	Membaikpulih Tangki Air (2 unit)	2012	70,048.00
12.	Pangsapuri Mentari	MBSA	3 unit lif	2011	49,350.00
13.	Pangsapuri KR Taman Subang Perdana	MBSA	Mengecat	2012	71,625.96
14.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 21 (PN7815) Seksyen 24, Shah Alam (6 blok 240 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	217,237.50
15.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 46 (PN7799) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 120 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	114,000.00
16.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 6 (PN7818) Seksyen 24, Shah Alam (8 blok 320 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	366,250.00

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
17.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 23 (PN7814) Seksyen 24, Shah Alam (4 blok 160 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	152,500.00
18.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 40 (PN7803) Seksyen 24, Shah Alam (1 blok 30 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	89,200.00
19.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 26 (PN7813) Seksyen 24, Shah Alam (4 blok 140 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	126,000.00
20.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 12 (PN7817) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 140 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	123,950.00
21.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 34 (PN7805) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 100 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	205,100.00
22.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 52 (PN7801) Seksyen 24, Shah Alam (5 blok 220 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	186,850.00
23.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 36 (PN7804) Seksyen 24, Shah Alam (5 blok 150 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	322,200.00
24.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 2 (PN7820) Seksyen 24, Shah Alam (4 blok 120 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	118,750.00
25.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 16, Seksyen 24, Shah Alam (5 blok 200 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	233,400.00
26.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 48 (PN7800) Seksyen 24, Shah Alam (2 blok 100 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	89,450.00
27.	Perbadanan Pengurusan Anggerik 44 (PN7797) Seksyen 24, Shah Alam (3 blok 100 unit)	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	104,500.00
28.	Blok 6-9 Seksyen 19	MBSA	Salur Paip sanitari	2012	83,150.00

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
29.	Pangsapuri Kos Rendah Teratai, Seksyen U16	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	163,500.00
30.	Pangsapuri Kos Sederhana Rendah Kiang, Seksyen U16	MBSA	Baikpulih bumbung	2012	106,900.00
31.	Tembikai & Pulasan Court	MPSJ	Salur air hujan (<i>gutter</i>) 4 blok	2011	60,354.00
32.	Pangsapuri Kenanga, Tmn Bukit Kinrara (252 unit)	MPSJ	Mengecat	2012	126,550.00
33.	Pangsapuri Taman Muhibbah Blok A,B,C,D	MPSJ	Mengecat	2012	289,150.00
34.	Pangsapuri Kos Rendah Bandar Sunway	MPSJ	Mengecat	2012	331,200.00
35.	Pangsapuri Enggang	MPSJ	Sistem Pencegah Kebakaran	2012	150,200.00
36.	Flat Puchong Permai F9-F10	MPSJ	Baikpulih 1 unit lif	2012	74,625.00
37.	Flat Puchong Permai F5-F8	MPSJ	Baikpulih 1 unit lif	2012	65,090.35
38.	Pangsapuri Dahlia, Persiaran Bukit Raja, Klang	MPK	Baikpulih 2 unit lif	2012	91,190.00
39.	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	5 unit Lif	2011	367,500.00
40.	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	2 unit lif	2011	367,500.00
41.	Pangsapuri Impian Sentosa, Klang	MPK	Baikpulih 5 unit lif	2012	288,516.85
42.	Pangsapuri Inai, Pandan Indah	MPAJ	Mengecat 4 Blok	2012	222,428.88
43.	Flat Pandan Jaya L28 (40 unit)	MPAJ	Mengecat 1 Blok	2012	24,578.57
44.	RPKR Taman Cahaya, Ampang	MPAJ	Mengecat 3 Blok	2012	124,421.85
45.	Merpati B Apartment, Pandan Indah	MPAJ	Mencuci & Mengecat tangki	2012	113,500.00
46.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	4 unit tangki	2011	69,300.00
47.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	4 unit lif	2011	357,000.00
48.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	1 unit lif	2011	120,750.00
49.	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang	MPAJ	Baikpulih bumbung	2011	199,500.00

Bil	Nama Pangsapuri	PBT	Jenis Kerosakan	Tahun	Had Siling
50.	Flat Taman Damai Jaya	MPKJ	Baikpulih 8 unit tangki air	2011	19,005.00
51.	Pangsapuri Pinggiran Delima Blok D dan E	MPKJ	Bumbung blok D dan E	2011	44,205.00
52.	Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Alam Jaya, Batu 9	MPKJ	Baikpulih 8 unit tangki air	2012	96,600.00
53.	Pangsapuri Orkid, Bandar Mahkota Cheras	MPKJ	Baikpulih bumbung	2012	368,800.00
54.	Pangsapuri Kenari Blok A,B,C,D Taman Impian	MPKJ	Ganti Kotak Pendawaian Eletrik	2012	52,100.00
55.	Pangsapuri Medan Damai 1F	MPKJ	Baikpulih bumbung	2012	144,850.00
56.	Pangsapuri Baiduri, Bandar Tasik Kesuma	MPKJ	Baikpulih Taman Permainan	2012	24,650.00
57.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	Bumbung 16 unit tkt 5 Blok G	2011	98,595.00
58.	Apartment Julia Blok A, B, C, D, E & G, Bandar Baru Selayang (469 unit)	MPS	Mengecat	2012	245,550.00
59.	Apartment Julia Blok F, Bandar Baru Selayang (80 unit)	MPS	Mengecat	2012	41,450.00
60.	Pangsapuri Kenanga, Taman Gombak Permai, Batu Caves	MPS	Membaiki pagar	2012	19,900.00
61.	Pangsapuri Dahlia A Blok 1-5, Bandar Baru Selayang	MPS	Membaiki longkang	2012	41,800.00
62.	Flat Samudera, Batu Caves (6 blok 600 unit)	MPS	Mengecat	2012	360,000.00
63.	Pangsapuri Mas Ayu, Blok 1, Bandar Baru Selayang	MPS	Baikpulih bumbung	2012	48,634.30
64.	Pangsapuri Mas Ayu, Blok 2, Bandar Baru Selayang	MPS	Baikpulih bumbung	2012	48,634.30
65.	Pangsapuri Dahlia A Blok 6 Bandar Baru Selayang	MPS	Menbaiki longkang	2012	15,250.00
66.	Pangsapuri Dahlia B Blok 1-3 Bandar Baru Selayang	MPS	Menbaiki Handrail dan landing slab	2012	14,000.00
67.	Flat Taman Daya, Taman Daya Kepong	MPS	Pagar	2012	43,050.00
68.	Pangsapuri Cempaka, Gombak Permai	MPS	Membaikpulih Tangki Air (1unit)	2012	36,206.50
69.	Pangsapuri Puncak Desa, Kepong	MPS	Baikpulih bumbung	2012	562,347.32
JUMLAH BESAR				9,738,902.25	

GARIS PANDUAN**PERMOHONAN BANTUAN SKIM PEMULIHAN NEGERI BERKEBAJIKAN**

1. TUJUAN

Skim ini disediakan bagi tujuan baikpulih kerosakan harta bersama pangsapuri kos rendah di Negeri Selangor.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Kerosakan harta bersama yang kritikal
- Hanya satu (1) jenis harta bersama yang dibenarkan untuk dibaikpulih
- Permohonan daripada JMB/MC/Persatuan Penduduk / Ejen berdaftar
- Kedudukan kewangan JMB/MC/Persatuan Penduduk yang memuaskan

3. KAEDAH PERKONGSIAN KOS

3.1. Kos baikpulih ini akan ditanggung oleh kedua-dua pihak dengan nisbah 80:20

Pangsapuri Kos Rendah

- | | | |
|-----------------------------|---|-----|
| • Kerajaan Negeri | - | 80% |
| • JMB/MC/Persatuan Penduduk | - | 20% |

3.2. Pihak JMB/MC/Persatuan Penduduk perlu menandatangani sekurang-kurangnya **10% daripada jumlah kos baikpulih** tersebut kepada Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) sebagai bayaran komitmen dan jaminan untuk mendapatkan skim bantuan ini.

3.3. Baki bayaran bagi “*portion*” JMB/MC/Persatuan Penduduk boleh dibayar mengikut kaedah yang dipersetujui (tertakluk kepada perbincangan antara Kerajaan Negeri dan JMB/MC/Persatuan Penduduk)

3.4. Pihak JMB/MC/Persatuan Penduduk akan terikat dengan Surat Akujanji bagi pembayaran balik baki bayaran sebelum tawaran dikeluarkan

3.5. Sebarang bayaran dibuat melalui cek/bank draft di atas nama **Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor**

4. JENIS-JENIS HARTA BERSAMA YANG BOLEH DIBAIKPULIH MELALUI SKIM PEMULIHAN NEGERI BERKEBAJIKAN

Harta bersama yang terlibat adalah seperti yang ditafsirkan di bawah peruntukan Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318] dan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] seperti berikut:-

BIL	RUANGAN	PERINCIAN
4.1	Kawasan / ruang bangunan yang tidak terkandung dalam mana-mana petak	• Struktur bangunan • Anak tangga atau tangga • Laluan kecemasan • Pintu masuk atau pintu keluar • Koridor • Lobi
4.2	Kawasan luar bangunan yang boleh digunakan atau dinikmati bersama	• Padang permainan • Kawasan rekreasi • Jalan masuk • Tempat letak kereta (kecuali "accessory parcel") • Ruang terbuka • Kawasan landskap • Tembok • Pagar
4.3	Kemudahan, lekapan dan pemasangan yang boleh digunakan atau dinikmati bersama	• Lif • Pelongsor sampah • Parit • Tangki air • Pembentung
4.4	Paip, wayar, kabel dan saluran yang memberi kemudahan kepada lebih daripada satu petak	

5. KEPUTUSAN ADALAH MUKTAMAD

Keputusan pemilihan oleh Jawatankuasa Pengurusan adalah muktamad berasaskan kepada keutamaan sepertimana syarat-syarat pada para 2 di atas.

Urusetia

Lembaga Perumahan & Hartanah Selangor

1 JUN 2011

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG

95. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini Tabung Pendidikan tersebut ?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan dan senaraikan butiran terperinci mengenai jumlah bilangan anak pekerja ladang yang telah memperolehi manfaat daripada Tabung tersebut mengikut susunan ladang-ladang di seluruh Negeri Selangor ?
- c) Sila nyatakan apakah bantuan dan insentif yang bakal disalurkan oleh Kerajaan Negeri selain daripada bantuan Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang ?

JAWAPAN:

- a) Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang diwujudkan untuk membantu mereka mendapat pendidikan yang sempurna dan cemerlang dalam pelajaran.
Program-program dibawah tabung ini mensasarkan kepada anak-anak pekerja ladang yang pendapatan seisi keluarga kurang dari RM1,500.00 sebulan. Bermula pada tahun 2008 hingga Jun 2012 seramai 3,128 pelajar dan 319 sekolah telah mendapat faedah daripada Tabung Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang dengan dana sebanyak RM 7.302 juta.
- b) berikut adalah jumlah bantuan persekolahan yang telah disalurkan kepada anak-anak pekerja ladang negeri Selangor dari tahun 2008 sehingga jun 2012.

BIL	JENIS BANTUAN	JUMLAH BANTUAN MENGIKUT TAHUN					
		2008	2009	2010	2011	2012	JUMLAH
1.	Bantuan Biasiswa (One Off) kepada Anak-anak Pekerja Ladang	-	4 pelajar	7 pelajar	3 pelajar	2 pelajar	16 pelajar
2.	Program Kemahiran Teknikal di Kolej INSPENS	52 pelajar	36 pelajar	79 pelajar	97 pelajar	-	264 pelajar
3.	Program Kewangan dan Kelas Tambahan Sekolah Tamil di ladang	-	30 sekolah	-	-	-	30 sekolah
4.	Program peningkatan pembelajaran anak-anak pekerja ladang	-	264 sekolah	21 sekolah	4 sekolah	-	289 sekolah
5.	Subsidi Tambang Bas Sekolah	-	-	315 pelajar	254 pelajar	579 pelajar	1,148 pelajar
6	Hadiah Kecemerlangan UPSR	-	800 pelajar	400 pelajar	500 pelajar	-	1,700 pelajar

- c) Setakat ini Kerajaan Negeri hanya akan memberi tumpuan kepada program-program yang dilaksanakan di bawah Tabung Pendidikan anak-Anak Pekerja Ladang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : KESESAKAN LALU LINTAS DENGAN PEMBANGUNAN YANG
PESAT DI PETALING JAYA**

96. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan Selangor untuk mengatasi kesesakan jalan raya?
- b) Apakah program jangka pendek untuk mengatasi kesesakan ini?
- c) Bagaimana pemantauan jalan menggunakan khidmat polis trafik dan penyelarasan lampu trafik?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : JOM SHOPPING TAWAS

97. Tawas juga menggunakan pendekatan manfaat Jom Shopping seperti Skim Mesra Usia Emas.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasionalnya TAWAS juga mengadakan jom shopping berkenaan?
- b) Mengapakah tidak diadakan pendekatan yang berbeza dalam memberi identiti kepada TAWAS seperti 'Hari Mesra Anak-Ibu Bapa' dan sebagainya?
- c) Mengapakah Jom Shopping ini dilakukan oleh kakitangan TAWAS, bukan dikendalikan oleh pihak Dun?

JAWAPAN :

- a) Pengurusan YAWAS telah mencadangkan pelbagai cara untuk memberikan manfaat tambahan kepada Ahli TAWAS. Program Jom Shopping dilihat lebih efektif dan dapat memberikan impak yang besar kepada Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) kerana dengan melaksanakan program ini dapat mempromosikan TAWAS dengan lebih meluas.
- b) Program Jom Shopping adalah satu program yang lebih praktikal dan pada masa yang sama ianya tidak memerlukan kos yang tinggi berbanding dengan mengadakan majlis-majlis yang besar seperti 'Hari Mesra Anak Ibubapa'. Memandangkan Ahli TAWAS berada di seluruh Selangor dan sehingga kini jumlah pendaftaran telah pun melebihi 80,000 orang ahli, agak sukar untuk membuat perancangan terutamanya dari segi penyediaan logistik.
- c) Program Jom Shopping dikendalikan sendiri oleh YAWAS untuk mengelakkan berlakunya ketirisan dalam pengurusan pemberian manfaat dari Kerajaan Negeri. Selain itu, ia juga untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan seperti yang telah terjadi kepada Program Jom Shopping Warga Emas .

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : GLC

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila perincikan kesemua GLC yang terdapat di Selangor
- b) Senaraikan jumlah keuntungan/ kerugian yang dicatatkan oleh kesemua GLC tersebut sepanjang tahun 2006, 2007, 2010 dan 2012.
- c) Apakah tindakan Kerajaan Selangor kepada GLC yang mencatatkan kerugian.

JAWAPAN :

- a) Perincian kesemua GLC yang terdapat di Selangor adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SYARIKAT	ALAMAT
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Tingkat 8, Bangunan HPAIC, Laman Seri Business Park, No.7, Persiaran Sukan, Seksyen 13. 40000 Shah Alam. Tel : 03-55201293 Fax : 03-55102162
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor Wisma PKPS , Tingkat 10-11, Persiaran Perbandaran Seksyen 14, 40675 Shah Alam, Selangor. Tel : 03-5519 2621 Fax : 03-55191481
3.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) 25th. Floor, Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-5510 7105 , 5510 7233 Fax: 03-5510 7232 , 5512 9528

4.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No.3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam Selangor Darul Ehsan Tel : 03-5518 7735 Fax : 03-5518 7736
5.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) 16th - 17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor, Tel : 03-5510 3999 Fax: 03-5510 9977 , 5519 7493
6.	Rangkaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)	Rangkaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3 Jalan Indah, Seksyen 14, 40503 Shah Alam Tel : 03-5510 3472 Fax: 03-55103455
7.	Pendidikan Industri YS (PIYS)	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYS) Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor. Tel : 03-5522 3400 Fax: 03-5513 0957
8.	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB) Carlton Holidays Hotel & Suite No. 1, Level 3, Persiaran Akuatik, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor. Tel : 03-5523 4856 Fax : 03-5523 5856
9.	MSNS Holdings Sdn Bhd	Majlis Sukan Negeri Selangor Holdings Sdn Bhd, Aras 2, Carlton Holidays Hotel & Suite, No 1, Persiaran Akuatik, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-55125582 Fax : 03-55193276

10.	Selangor State Investment Centre (SSIC)	Selangor State Investment Centre (SSIC) No.F1-2, Jalan Multimedia 7/AG, City Park, I-City, 40000 Shah Alam Tel : 03-5510 7125 , 03-5510 2005 Fax: 03-5519 6403
11.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort Berhad (BBGC)	Bukit Beruntung Golf & Country Resort W.D.T 14, 48009 Rawang Tel : 03-60281888 Fax : 03-6028 1843
12.	Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB)	Tourism Selangor Sdn. Bhd, (TSSB) Lot P7, Jalan Indah 14/12, 40000 Shah Alam. Tel : 03-5513 2000 Fax : 03-5513 6268
13.	Yayasan Selangor	Menara Yayasan Selangor, No. 18A, Jalan Persiaran Barat, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan Tel : 03-7955 1212 Fax : 03-7954 1790

- b) Senarai jumlah keuntungan/ kerugian yang dicatatkan oleh kesemua GLC tersebut sepanjang tahun 2006, 2007, 2010 dan 2012 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA SYARIKAT	KEUNTUNGAN / (KERUGIAN)			
		2006 (RM juta)	2007 (RM juta)	2010 (RM juta)	Mei 2012 (RM juta)
1.	PKNS	157.92	329.85	295.23	44.56
2.	PKPS	(35.40)	22.63	81.14	(0.124)
3.	PNSB	4.23	(2.28)	23.39	0.57
4.	KSSB	-	-	14.91	2.53
5.	KDEB	57.68	(62.66)	34.67	(2.62)
6.	RMSB	-	-	(0.231)	(0.31)
7.	PIYS	(11.32)	(41.36)	(39.71)	(114.96)

8.	CCSB	-	-	0.67	(1.80)
9.	MSNS Holdings	(0.18)	(0.16)	(0.07)	0.023
10.	SSIC	(0.925)	0.673	0.114	2.54
11.	BBGC	(1.28)	(1.47)	(1.05)	0.074
12.	TSSB	(0.338)	0.061	0.058	2.32
13.	Yayasan Selangor	(8.20)	34.77	(5.09)	(0.36)

c) Tindakan Kerajaan Selangor kepada GLC yang mencatatkan kerugian adalah seperti berikut:

- i) Kerajaan Negeri memantau semua GLC dengan adanya Ahli Lembaga Pengarah di semua GLC yang dianggotai oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor, Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Selangor;
- ii) Kerajaan Negeri juga memantau semua GLC melalui Bahagian Analisa Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman (APP) dimana semua GLC perlu mengemukakan penyata kewangan secara bulanan untuk dianalisa;
- iii) Kerajaan Negeri melalui Bahagian Analisa Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman (APP) akan mengeluarkan surat nasihat/panduan sekiranya terdapat GLC yang mengalami kerugian;
- iv) Kerajaan Negeri juga sedang dalam usaha untuk memantapkan lagi struktur pentadbiran dan aktiviti semua GLC bagi menjana ekonomi serta menambahkan keuntungan GLC pada masa akan datang; dan
- v) Kerajaan Negeri juga memantau operasi dan pengurusan semua GLC melalui Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)(MBI) selaku '*investment arm*' Kerajaan Negeri dengan lebih agresif dan berkesan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : TANAH

99. Merujuk buku “Urus Tadbir Selangor – Dasar, Program, Fakta” berkenaan tanah, m.s 27 – 28.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar:

- a) Berapakah hasil dari bayaran premium fleksibel sejumlah RM1,000 yang telah berjaya dikutip sehingga kini?
- b) Berapakah kos yang telah dikeluarkan bagi memindahkan lebih 2 juta fail tanah ke dalam bentuk digital?
- c) Berapakah hasil daripada caruman kubur sejumlah RM500 bagi tapak kediaman yang telah berjaya dikutip sehingga kini?

JAWAPAN :

- a) Jumlah hasil dari bayaran premium fleksibel sejumlah RM1,000 yang telah berjaya dikutip sejak **Jun 2011 sehingga kini** adalah sebanyak **RM727,000.00** dan pecahannya mengikut daerah seperti dalam jadual berikut :-

BIL	DAERAH	JUMLAH PERMOHONAN YANG MEMBAYAR PREMIUM TANAH (NOMINAL RM 1,000)	JUMLAH PREMIUM (RM)
1	Hulu Selangor	7	7,000.00
2	Hulu Langat	170	170,000.00
3	Kuala Selangor	282	282,000.00
4	Petaling	146	146,000.00
5	Sepang	3	3,000.00
6	Kuala Langat	2	2,000.00

7	Gombak	63	63,000.00
8	Sabak Bernam	38	38,000.00
9	Klang	16	16,000.00
JUMLAH		727	727,000.00

b) Kos yang telah dikeluarkan bagi memindahkan lebih dua juta fail ke dalam bentuk digital (*Land Bank Library System*) adalah sebanyak RM4.7 juta bagi kerja-kerja seperti yang berikut:

- Membangunkan Sistem *Land Bank Library System*.
- Menyediakan infrastruktur untuk sistem pengimbasan dokumen PTGS
- Menyediakan kakitangan untuk kerja pengimbasan dokumen termasuk proses isihan dokumen, penyusunan, pengimbasan, pengawalan kualiti, pengindeksan dan kawalan kualiti imej dan data.
- Memuat naik imej dan data ke dalam sistem LBLs

Memindahkan dokumen yang telah siap diproses ke pusat penyimpanan dokumen di tingkat 2 ,Stadium Shah Alam.

c) Caruman kubur berjumlah RM500 bagi setiap unit rumah yang dibina di kawasan Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat (mengikut Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.4/2011 bertarikh 14 April 2011 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2011), manakala di kawasan Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor, caruman kubur adalah RM300 bagi setiap unit rumah.

Jumlah hasil caruman kubur sejumlah RM500 bagi tapak kediaman yang telah berjaya dikutip sebelum tahun 2008 sehingga Mei 2012 adalah sebanyak RM **18,796,389.62** dan pecahannya mengikut tahun dan daerah adalah seperti di **Lampiran A**.

LAMPIRAN A**Jumlah Hasil Caruman Kubur Bagi Tapak Kediaman Yang Telah Berjaya Dikutip Sebelum Tahun 2008 Sehingga Mei 2012 Mengikut Pecahan Tahun Dan Daerah**

BIL	DAERAH	TAHUN 2008 DAN SEBELUMNYA	2009	2010	2011	Mei 2012	JUMLAH
1	Petaling	2,223,458.00	140,187.50	129,075.00	585,906.75	314,177.50	3,392,804.75
2	Gombak	1,422,643.31	116,785.25	114,531.25	152,244.00	254,875.00	2,061,078.81
3	Klang	1,147,854.75	64,470.00	126,341.75	704,685.00	91,437.50	2,134,789.00
4	Kuala Langat	348,270.90	27,313.00	77,405.75	168,781.25	101,000.00	722,770.90
5	Hulu Langat	1,946,087.85	416,531.35	664,780.75	2,148,906.30	924,250.00	6,100,556.25
6	Sepang	1,239,182.06	154,188.75	195,418.25	523,558.00	456,875.00	2,569,222.06
7	Kuala Selangor	585,812.05	45,937.50	45,937.50	85,706.25	39,325.00	802,718.30
8	Hulu Selangor	453,440.50	49,250.00	15,375.00	27,000.00	20,350.00	565,415.50
9	Sabak Bernam	163,682.00	74,075.25	26,696.00	134,885.50	47,695.30	447,034.05
JUMLAH		9,530,431.42	1,088,738.60	1,395,561.25	4,531,673.05	2,249,985.30	18,796,389.62

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : BEKALAN AIR BAWAH TANAH DAN TASIK BEKAS LOMBONG

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan merancang untuk merawat dan membekal air bawah tanah dan air tasik bekas lombong untuk kegunaan domestik dan industri memandangkan kemelut penstrukturan semula industri bekalan air masih belum diselesaikan sepenuhnya sehingga sekarang?
- b) Meminta kerajaan menyeranaikan kawasan-kawasan yang bersesuaian di setiap daerah serta keluasan tanah yang terlibat.

JAWAPAN :

- a) Projek perintis bagi pembangunan sumber air bumi untuk menyokong industri perkhidmatan dan pembekalan air sedang di dalam kajian dan pertimbangan serius oleh Kerajaan Negeri melalui Lembaga Urus Air Selangor bersama-sama dengan satu jawatankuasa khas yang turut disertai oleh Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Selangor serta Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM).

Bagi fasa pertama, kaedah "*river bank filtration*" sedang dikaji dengan beberapa cadangan lokasi telaga air bumi sedang dipertimbangkan untuk dimuktamadkan, antaranya di Jenderam Hilir, Kampung Sungai Serai dan Bukit Badong.

Namun, pandangan teknikal berkenaan lokasi, kebolehlaksanaan projek, kos dan sebagainya sedang dalam penelitian dan perincian lanjut jawatankuasa khas tersebut.

Langkah pengambilan air dari tasik bekas lombong juga di bawah perhatian pihak Lembaga. Tasik bekas lombong ini akan dipelihara dan diwartakan di bawah Enakmen Lembaga Urus Air Selangor 1999 yang mana ianya boleh digunakan sebagai sumber sokongan kepada bekalan air di Negeri Selangor.

Air lombong mestilah disedut pada paras melebihi satu kaki daripada permukaan dasar kolam dan dirawat secara konvensional sebelum ianya selamat digunakan sebagai sumber air minuman (Merujuk kepada garis panduan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor)

Data abstraksi air bumi bagi tujuan perindustrian bermula pada 1 Julai 2005 sehingga 27 Jun 2012 adalah seperti berikut;

BIL	LEMBANGAN	JUMLAH TELAGA AIR BAWAH TANAH	JUMLAH AIR BAWAH TANAH YANG DIABSTRAK SETIAP TAHUN (m ³)
1	Lembangan Sungai Langat	89	16,176,124
2	Lembangan Sungai Klang	93	4,449,733
3	Lembangan Sungai Selangor	37	1,942,561
JUMLAH		219	225,684,18

- b) Berdasarkan inventori rekod Lembaga Urus Air Selangor, setiap daerah di Negeri Selangor mempunyai telaga air bawah tanah dengan kuantiti abstraksi air bawah tanah yang berbeza-beza seperti di dalam jadual.

Untuk projek air bumi “*river bank filtration*”, sebanyak 3 lokasi telah dikenalpasti iaitu di Jenderam Hilir di kawasan Dengkil, Kampung Sungai Serai di daerah Hulu Langat dan Bukit Badong di daerah Kuala Selangor.

Manakala bagi tasik bekas lombong pula, terdapat 17 kolam yang telah dikenalpasti yang melibatkan daerah Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Kuala Langat.

17 Kolam Yang Dikenalpasti

Daerah Hulu Selangor

1. KT Batu 30, Jalan Rawang-Batang Berjuntai (50 ekar)
2. KT Taman Desa Anggerik (20 ekar)
3. KT Sg. Rawang-Sg. Serendah (berhampiran PLUS) (90 ekar)
4. KT Kg. Keliang 1, Kalumpang (Keliang 1 dan 2 jumlah keluasan 70 ekar)
5. KT Kg. Keliang 2, Kalumpang
6. KT Rasa, Taman Keruing (50 ekar)
7. KT. Kg. Timah, Bukit Beruntung (20 ekar)
8. KT Kg. Serigala, Batu 6 (9 ekar)
9. KT Kuala Garing (30 ekar)

Daerah Kuala Selangor

1. KT Berjuntai Tin 1, Bestari Jaya (Tin 1 dan 2 jumlah keluasan 600 ekar)

2. KT Berjantai Tin 2, Bestari Jaya
3. Kolam 3, PNSB, Bestari Jaya (Kolam 3 dan 4 jumlah keluasan 200 ekar)
4. Kolam 4, PNSB, Bestari Jaya
5. Bekas Lombong KL-Larut (100 ekar)

Daerah Kuala Langat

1. Lombong Bukit Cheding (500 ekar)
2. Agrotech, Ace, Olak Lempit (180 ekar)
3. Kolam Bekas Lombong Saujana Putra (100 ekar)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : MASALAH KUTIPAN SAMPAH

101. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini masalah tersebut dan bagaimanakah penyelesaian secara holistik telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri ?
- b) Sila kemukakan PBT manakah yang masih dibelenggu oleh masalah kutipan sampah dan apakah tindakan drastik dan proaktif yang telah dilakukan bagi mengatasi permasalahan tersebut ?
- c) Sila senaraikan secara terperinci kos pengurusan kutipan sampah bagi setiap PBT sebelum dan selepas tamatnya perkhidmatan Alam Flora ?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri sentiasa mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah sampah yang dihadapi oleh PBT. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mengarahkan supaya dilaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan yang tegas bagi memastikan kontraktor yang dilantik menjalankan tugas dengan sempurna. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri telah melancarkan Talian Hotline Aduan Sampah (1-800-88-2824) yang diselaraskan oleh **Bahagian Korporat SUK Selangor** bagi memudahkan semua pihak untuk membuat sebarang aduan berhubung dengan masalah kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang dihadapi.
- b) Pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (**MBSA**) menyatakan tindakan yang drastik dan proaktif yang telah dilakukan adalah dengan mengeluarkan tawaran tender 50 kawasan kepada 50 kontraktor selama 3 tahun dan penambahan 2 tahun kepada kontraktor yang berprestasi baik serta mempunyai keperluan logistik. Manakala pihak Majlis Daerah Sabak Bernam (**MDSB**) tiada menghadapi masalah selepas proses penyelarasan jadual tugas kutipan sampah disusun semula bagi meningkatkan perkhidmatan kutipan sampah.

- c) Setelah proses pengambilalihan dilaksanakan, semua PBT menyuarakan bahawa terdapat penjimatan terutama daripada segi kos berbanding semasa di bawah kendalian pihak AFSB. Jumlah terperinci kos pengurusan bagi setiap PBT tersebut dapat dilihat seperti di **LAMPIRAN 1**.

LAMPIRAN 1

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	SEMASA AFSB SETAHUN (RM)	SELEPAS AFSB SETAHUN (RM)
1.	MAJLIS BANDAR RAYA SHAH ALAM	22,402,126.68	18,909,789.28
2.	MAJLIS BANDAR RAYA PETALING JAYA	60,800,000.00	45,400,000.00
3.	MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA	28,270,000.00	20,400,000.00
4.	MAJLIS PERBANDARAN KAJANG	23,040,000.00	16,721,847.60
5.	MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG	29,596,009.67	18,965,196.10
6.	MAJLIS PERBANDARAN KLANG	19,075,296.96	15,135,378.00
7.	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA	18,626,358.60	14,779,440.00
8.	MAJLIS PERBANDARAN SEPANG	7,881,918.00	7,036,237.44
9.	MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR	4,000,000.00	3,700,000.00
10.	MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM	3,809,891.00	1,977,240.00
11.	MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR	TIADA BERKAITAN	
12.	MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT	3,202,744.32	3,802,274.40

*** sumber : Semua PBT, Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : PEMILIHAN JAWATANKUASA MASJID SELANGOR

102. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Peranan JAIS dalam menguruskan Mesyuarat Agung?
- b) Siapa yang berhak menentukan pemilihan Nazir masjid selepas keputusan Mesyuarat Agung?
- c) Apakah peranan ADN dalam pentadbiran J/K Masjid?

JAWAPAN :

- a) JAIS berperanan dalam menyediakan cadangan kaedah dan peraturan pelaksanaan mesyuarat agung kepada Mesyuarat MAIS yang bersesuaian dengan kehendak Enakmen dan Kaedah serta melaksanakan apa-apa keputusan yang telah ditetapkan oleh MAIS berkaitan pelantikan pegawai dan jawatankuasa masjid. Pihak JAIS juga berperanan memantau pelaksanaan mesyuarat agung di semua masjid dan membantu pegawai dan jawatankuasa masjid dalam mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Disamping itu, pihak JAIS juga turut membantu Nazir-Nazir Masjid dalam mengendalikan mesyuarat agung apabila diperlukan.
- b) Pemilihan Nazir Masjid dilaksanakan berdasarkan kepada senarai calon nazir yang dikemukakan diperingkat mesyuarat agung masjid. Penetapan dan pemilihan seorang calon nazir masjid yang paling layak ditentukan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Daerah (JKPD) dengan menggunakan mekanisme tertentu seperti proses temuduga, tapisan kelayakan berdasarkan kriteria yang telah diedarkan melalui pekeliling pencalonan, prestasi pentadbiran masjid bagi calon nazir yang dicalonkan semula dan lain-lain yang difikirkan wajar.

- c) ADUN secara rasminya berperanan sebagai ahli mesyuarat JKPD dalam menimbang dan menentukan senarai calon yang layak dan difikirkan sesuai untuk dilantik sebagai pegawai dan jawatankuasa masjid. Walaubagaimanapun, dalam urusan pentadbiran harian masjid, ADUN adalah sebagai ahli kariah bagi sesebuah masjid dan boleh menyumbang idea serta cadangan dalam memajukan dan mempertingkatkan kualiti pengurusan dan pengimarahannya masjid. Adalah menjadi tanggungjawab sosial bagi setiap ADUN untuk memastikan Masjid dan Surau dalam kawasannya ditadbir dengan baik dan dibantu melalui teguran dan nasihat sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada peraturan serta keperluan-keperluan lain seperti kewangan, bantuan dan sebagainya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : KEMPEN HIJAU

103. Pihak MPKj turut memberi perhatian tentang Kempen Hijau di bawah MPKj.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah pelancaran Kempen Hijau dilakukan di bawah MPKj?
- b) Apakah projek dan program yang telah dilakukan?
- c) Di manakah tumpuan penghijauan kawasan di Bandar Baru Bangi?

JAWAPAN :

- a) Program Kempen Hijau di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah dilancarkan bersempena pelancaran Zon Bersih peringkat MPKj bagi tahun 2012 di Seksyen 8, Bandar Baru Bangi.
- b) Antara projek sempena Kempen Hijau yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak MPKj ialah pembangunan Stadium Kajang dijadikan sebuah dataran dikenali sebagai Dataran Kajang yang mengutamakan penghijauan di sekeliling pembangunan tersebut. Projek lain ialah pembangunan Bank Pokok (Tree Bank) sepanjang zon penampakan di Seksyen 13, Bandar Baru Bangi. Program berkaitan Kempen Hijau pula melalui program penanaman pokok antara pihak Majlis bersama komuniti, penduduk bersama Ahli Majlis seperti Karnival Hijau anjuran MPP Zon 20 di Taman Tasik Sg. Chua Mukim Kajang. Program Kempen Bersih, Hijau Dan Selamat di bawah MPP Zon 13 di Kawasan Perindustrian Taman Selesa Jaya Balakong dan Program Hari Alam Sekitar peringkat MPP Zon 6 di Bandar Mahkota Cheras, Mukim Cheras.
- c) Kawasan tumpuan penghijauan di Bandar Baru Bangi difokuskan di Taman Awam Taman Tasik Cempaka Seksyen 9 Bandar Baru Bangi, Zon Penampakan di Seksyen 13 Bandar Baru Bangi dan Zon 'Tree Bank' di Seksyen 9 Bandar Baru Bangi. Taman Tasik Cempaka juga telah terpilih sebagai 'Zon Hijau' peringkat MPKj bagi tahun 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : TEMPOH KONSESI PENJANJIAN

104. Suasa Efektif (M) Sdn Bhd dan Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd adalah dua buah syarikat konsesi yang melaksanakan sistem Kutipan Hasil Tempat Letak Kereta untuk tempoh konsesi selama 20 tahun dengan PBT seperti MPK, MPPJ, MPS dan lainlain

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Siapakah Ahli-ahli Lembaga Pengarah kedua-dua syarikat ini?
- b) Berapakah tunggakan hutang yang masih belum dijelaskan Suasa Efektif (M) Sdn Bhd kepada MPK.?
- c) Berapakah bagi tempoh konsesi yang berbaki antara Suasa Efektif (M) Sdn Bhd dan MPK dan bolehkah MPK mengambil alih semula pengurusan kutipan letak kereta?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan kepada semakan terkini yang telah dibuat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 25 Jun 2012, berikut adalah Ahli-ahli Lembaga Pengarah bagi Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. dan Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd.:-

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. ialah:-

- 1. Ahmad Sazali bin Md Shaarani;
- 2. Tengku Naizatul Shima;
- 3. Lo See Yong;
- 4. Wan Haslinda binti Wan Yusoff; dan
- 5. Tengku Dato' Taha Alfashni bin Tengku Abd Murad

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Syarikat Godell Parking Sdn. Bhd. ialah:-

- 1. Raja Azhar bin Raja Ismail;
- 2. Nasri bin Man; dan
- 3. Ruziah binti Ghazalli

- b) Tunggakan hutang terkumpul yang belum dijelaskan Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. kepada MPK sehingga Mei 2012 ialah sebanyak RM3,372,785.02 (Sepuluh bulan sewa bulanan).

MPK telah diarahkan untuk mengkaji samada konsesi ini boleh dibatalkan atau tidak memandangkan hutang terkumpul belum dijelaskan lebih daripada 10 bulan.

c)

1) Pengenalan

Semenjak tahun 1999, operasi, pengurusan dan penyelenggaraan kemudahan tempat letak kereta MPK dijalankan oleh Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn. Bhd. (SESB). Perkara ini dilaksanakan dengan permeteraian Perjanjian di antara MPK dengan pihak SESB pada 26 April 1999.

Latar belakang kepada permeteraian Perjanjian tersebut adalah melalui surat tawaran kepada SESB bertarikh 25 Mei 1998 oleh Kerajaan Negeri melalui Pejabat yang berkaitan dan setelah berbincang dengan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan segala hak dan kepentingan di dalam pentadbiran tempat letak kereta di dalam kawasan yang berada di dalam bidang kuasa Majlis.

2) Tempoh Konsesi

Tempoh awalan konsesi bermula daripada tarikh Perjanjian dan berterusan sehingga tamat tempoh dua puluh (20) tahun selepas Tarikh Pengambilalihan, yang ditafsirkan sebagai bermaksud tarikh di mana pelaksanaan kutipan bermula mengikut Jadual Pelaksanaan sepertimana yang dilampirkan di dalam Perjanjian. Pihak syarikat boleh memohon kepada Majlis untuk perlanjutan tempoh konsesi dalam tempoh tiga (3) tahun sebelum daripada tarikh tamat Tempoh Awalan Konsesi.

3) Projek Implementasi

Perkara-perkara yang menyentuh projek implementasi dinyatakan di dalam Artikel V Perjanjian. Terdapat tujuh (7) perkara utama yang disentuh iaitu:-

i) Sistem P&D

Sistem yang digunapakai di seluruh tempat letak kereta di sepanjang tempoh konsesi adalah sistem bayar dan peraga dan syarikat adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi kerja-kerja pemasangan dan lain-lain kerja yang berkaitan sistem bayar dan peraga untuk tujuan konsesi.

ii) Penyelenggaraan Kemudahan

Penyelenggaraan segala kemudahan sepanjang tempoh konsesi adalah di bawah tanggungjawab Syarikat atas kos dan perbelanjaan mereka sendiri. Ini termasuk memastikan garisan bagi petak tempat letak kereta diselenggara dengan baik dan boleh dilihat, sistem bayar dan peraga adalah di dalam keadaan yang baik serta memastikan bahawa semua papan tanda berkaitan dengan tempat letak kereta adalah di dalam keadaan baik.

iii) Tempat Letak Kereta Terkawal

Semua tempat letak kereta terkawal iaitu yang dikawal Majlis akan diambil alih oleh Syarikat yang tertakluk sentiasa kepada caj yang akan dikenakan kepada pengguna hendaklah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Sekiranya pihak Syarikat hendak mengadakan tempat letak kereta terkawal yang baru mereka boleh memohon kepada Majlis untuk berbuat demikian.

iv) Kutipan Caj

Tertakluk kepada peruntukan Akta, Syarikat dibenarkan dan berhak untuk mengutip caj secara terus daripada pengguna berkaitan dengan pembayaran pas bulanan dan pas bermusim dan memegang bayaran tersebut untuk kegunaannya. Bagi melaksanakan urusan tersebut Syarikat juga dibenarkan untuk melantik agen bagi menjalankan urusan kutipan.

v) Permulaan Kutipan

Pihak Syarikat adalah berhak untuk memulakan kutipan caj daripada pengguna daripada Tarikh Pengambilalihan.

vi) Semakan Semula Caj

Pihak Syarikat boleh mengemukakan kepada Majlis cadangan untuk semakan semula kadar Caj sedia ada pada setiap lima (5) tahun semasa Tempoh Konsesi tertakluk bahawa pihak Majlis adalah tidak terikat untuk meluluskan cadangan tersebut.

vii) Semakan Semula Sewa Bulanan

Sekiranya kadar Caj disemak semula maka kadar sewa bulanan juga akan disemak semula kepada kadar yang akan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

4) Kemungkiran, Penamatan dan Force Majeure

4.1) Artikel 10 kepada Perjanjian merujuk kepada perkara-perkara kemungkiran oleh pihak Syarikat dan juga pihak Majlis serta penamatan dan juga force majeure di mana secara khusus dinyatakan adalah kemungkiran pihak Syarikat serta cara dan kesan penamatan sekiranya ditamatkan oleh Majlis.

Pihak Syarikat adalah melakukan kemungkiran sekiranya berlaku perkara-perkara di bawah iaitu:-

- i) Syarikat gagal mematuhi mana-mana terma dan syarat Perjanjian; atau
- ii) Syarikat gagal mengambil alih Kemudahan Sediada dan Kontrak Sediada menurut perjanjian; atau
- iii) Syarikat gagal membuat bayaran Sewa Bulanan secara berterusan untuk tempoh selama dua (2) bulan;

atau

- iv) Syarikat dimasukkan Perintah Pembubaran ke atasnya; atau
- v) Syarikat menjadi tak solven atau melakukan penyesuaian dengan pemiutang-pemiutangnya atau dilikuidasi secara sukarela atau paksa; atau
- vi) Syarikat mempunyai pelikuidasi, penerima dan/atau pengurus yang dilantik untuk perniagaannya.

4.2) Jika berlaku salah satu daripada perkara i), ii), atau iii) di atas, pihak Majlis boleh memberikan notis secara bertulis yang dirujuk di dalam Perjanjian sebagai Notis Kemungkiran. Di dalam Notis Kemungkiran ini Majlis perlu menyatakan kemungkiran dan meminta Syarikat meremеди kemungkiran tersebut dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh penerimaan Notis Kemungkiran tersebut atau mana-mana tarikh lain yang munasabah yang ditentukan oleh Majlis.

4.3) Jika berlaku salah satu perkara daripada iv), v) dan vi) maka Majlis sama ada boleh secara terus menamatkan Perjanjian atau memberikan Notis secara bertulis kepada Syarikat menyatakan kemungkiran dan meminta Syarikat untuk meremеди kemungkiran dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau suatu tempoh yang lebih panjang yang ditentukan oleh Majlis.

4.4) Kegagalan Syarikat untuk meremеди kemungkiran

Majlis hendaklah menamatkan Perjanjian selepas berakhir lima belas (15) hari daripada tarikh tamat Notis Kemungkiran.

4.5) Sekiranya Perjanjian ditamatkan di atas kemungkiran Syarikat:-

4.5.1) Milikan ke atas kemudahan yang ada di tempat letak kereta hendaklah diambil alih oleh Majlis dan hendaklah tidak dialihkan oleh mana-mana pihak lain tanpa prasangka walaubagaimanapun terhadap hak majlis untuk mengambil tindakan terhadap pihak Syarikat kerana kemungkiran Perjanjian.

4.5.2) Majlis mempunyai hak untuk meneruskan penggunaan kemudahan tersebut melainkan sehingga diubah atau ditukar oleh Majlis.

4.5.3) Milikan oleh Majlis selepas penamatan Perjanjian ini tidak boleh dikira sebagai persetujuan untuk mengambil alih tanggungan pihak Syarikat.

4.6) Kesan penamatan

Sekiranya Perjanjian ditamatkan mengikut yang dinyatakan di Perenggan 4.3 dan 4.4 di atas maka kesannya adalah seperti berikut seperti yang dinyatakan di dalam Klausula 10.5 Perjanjian:-

i) *“The Council shall pay to the Company within six (6) months or any extended period to be mutually agreed the amount (if any) by which the value of project cost as defined in Clause 10.7 and all amounts as at the Termination which may be owing by the Council to the Company but less any amount owing by the Company to the Council under this Agreement;*

Perenggan ini menyentuh tentang tanggungjawab Majlis untuk membayar kepada Syarikat dalam NILAI KOS PROJEK dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh konsesi ditamatkan.

- ii) Sekiranya perenggan di atas telah dipatuhi maka barulah Konsesi tamat;
- iii) Sekiranya penamatan berlaku sebelum kerja-kerja siap, pihak Syarikat hendaklah memberhentikan semua kerja-kerja dan menyerahkan semua peralatan dan bahan di tempat letak kereta kepada Majlis;
- iv) Pihak Syarikat sekiranya diminta oleh Majlis, hendaklah menyerahkan kepada majlis segala keuntungan oleh mana-mana Perjanjian bagi pembekalan bahan atau barang dan/atau bagi pelaksanaan oleh mana-mana bahagian kerja-kerja yang tidak disiapkan untuk tujuan Perjanjian ini tertakluk sentiasa bahawa pihak Majlis hendaklah berhak, tetapi tidak bertanggungjawab, untuk membayar kepada pembekal atau kontraktor kecil, samada dicalonkan atau dilantik oleh Syarikat, bagi bahan atau barang yang diserahkan bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja di bawah Perjanjian ini sebelum daripada tarikh penamatan, yang gagal dibayar oleh pihak Syarikat;
- v) Sekiranya penamatan Perjanjian berlaku selepas daripada penyiapan kerja-kerja, maka Syarikat hendaklah menyerahkan kepada Majlis kemudahan secara sedia ada (as is where is basis).

“Works” atau “Kerja-kerja” ditafsirkan sebagai kerja-kerja pemasangan, pembaikan, penambahbaikan dan penaiktarafan kemudahan-kemudahan baru dan sedia ada yang mungkin diluluskan oleh pihak Majlis.

5) Nilai Kos Projek

Nilai Kos Projek sepertimana yang dinyatakan di dalam Klausa 10.7 Perjanjian hendaklah bermaksud:-

Jumlah yang disahkan oleh kedua-dua pihak Majlis dan Syarikat atas jumlah yang ditanggung oleh Syarikat untuk kemudahan seperti yang disenaraikan di dalam Appendix H

- i) Tempat Letak Kereta
- ii) Papan-papan tanda berkaitan dengan perletakan kenderaan
- iii) Sistem bayar dan peraga

iv) Sistem komunikasi *on-line*

Kecuali Tempat Letak Kereta, ditolak dengan mana-mana penyusutan nilai atau kenaikan caj dan mengambil kira akaun untung rugi Syarikat sehingga tarikh penamatan yang dikira berdasarkan standard perakaunan Malaysia dan wang yang tertunggak dan terhutang kepada Majlis oleh pihak Syarikat.

6) Penamatan secara persefahaman kedua-dua pihak

Sekiranya penamatan dibuat oleh kedua-dua pihak secara bersesama dan dengan persefahaman maka terma-terma di atas boleh untuk tidak dipatuhi dan pihak-pihak akan menggariskan terma-terma yang akan dipersetujui oleh kedua-dua pihak atas dasar 'menang-menang'.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN

105. Merujuk buku “Urus Tadbir Selangor – Dasar, Program, Fakta” berkenaan infrastruktur dan kemudahan, m.s 26.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar:

- a) Sejak 2008, berapa peratuskah dari 1,662 projek kecil yang telah dijalankan merupakan projek-projek ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri berbanding projek-projek yang mendapat penyaluran dana daripada Kerajaan Pusat?
- b) Sejak 2008, apakah pecahan dari peruntukan sebanyak RM4.15 bilion yang bersumber daripada Kerajaan Negeri berbanding dengan daripada Kerajaan Pusat?
- c) Adakah peruntukan menambah baik jalan dan longkang di daerah-daerah tersebut turut melibatkan peruntukan wang MARRIS?

JAWAPAN :

- a) Merujuk buku “Urus Tadbir Selangor – Dasar, Program, Fakta” berkenaan infrastruktur dan kemudahan, kesemua 1,662 buah projek kecil yang telah dilaksanakan di seluruh daerah-daerah di Negeri Selangor dalam tempoh dari tahun 2008 hingga 2011 adalah menggunakan sepenuhnya peruntukan belanja pembangunan tahunan daripada Kerajaan Negeri Selangor dan ianya tidak melibatkan sebarang penyaluran dana dan peruntukan daripada Kerajaan Pusat.
- b) Bagi pelaksanaan sebanyak 1,662 buah projek kecil tersebut, sebanyak RM41.5 juta telah dibelanjakan menggunakan sepenuhnya peruntukan belanja pembangunan tahunan daripada Kerajaan Negeri. Dalam hal ini, kenyataan peruntukan sebanyak RM4.15 billion adalah merupakan kesilapan dalam cetakan di dalam buku “Urus Tadbir Selangor – Dasar, Program, Fakta” di mana jumlah yang sebenar adalah RM41.5juta.
- c) Pelaksanaan projek-projek menambah baik jalan dan longkang di daerah-daerah tersebut menggunakan sepenuhnya peruntukan belanja pembangunan tahunan daripada Kerajaan Negeri dan tidak melibatkan peruntukan wang MARRIS.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TANAH PERKUBURAN

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah wang caruman yang telah dikutip oleh kerajaan Selangor untuk Tabung Wang Caruman Perkuburan sehingga sekarang? Senaraikan amaunnya mengikut daerah.
- b) Apakah perkembangan terbaru dalam usaha kerajaan negeri untuk membuka lebih banyak tanah perkuburan yang baru baik untuk kaum Muslim dan bukan Muslim?
- c) Adakah kerajaan telah mengenalpasti tanah-tanah yang bersesuaian? Jika ya, senaraikan tanah-tanah tersebut mengikut lokasi dan keluasan.

JAWAPAN :

- a) Jumlah wang caruman yang telah dikutip oleh Kerajaan Selangor untuk Tabung Wang Caruman Perkuburan dari tahun sebelum 2008 sehingga Mei 2012 adalah sebanyak RM18,796,389.62 dan pecahannya mengikut daerah adalah seperti dalam jadual di Lampiran A.
- b) Tapak perkuburan adalah salah satu kemudahan asas yang penting disediakan seiring dengan penyediaan kemudahan asas lain di dalam sebarang perancangan pembangunan. Untuk tujuan ini, pendekatan baru di dalam perancangan tapak perkuburan iaitu Konsep Perkuburan Wilayah Bersepadu (PWB) akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tapak perkuburan dapat disediakan selaras dengan tahap pembangunan dan keperluan penduduk Selangor di masa akan datang khususnya bagi PBT-PBT yang berjiran dan kekurangan tanah.

Konsep PWB dicadangkan untuk dilaksanakan di Negeri Selangor mengikut lokasi dan wilayah-wilayah kedudukan PBT. Bagi setiap zon wilayah, beberapa tapak perkuburan wilayah bersepadu dikenal pasti mengikut kewujudan tapak, kadar kemudahsampaian dan kemudahan aksesibiliti yang akan dikongsi bersama antara PBT yang berhampiran bagi memenuhi keperluan penduduk setempat dan PBT berjiran.

c) Berhubung cadangan tapak PWB ini, bagi peringkat awalan, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tiga tapak untuk menampung sebahagian keperluan iaitu di :-

- i. Lot 3366, Mukim Labu, Sepang – 100 ekar (40.47 hek)
- ii. Lot 5756, Mukim Sepang, Sepang – 400 ekar (161.87 hek)
- iii. Sejumlah 33 lot tapak tanah perkuburan di Hulu Semenyih, Hulu Langat – Anggaran keluasan 168 ekar (68 hektar)

Tapak-tapak PWB di Sepang adalah untuk menampung keperluan penganut semua agama bagi kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang (MPSp), Majlis Bandraya Petaling Jaya (MBPJ), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL). Manakala tapak PWB di Hulu Semenyih adalah untuk menampung keperluan perkuburan semua agama bagi kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

Pada masa yang sama juga, Kerajaan Negeri masih menjalankan kajian mengenal pasti tapak-tapak lain yang bersesuaian untuk dijadikan PWB bagi zon-zon lain.

LAMPIRAN A**Jumlah Wang Caruman Yang Telah Dikutip Oleh Kerajaan Selangor Untuk Tabung Wang Caruman Perkuburan Dari Tahun Sebelum 2008 Sehingga Mei 2012 Mengikut Pecahan Daerah**

BIL	DAERAH	TAHUN 2008 DAN SEBELUMNYA	2009	2010	2011	Mei 2012	JUMLAH
1	Petaling	2,223,458.00	140,187.50	129,075.00	585,906.75	314,177.50	3,392,804.75
2	Gombak	1,422,643.31	116,785.25	114,531.25	152,244.00	254,875.00	2,061,078.81
3	Klang	1,147,854.75	64,470.00	126,341.75	704,685.00	91,437.50	2,134,789.00
4	Kuala Langat	348,270.90	27,313.00	77,405.75	168,781.25	101,000.00	722,770.90
5	Hulu Langat	1,946,087.85	416,531.35	664,780.75	2,148,906.30	924,250.00	6,100,556.25
6	Sepang	1,239,182.06	154,188.75	195,418.25	523,558.00	456,875.00	2,569,222.06
7	Kuala Selangor	585,812.05	45,937.50	45,937.50	85,706.25	39,325.00	802,718.30
8	Hulu Selangor	453,440.50	49,250.00	15,375.00	27,000.00	20,350.00	565,415.50
9	Sabak Bernam	163,682.00	74,075.25	26,696.00	134,885.50	47,695.30	447,034.05
JUMLAH		9,530,431.42	1,088,738.60	1,395,561.25	4,531,673.05	2,249,985.30	18,796,389.62

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

107. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;

- a) Sila senaraikan butiran secara terperinci apakah bidang perniagaan yang diceburi oleh MAIS sejak 2008 sehingga kini ?
- b) Sila nyatakan dengan *detail* mengenai jumlah keuntungan dan kerugian bagi setiap pelaburan dan perniagaan yang diceburi sejak tahun 2008 hingga kini ?
- c) Sila senaraikan kesemua Ahli Lembaga Pengarah MAIS sejak tahun 2008 sehingga kini dan nyatakan apakah perancangan holistik yang bakal dilaksanakan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi umat Islam Negeri Selangor ?

JAWAPAN:

- a) Majlis Agama Islam Selangor terlibat dalam **perniagaan sewaan dan pembangunan hartanah** untuk **menampung operasinya** dalam menguruskan harta umat Islam seperti faraid, harta pusaka, wasiat dan hibah selain menawarkan perkhidmatan sosial memulihkan akidah, perlindungan wanita dan pengurusan muafak.
- b) Berikut adalah keuntungan dan kerugian MAIS mengikut tahun:

BIL	JENIS PELABURAN / PERNIAGAAN	TAHUN			
		2008	2009	2010	2011
1.	Pelaburan Simpanan Tetap (Al-Mudharabah)	RM 252 ribu	224 ribu	427 ribu	1.6 juta
2.	Dividen dari Pelaburan	66 ribu	53 ribu	158 ribu	270 ribu
3.	Hasil Projek Usahasama	7.2 juta	-	30 juta	-

Nota:

1. Hasil Projek Usahasama bagi tahun 2008 bernilai RM 7.2 juta adalah hasil projek bersama Imatex Sdn Bhd, manakala bagi tahun 2010 bernilai RM 30 juta adalah hasil projek bersama Utusan Seni dan Cosmo Pro Sdn Bhd.
2. Transaksi berhubung kewangan di atas telah mendapat perkenan DYMM Tuanku.

c)

AHLI MAIS SESI 2012 – 2014

1. YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa
Pengerusi MAIS
2. YBhg. Dato' Ramli Bin Mahmud
Timbalan Pengerusi MAIS
Pengerusi Perbadanan Wakaf Selangor
3. YB Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
4. YB Datin Paduka Zauyah Be Binti T. Loth Khan
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
5. YB Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman
Pegawai Kewangan Negeri Selangor
6. Sahibus Samahah Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd. Wahid
Dato Seri' Utama Diraja Mufti Negeri Selangor
7. YDH. DCP Dato' Haji Tun Hisan Bin Dato' Haji Tun Hamzah
Ketua Polis Selangor
8. YAD Tengku Seri Wangsa Diraja Dato' Setia Ramli Alhaj
Bin Tengku Shahrudin Shah Alhaj
Ahli Dewan di-Raja
9. YAD Dato' Setia Abdul Halim Bin Dato' Haji Abdul Rauf
Ahli Dewan di-Raja Selangor
10. YBhg. Prof. Datin Paduka Dr. Zaleha Binti Kamaruddin
Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
11. YBhg. Prof. Dato' Dr. Sidek Bin Baba
Profesor / Pensyarah, Institut Pendidikan, UIAM
12. YBhg. Dato' Haji Sarip Bin Hamid
Pengerusi Sarmid Holdings (M) Sdn. Bhd.
13. YBhg. Dato' Aidit Bin Ghazali
Pengerusi Eksekutif Akademi Aidit Sdn. Bhd.
14. Y.Bhg. Dato' Salehuddin Bin Saidin
Peguambela & Peguamcara

15. YB Dato' Dr. Hasan Bin Mohamed Ali
Pengerusi Pertubuhan Bukan Kerajaan
16. YBhg. Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Bin Tamuri
Pensyarah Kanan UKM
17. YBhg. Dato' Haji Marzuki Bin Hussin
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor
18. YDH Dato' Haji Emran Bin Haji Kadir,
Orang Kaya Maha Bijaya Orang Besar Daerah Petaling
19. YBhg. Prof. Madya Dato' Haji Mohd Mokhtar Bin Shafii
Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan
20. YBhg. Prof. Dr. Mujaini Bin Tarimin
Dekan Fakulti Pendidikan Dan Sains Sosial,
Universiti Selangor (UNISEL)

AHLI MAIS SESI 2009 – 2011

1. YAD Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Bin Mohd Isa
Pengerusi MAIS
2. YB Dato' Dr. Hasan Bin Mohamed Ali
Timbalan Pengerusi MAIS
3. YB Dato' Ramli Bin Mahmud
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
4. YB Datin Paduka Zauyah Be Binti T. Loth Khan
Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor
5. YB Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman
Pegawai Kewangan Negeri Selangor
6. YAD Dato' Setia Haji Mohd Tamyas Bin Abd. Wahid
Dato' Seri Utama Diraja Mufti Negeri Selangor
7. YBhg. Dato' Khalid Bin Abu Bakar
Ketua Polis Negeri
8. YAD Tengku Seri Wangsa Diraja Dato' Setia Ramli Alhaj Bin Tengku
Shahrudin Shah Alhaj
Ahli Dewan di-Raja
9. YAD Dato' Setia Abdul Halim Bin Dato' Haji Abdul Rauf
Ahli Dewan di-Raja

10. YBhg. Dato' Aidit Bin Ghazali
Pengerusi Eksekutif Akademi Aidit Sdn Bhd
11. YBhg. Dato' Haji Sarip Bin Hamid
Pengerusi Sarmid Holdings Malaysia Sdn Bhd
12. YBhg. Datin Paduka Prof. Dr. Zaleha Binti Kamaruddin
Timbalan Pengarah IKIM
13. Y Bhg. Dato' Salehuddin Bin Saidin
Peguambela & Peguamcara
14. YBhg. Dato' Prof. Dr. Sidek Bin Baba
Profesor Institut Pendidikan UIAM
15. YBhg. Prof. Madya Dr. Ab. Halim Bin Tamuri
Pensyarah Kanan UKM

Perancangan holistik yang dilaksanakan dan sentiasa diberi penekanan untuk meningkatkan pembangunan ekonomi umat Islam Negeri Selangor ialah dengan:

1. Memastikan **pengagihan zakat yang berkesan** terutamanya dalam **program ekonomi** yang melibatkan asnaf-asnaf fakir miskin. Program ekonomi yang dirancang bertujuan mengeluarkan asnaf fakir dan miskin dari kepompong kemiskinan dengan pelbagai program yang dirancang antaranya **bantuan modal perniagaan dan latihan keusahawanan** bagi yang berminat.
2. Pembiayaan Qardul Hassan bagi memberi bantuan pinjaman modal bagi umat Islam yang memerlukan
3. Penubuhan Yayasan Islam Darul Ehsan yang berperanan membantu umat Islam semasa bencana alam dengan memastikan bantuan sampai tepat pada masanya tanpa melalui karenah birokrasi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : BANGUNAN TERBENGKALAI

108. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa jumlah dan berapa sudah siap?
- b) Jenis bantuan yang telah diberi?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 31 Mei 2012, sebanyak 138 projek terbengkalai yang melibatkan 40,441 unit di Negeri Selangor telah disenaraikan mengikut pecahan daerah seperti berikut:

NO	KAWASAN PBT	PROJEK PERUMAHAN	PROJEK KOMERSIAL	PROJEK INDUSTRI	PROJEK PEMBESARAN KAMPUNG	JUMLAH PROJEK	JUMLAH UNIT
1	MBSA	11	2	1	-	15	3,663
2	MBPJ	3	2	-	-	5	2,238
3	MPSJ	4	4	-	-	9	3,440
4	MPAJ	9	-	-	-	11	3,231
5	MPK	27	4	1	-	33	3,627
6	MPKJ	13	-	-	-	13	5,093
7	MPS	8	1	-	2	11	3,380
8	MPSp	9	-	-	-	9	3,796
9	MDKS	7	-	-	2	10	6,404
10	MDHS	8	1	-	5	14	4,615
11	MDKL	12	1	-	-	13	922
12	MDSB	1	-	-	-	1	32
JUMLAH		112	15	2	9	138	40,441

Walaupun bidang kuasa Kerajaan Negeri terhad dalam memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini terletak di bawah Kementerian Perumahan

dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, sehingga 31 Mei 2012 Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 33 projek terbengkalai yang melibatkan 14,245 unit seperti berikut :

12 PROJEK BERLESEN DISELESAIKAN

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1.	Pangsapuri Okid Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam (MBSA)	Pemaju : Unique Creation Diambilalih : SPNB	580 Unit
2.	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21 (MPSJ)	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
3.	Pangsapuri Lagoon Perdana, Subang Jaya (MPSJ)	Pemaju : Tenaga Gagah Sdn. Bhd. Diambilalih Oleh IJM Construction	1,052 Unit
4.	Taman Bunga Ros, Klang (MPK)	Ram Developer S/B Construction Sdn. Bhd	30 unit
5.	Rumah Kos Rendah Taman Ukay Indah Sungai Sering, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (MPAJ)	Tetuan Triumph City Sdn. Bhd. JV Tetuan Scenic Marina Sdn. Bhd.	660 Unit
6.	Spring Ville, Taman Ukay Perdana, Mukim Hulu Kelang, Daerah Gombak (MPAJ)	Ukayland S/B	799 Unit
7.	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Gombak (MPS)	Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
8.	Putra Intan Kondominium (MPSp)	Pemaju Lama : Lembah Kerjaya S/B Pelikuidasi : Rimbun Capital S/B	300 Unit
9.	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Kuala Selangor (MDKS)	Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
10.	Bandar Pinggiran Cyber, Dengkil Sepang (MPSp)	Perspektif Perkasa Sdn.Bhd.	319 unit
11.	Taman Hijau Indah (MPS)	Lim Chin Hin & Sons	120 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
		Industries S/B Pemaju Penyelamat : ECO Dev. S/B	
12.	Projek Alam Perdana, Mukim Ijok, Kuala Selangor (MDKS)	Tetuan LBCN Development Pemaju Penyelamat : MBI	1,106
JUMLAH			6,693 unit

21 PROJEK TANPA LESEN DISELESAIKAN

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1.	Kedai Pejabat, U5, Shah Alam (MBSA)	Sama Pesona Sdn Bhd	203 Unit
2.	Pangsapuri Perkhidmatan Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam (MBSA)	LBS Bina Group Berhad	340 unit
3.	Pusat Komersial, Seksyen 7, Shah Alam (MBSA)	PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
4.	Apartment Seri Putri di atas Lot 48, Jalan Rama-Rama 20/2 Di Atas Hakmilik H.S.(D) 107830, P.P. No. 509, Seksyen 20, Shah Alam (MBSA)	Majlis Bandaraya Shah Alam Tetuan Khidmat Makmur Sdn. Bhd. Pemaju Penyelamat : Semangat Ulung Sdn. Bhd.	312 Unit
5.	Hotel Damansara (MBPJ)	Pemaju Lama : Sri Damansara S/B Pemaju Baru : Sri Damansara Hotel S/B	1 Blok
6.	Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen U5, Mukim Petaling, Daerah Petaling (MPSJ)	Green Crescent Sdn. Bhd.	512 Unit
7.	Pusat Perniagaan dan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya (MPSJ)	Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
8.	Pangsapuri Perkhidmatan, Suria Kinrara, Kinrara, Puchong (MPSJ)	Sentosa Restu Sdn. Bhd.	1,131 Unit
9.	Pangsapuri Perkhidmatan, HS(D) 50727 PT 13178, Lagoon Perdana, Bandar Sunway (MPSJ)	Tenaga Gagah S/B	500 Unit
10.	1 Blok Kompleks Perniagaan, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang (MPK)	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
11.	Rumah Berkembar, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Klang (MPK)	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
12.	Pusat Perubatan 6 Tingkat Dan 2 Tingkat Basement Tempat Letak Kereta Di Atas PT 21154 Persiaran Rajawali, Bukit Raja, Klang (MPK)	PNSB Acmar Sdn. Bhd.	1 Blok
13.	Rumah Sesebuah, Taman Hulu Langat Jaya (MPKj)	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
14.	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat (MPKj)	Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
15.	Rumah Berkembar dan Rumah Teres, Taman Kosas, Mukim Ampang, Hulu Langat (MPKj)	Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
16.	Rumah Teres 2 Tingkat, HSD 56918, PT 31343, Gombak (MPS)	Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
17.	Kedai Pejabat Taman Prima Selayang, Batu, Gombak (MPS)	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
18.	Taman Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor (MDKS)	Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
19.	Rumah Teres 2 Tingkat, Taman Yayasan, Mukim Kuala Selangor (MDKS)	Pramax Sdn. Bhd. JV Yayasan Selangor	77 Unit
20.	Projek Pembesaran Kampung Desa Alam Ria (MDHS)	JKKK Sg Masin & Gerak Utusan Corp. S/B	252 Unit
21.	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
	Selangor (MDHS)		
JUMLAH			7,552 unit

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya Kerajaan Negeri amat prihatin di atas nasib pembeli-pembeli rumah yang terlibat dengan projek terbengkalai. Walaupun begitu Kerajaan Negeri hanya boleh mengambil tindakan secara pentadbiran sahaja bagi membantu pembeli-pembeli tersebut. Ke arah ini Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah pro aktif ke arah membantu pembeli-pembeli dan pemaju atau pelikuidasi projek terbengkalai untuk memahami situasi yang mereka hadapi dan bertindak sebagai pemudah cara bagi mengatasi masalah yang dihadapi dengan pelbagai pihak yang berkaitan seperti KPKT, Bank, Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Teknikal seperti SYABAS, IWK dan sebagainya.

Jenis bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi membantu menyelesaikan projek terbengkalai seperti berikut:

- i. Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperoleh daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
- ii. LPHS mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi tujuan penstrukturan semula pembiayaan pinjaman pembeli.
- iii. LPHS juga mengadakan perbincangan secara berkala dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
- iv. LPHS juga akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan dan seterusnya menyelesaikan masalah kewangan pemaju. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.

- v. Sekiranya projek yang dipulihkan melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.
- vi. Penubuhan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi / Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh Y.B Tuan Iskandar Abdul Samad, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan Dan Setinggan bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini akan membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dan seterusnya disiapkan sehingga memperolehi Sijil Layak Menduduki. Setakat ini sebanyak 13 projek terbengkalai telah dikenalpasti berpotensi untuk dipulihkan.
- vii. Kerajaan Negeri juga sebagai langkah terakhir akan mengambil tindakan perampasan tanah sekiranya wujud pelanggaran peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah Seksyen 100 KTN dan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin. Selain itu, pengambilan tanah juga sebagai usaha membolehkan projek terbengkalai dipulihkan semula dan seterusnya dimajukan secara tender sebagai contoh projek Bukit Botak dan Alam Perdana.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : KEMPEN ALAM SEKITAR PERINGKAT NEGERI SELANGOR

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah yang diambil untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga alam sekitar?
- b) Sejauh manakah pendekatan yang diambil untuk menyedarkan rakyat tentang perkara ini?
- c) Apakah kesan positif yang telah dicapai hasil dari pendekatan yang telah dilakukan?

JAWAPAN :

- a) Pelbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri di bawah dalam menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan menjaga alam sekitar. Pelbagai program-program dan kempen-kempen alam sekitar diadakan sebagai inisiatif Kerajaan Negeri dalam mempromosikan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar. Selain daripada program alam sekitar yang diadakan, poster, *brochure*, *pamphlets* mengenai penjagaan alam sekitar juga dicetak untuk dijadikan bahan bacaan semua lapisan masyarakat. Undang-undang atau peraturan alam sekitar juga sentiasa dipantau dan dikuatkuasakan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan menyalahi undang-undang atau peraturan alam sekitar sedia ada bagi memberikan pengajaran kepada semua pihak.
- b) Antara pendekatan-pendekatan yang diambil bagi memastikan kesedaran orang ramai dalam perkara ini adalah dengan mengadakan program-program seperti di bawah :-
 - Kempen-kempen kesedaran di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi.
 - Karnival Hijau Alam Sekitar bersama Jabatan Alam Sekitar Selangor
 - Kempen penanaman pokok di tempat-tempat yang terpilih
 - Memantau dan menggalakkan penanaman pokok di sekitar Negeri Selangor

- Mengadakan Papan Tanda kesedaran alam sekitar di beberapa kawasan terpilih di Negeri Selangor.
- c) Antara kesan-kesan positif yang dapat dilihat hasil dari pendekatan yang telah dilakukan adalah dengan penglibatan dan penerimaan pelbagai golongan dalam Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada setiap Hari Sabtu. Semakin ramai pihak yang menitikberatkan konsep pembangunan hijau dalam pembinaan bangunan baru menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat mengenai penjagaan alam sekitar semakin tinggi. Penglibatan masyarakat setempat yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah dan golongan belia semasa program-program alam sekitar dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri amat menggalakkan dan mendapat sambutan yang amat baik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PENGURUSAN PASAR BESAR

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan semua penjaja yang menyewa premis di Pasar Besar Klang termasuk penjaja pasar pagi.
- b) Senaraikan nama-nama penyewa yang mempunyai tunggakan sewa di Pasar Besar Klang.
- c) Senaraikan premis MPK yang masih kosong di seluruh Dun Meru.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KERAJAAN TELUS DAN BERTANGGUNGJAWAB

111. Merujuk buku “Urus Tadbir Selangor – Dasar, Program, Fakta” berkenaan kerajaan telus, m.s 21 – 22:

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah dan dari aspek-aspek apakah pendengaran awam SELCAT menjadikan pentadbiran Kerajaan Negeri dilihat telus dan bertanggungjawab?
- b) Bagaimanakah dan dari aspek-aspek apakah klasifikasi semula maklumat melalui kuasa Seksyen 2A OSA menjadikan pentadbiran Kerajaan Negeri dilihat telus dan bertanggungjawab?
- c) Mengapakah Enakmen FOI akan hanya dilaksanakan di peringkat jabatan dan agensi Kerajaan Negeri tetapi tidak kepada PBT dan GLC?

JAWAPAN :

- a) Pejabat Dewan Negeri
- b) Soalan yang dikemukakan adalah tidak berkaitan dengan seksyen 2A Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] yang memperuntukkan:

“Menambah, memotong atau meminda Jadual”

2A. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam Warta, menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan Jadual kepada Akta ini.”

Seksyen yang berkaitan dengan soalan yang dikemukakan adalah seksyen 2C Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88] iaitu memperuntukkan:

“Pengelasan semula rahsia rasmi oleh Menteri atau pegawai awam

2C. Seseorang Menteri atau pegawai awam yang dipertanggungkan dengan apa-apa tanggungjawab tentang mana-mana Kementerian, jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau ketua pegawai yang menjaga hal ehwal pentadbiran sesuatu Negeri boleh, pada bila-bila masa, mengelaskan semula apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual atau apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagaimana yang

telah dikelaskan dan selepas pengelasan semula itu, suratan, maklumat atau bahan tersebut hendaklah terhenti menjadi rahsia rasmi.”

Berdasarkan kepada peruntukan seksyen 2C di atas, menyatakan Menteri boleh mengelaskan semula apa-apa suratan atau dokumen rasmi kerajaan. Menteri Besar selaku ketua pentadbiran Negeri yang menjaga hal ehwal pentadbiran Kerajaan Negeri, mempunyai kuasa budi bicara sama ada untuk membuat pengelasan semula dokumen atau tidak.

Bagi mewujudkan satu pentadbiran yang telus dan bertanggungjawab, pengelasan semula dokumen akan dibuat berdasarkan kepada imbalan kepentingan awam dan kepentingan individu (*public interest vs individual interest*), di mana kepentingan awam akan lebih diutamakan di samping memastikan perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri tidak terjejas.

- c) **Preamble** kepada Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 memperuntukkan pemakaian Enakmen ini merangkumi **setiap jabatan Kerajaan Negeri** yang mana setiap individu diberikan hak akses yang munasabah kepada maklumat yang dibuat oleh **setiap jabatan Kerajaan Negeri**.

Definisi “**jabatan**” menurut **Seksyen 2 Enakmen** adalah seperti berikut:-

“jabatan” ertinya mana-mana jabatan Kerajaan Negeri, kerajaan tempatan dan mana-mana entiti yang dimiliki atau dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri

Oleh yang demikian, Enakmen Kebebasan Maklumat (Negeri Selangor) 2011 adalah terpakai kepada semua “**jabatan**” Kerajaan Negeri yang merangkumi, berdasarkan definisi menurut Seksyen 2, entiti-entiti berikut:-

- i- **Jabatan / Agensi Kerajaan Negeri** – berdasarkan terma “jabatan Kerajaan Negeri” di dalam definisi “*jabatan*” di Seksyen 2 Enakmen;
- ii- **Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Negeri** – berdasarkan terma “kerajaan tempatan” di dalam definisi “*jabatan*” di Seksyen 2 Enakmen; dan
- iii- **Badan-Badan Berkanun dan State Government-linked Companies (GLCs) yang dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri** – berdasarkan terma “mana-mana entiti yang dimiliki atau dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri” di dalam definisi “*jabatan*” di Seksyen 2 Enakmen.

Walau bagaimanapun, penzahiran maklumat oleh Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan dan GLCs kepada pemohon adalah tertakluk kepada undang-undang dan/atau tatacara dan/atau peraturan yang digunapakai oleh entiti-entiti tersebut, seperti kelulusan Lembaga Pengarah dan sebagainya, sebagaimana peruntukan **subseksyen 5(2) Enakmen** seperti berikut:-

5(2) Jika maklumat yang hendak diakses oleh mana-mana orang terkandung dalam suatu dokumen yang penzahirannya tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, akses kepada maklumat itu adalah tertakluk kepada undang-undang bertulis itu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : KEMUDAHAN JALAN KAMPUNG

112. Bertanya Kepada YAB. Dato Menteri Besar;

- a) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh pihak Kerajaan Negeri khususnya untuk menaiktaraf dan menyelenggara jalan-jalan kampung yang berada di luar kawasan Majlis bagi setiap Dun sejak 2 tahun yang lalu ?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menaiktaraf kemudahan jalan Kampung di setiap Dun sejak 2 tahun yang lalu ?
- c) Sila nyatakan bilakah jalan-jalan kampung di seluruh Dun Sekinchan yang sudah lama berlekuk-lekak dan rosak akan dinaiktaraf dan diperbaiki mengikut keperluan semasa ?

JAWAPAN:

- a) Lazimnya, Kerajaan Negeri tidak menyediakan sejumlah peruntukan khusus bagi tujuan penyediaan serta penyelenggaraan kemudahan asas kepada setiap daerah. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan secara menyeluruh kepada semua sembilan (9) daerah di Negeri Selangor berdasarkan keperluan dan juga tahap kritikal sesuatu kawasan.

Bagi tahun 2010 hingga 2012, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan bagi tujuan membaikpulih/membina baru/menaiktaraf kemudahan infra di kawasan luar bandar berjumlah **RM 55,136,301.70 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Lima Juta Satu Ratus Tiga Puluh Enam Ribu Tiga Ratus Satu dan Sen Tujuh Puluh Sahaja)** bagi melaksanakan **1,900** buah projek seperti jadual di bawah:

TAHUN	BIL. PROJEK ¹	KOS (RM)
2010	527	12,409,721.48
2011	956	31,282,439.75
2012	417	11,444,140.47
JUMLAH	1,900	55,136,301.70

¹ Jumlah projek yang dilaksanakan di Kampung Tradisi dan Kampung Baru/Bagan mengikut tahun semasa.

Daripada peruntukan ini, sejumlah **RM17,200,295.05 (Ringgit Malaysia: Tujuh Belas Juta Dua Ratus Ribu Dua Ratus Sembilan Puluh Lima dan Sen Lima Sahaja)** telah dan akan dibelanjakan bagi tujuan pelaksanaan **696** buah projek pembinaan/pembaikan jalan-jalan kampung tradisi dan kampung baru di seluruh daerah di Negeri Selangor. Perincian agihan peruntukan mengikut DUN di Negeri Selangor bagi tahun 2010 hingga 2012 bagi projek pembaikan jalan-jalan kampung tradisi adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan bagi projek pembaikan jalan-jalan kampung baru/bagan/tersusun seperti di **LAMPIRAN B**.

- b) Pada ketika ini, penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur daripada Kerajaan Persekutuan dibuat melalui Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (PPN Selangor) dan tidak melalui Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri tidak dapat mengemukakan maklumat berhubung status pelaksanaan sesuatu projek pembangunan infrastruktur di Negeri Selangor yang menggunakan peruntukan Kerajaan Pusat.

Selain melalui PPN Negeri Selangor, Kerajaan Persekutuan juga menyalurkan peruntukan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) untuk melaksanakan projek pembangunan infrastruktur termasuk kerja pembaikan jalan kampung di Negeri Selangor. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada KKLW, kerja-kerja membaiki/menaiktaraf jalan kampung yang dilaksanakan di Negeri Selangor bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di jadual berikut:

Kerja-kerja Membaiki/menaiktaraf Jalan Kampung Yang Dilaksanakan di Negeri Selangor

TAHUN	BIL. PROJEK	KOS (RM)
2010	21	1,886,623.02
2011	44	2,640,000.000
JUMLAH	65	RM4,526,623.02

Agihan peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui KKLW bagi kerja membaiki/menaiktaraf jalan-jalan kampung mengikut daerah adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

- c) Pelaksanaan projek-projek membina baru/membaikpulih/menaiktaraf/ jalan kampung adalah berdasarkan permohonan yang telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sama ada daripada Ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), aduan penduduk serta pemantauan yang dibuat sendiri oleh Pejabat Daerah/Tanah dan permohonan tersebut dirujuk kepada Ahli Dewan Negeri di kawasan berkaitan. Pemilihan projek-projek tersebut adalah berdasarkan keperluan dan tahap kritikal sesuatu permohonan projek.

Untuk makluman, pada tahun **2010 hingga 2012**, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM 1,143,940 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Satu Ratus Empat Puluh Tiga Ribu Sembilan Ratus Empat Puluh Sahaja)** bagi tujuan melaksanakan **32** projek membaikpulih/membina baru/menaiktaraf kemudahan infra di DUN Sekinchan seperti jadual berikut:

BIL.	PERUNTUKAN		BIL. PROJEK	KOS PROJEK (RM)
1	2010	KG BARU	2	39,610.00
		KG TRADISI	5	97,780.00
2	2011	KG BARU	7	497,840.00
		KG TRADISI	6	113,250.00
3	2012	KG BARU	5	325,460.00
		KG TRADISI	7	70,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			32	1,143,940.00

Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM454,030.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ratus Lima Puluh Empat Ribu Tiga Puluh Sahaja)** telah dibelanjakan bagi pelaksanaan **21** projek membina baru/membaikpulih/menaiktaraf jalan kampung tradisi dan kampung baru seperti jadual di bawah.

BIL.	PERUNTUKAN		PROJEK JALAN	KOS PROJEK JALAN (RM)
1	2010	KG BARU	-	-
		KG TRADISI	5	97,780.00
2	2011	KG BARU	1	161,000.00
		KG TRADISI	6	113,250.00
3	2012	KG BARU	2	12,000.00
		KG TRADISI	7	70,000.00
JUMLAH KESELURUHAN			21	454,030.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : KEMUDAHAN INFRA

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan semua tempat-tempat awam yang diperbaiki seperti balairaya yang diperbaiki oleh Pejabat Daerah Klang di Dun Meru tahun 2011.
- b) Senaraikan peruntukan yang dikeluarkan setiap satunya projek tersebut.
- c) Senaraikan syarikat yang memperolehi tender pembaikan tersebut melalui Pejabat Daerah Klang di Dun Meru.

JAWAPAN :

- a) Senarai projek infrastruktur awam seperti di **Lampiran A**.
- b) Senarai setiap satu projek dan sumber kewangan seperti di **Lampiran A**
- c) Syarikat yang melaksanakan adalah seperti di **Lampiran A**

SENARAI PROJEK KECIL INRASTRUKTUR AWAM DUN MERU TAHUN 2011

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	KONTRAKTOR	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2011 (RM)	PRESTASI FIZIKAL		SUMBER PERUNTUKAN
					T.MULA	T.SIAP	
DEWAN / BALAIRAYA		247,947.00					
1	Membaiki kerosakan Balai JKKK Kampung Batu Belah, Klang	30,000.00	Dimensi Enterprise	27,542.50	17/10/2011	7/11/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
2	Membaiki kerosakan Balai JKKK Kampung Kuantan, Klang	30,000.00	Mohd Zamri bin Abd Kadir (Murni Suci Enterprise)	27,450.00	17/10/2011	14/11/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
3	Membaiki Dewan Hj Mohd Sharif Kampung Meru, Klang.	30,000.00	Selat Suria Enterprise	27,912.90	17/10/2011	14/11/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
4	Membaiki Balai raya Lapis 7, Bukit Kapar, Klang.	25,000.00	Perniagaan dan Pembinaan JRB	23,253.44	17/10/2011	14/11/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
5	Membaiki Balai raya Serai Wangi, Bukit Kapar, Klang.	25,000.00	Wira Indah Enterprise	23,259.44	17/10/2011	14/11/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
6	Membaiki Dewan Batu 8 1/2, Bukit Kapar, Klang.	30,000.00	Angun Mekar Enterprise	28,077.00	17/10/2011	14/11/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
7	Membaiki kerosakan Balai JKKK Kampung Bukit Kapar, Klang	30,000.00	Perniagaan Ismail	27,625.00	17/10/2011	14/11/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
8	Membaiki bumbung Balai Belia, Kg. Bukit Kapar, Klang	20,000.00	APT Jaya Enterprise	20,000.00	23/8/2011	6/10/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
9	Membaiki Kerosakan Dewan orang Ramai Kg. Bukit Kapar	20,000.00	Baiduri Unggul	19,948.00	17/1/ 2011	31/1/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
10	Kerja-kerja Mengecat Dewan Orang Ramai Kg. Bukit Kapar	7,947.00	Tembikar Emas Enterprise	7,947.00			Peruntukan Pejabat Daerah (Pembangunan)

BIL.	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	KONTRAKTOR	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2011 (RM)	PRESTASI FIZIKAL		SUMBER PERUNTUKAN
					T.MULA	T.SIAP	
KEMUDAHAN SUKAN		107,094.00					
11	Membaiki Gelanggang Badminton / Sepaktakraw di Kampung Meru, Klang	12,000.00	ADZ Builder Enterprise	12,000.00	23/8/2011	6/10/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
12	Membaikpulihan 2 buah gelanggang badminton / takraw di kawasan Surau Taman Dato' Bandar, Kg. Meru	20,000.00	Zamuda Constructions	20,000.00	23/8/2011	6/10/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
13	Membaikpulihan 2 buah gelanggang badminton / takraw di kawasan Masjid Nurul Jannah Kg. Meru, Klang	15,000.00	H.A.S Jaya Enterprise	15,000.00	23/8/2011	6/10/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
14	Membaiki Gelanggang Badminton / Sepaktakraw di Kampung Batu Belah, Klang	12,000.00	Ambang Semerah	12,000.00	23/8/2011	6/10/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
15	Membaiki gelanggang Futsal di Kampung Kuantan, Klang	12,000.00	Sarda Enterprise	12,000.00	23/8/2011	6/10/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
16	Membaiki Gelanggang Futsal di Kampung Bukit Kapar, Klang	15,000.00	Rofeah Bena	15,000.00	23/8/2011	6/10/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
17	Membaiki Gelanggang Futsal di Kampung Bukit Kerayong 2, Klang	12,000.00	Zalin Construction	12,000.00	23/8/2011	6/10/2011	Skyen. Agihan dan Pembangunan (UPEN)
18	Kerja-kerja Membaiki Kerosakan Gelanggang Gasing di Kg Bukit Kapar	9,094.00	Pembinaan Seri Delek	9,094.00			Peruntukan Pejabat Daerah (Pembangunan)
SURAU				6,662.00			
19	Membaiki Kerosakan Surau Jalan Haji Nasrun, Meru	6,662.00	KMN Tech Services	6,662.00	06.02.2012	29.03.2012	Peruntukan Pejabat Daerah (Pembangunan)
JUMLAH KESELURUHAN		361,703.00		346,771.28			

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KEWANGAN NEGERI

114. Merujuk buku “Urus Tadbir Selangor – Dasar, Program, Fakta” berkenaan kewangan negeri, m.s 14.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato’ Menteri Besar:

- a) Apakah faktor-faktor dan sumber berlakunya peningkatan akaun amanah disatukan kepada RM1,031.25 juta pada tahun 2011?
- b) Apakah sebab-sebab wang tunai susut kepada RM390.89 juta pada tahun 2011 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya?
- c) Apakah faktor-faktor dan sumber berlakunya peningkatan pelaburan kepada RM1,553.11 juta pada tahun 2011?

JAWAPAN :

- a.) Peningkatan Akaun Amanah Disatukan kepada RM1,031.26 juta pada tahun 2011 dapat diperjelaskan melalui jadual di bawah:

Butiran	Tahun		Perubahan	
	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)	(RM Juta)	%
<i>Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:</i>				
<i>i.) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>				
• Kumpulan Wang Pembangunan	128.23	141.20	12.98	10.1
• Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	13.59	10.25	-3.34	-24.6
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	305.72	332.43	26.71	8.7
• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	2.09	4.32	2.23	106.7
<i>ii.) Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	276.45	439.08	162.63	58.8
<i>iii.) Akaun Wang Deposit</i>	128.55	103.98	-24.57	-19.1
Jumlah	854.63	1,031.26	176.63	20.7

Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2011 adalah berjumlah RM1,031.26 juta berbanding RM854.63 juta pada akhir tahun 2010 iaitu meningkat sejumlah RM176.63 juta (20.7%)

Peningkatan berlaku pada baki Kumpulan Wang Amanah Awam (iaitu meningkat RM162.63 juta), Kumpulan Wang Pembangunan (iaitu meningkat RM12.98 juta) dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan (iaitu meningkat RM26.71 juta) antara penyumbang kepada peningkatan Akaun Amanah Disatukan secara keseluruhannya.

Kumpulan Wang Pembangunan yang meningkat sebanyak 10.1% berbanding tahun 2010 disebabkan terdapat lebih di dalam perbelanjaan pembangunan. Manakala, baki Kumpulan Wang Amanah Awam pula yang meningkat sebanyak 58.8% berbanding tahun 2010 adalah disebabkan oleh terdapat akaun-akaun amanah yang baru seperti Tabung Pendidikan Anak-Anak Syarikat & Badan Berkanun Negeri Selangor dan Akaun Amanah Pembangunan Persimpangan Bertingkat. Selain itu, terdapat peningkatan pada baki Akaun Amanah Tabung Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) dan juga peningkatan pada baki Kumpulan Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan juga meningkat sebanyak 8.7% berbanding tahun 2010 disebabkan terdapat peningkatan pada baki Akaun Urus niaga Tabung Warisan Negeri, pelbagai Akaun Pinjaman dan juga penyaluran dana kepada Akaun Amanah Bencana Alam

- b.) Wang Awam Kerajaan Negeri iaitu Wang Tunai dalam bentuk Simpanan Tetap dan Pelaburan dipegang bagi Kumpulanwang Disatukan yang terdiri daripada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.

Wang Awam pada akhir tahun 2011 adalah berjumlah RM1,944 juta iaitu **meningkat** sejumlah RM357.12 juta (22.5%) berbanding RM1,586.88 juta pada tahun 2009.

Butiran	Tahun	
	2011 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
WANG AWAM		
WANG TUNAI	390,891,515.39	658,273,694.11
PELABURAN	1,553,117,823.70	928,607,922.87
	1,944,009,339.09	1,586,881,616.98

Mulai tahun kewangan 2011, Wang Tunai -Deposit Dalam Negeri melebihi tempoh tiga (3) bulan berjumlah RM900,000,000.00 telah diklasifikasi sebagai Pelaburan selaras dengan pindaan kepada Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK 2), Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan. Pengklasifikasian ini menyebabkan kedudukan wang tunai susut pada tahun 2011 berbanding tahun 2010.

- c.) Peningkatan Pelaburan Kerajaan Negeri adalah disebabkan oleh peningkatan deposit dalam negeri/ simpanan tetap. Pengurusan kewangan serta prestasi kedudukan kewangan sebenar yang baik pada tahun 2010 dan 2011 antara faktor peningkatan deposit dalam negeri/ simpanan tetap .

Prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri yang baik pada tahun 2010 dan 2011 telah menyumbang kepada peningkatan simpanan tetap Kerajaan Negeri. Pada tahun 2010 kutipan hasil Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM1,571 juta. Secara perbandingan kutipan hasil tahun 2010 dengan tahun 2011 pula, prestasi kutipan hasil keseluruhan berakhir 31 Disember 2011 mengalami peningkatan berjumlah RM62.51 juta, iaitu 3.97% berbanding kutipan pada tahun 2010.

Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2011 adalah sebanyak RM1,553.12 juta berbanding RM928.61 juta pada tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 67.25%. Peningkatan ketara ini adalah disebabkan mulai tahun kewangan 2011, simpanan tetap bagi tempoh tiga (3) bulan atau lebih berjumlah RM900 juta telah diklasifikasikan sebagai Pelaburan - Deposit Dalam Negeri selaras dengan pindaan kepada Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK 2), Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan